



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

Penggunaan Bahasa Rasmi Mesyuarat [Ruangan 577]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 578]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan [Ruangan 592]

Aturan Urusan Mesyuarat [Ruangan 618]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Badan Berkanun Getah [Ruangan 592]

Rang Undang-undang Institiut Teknologi MARA [Ruangan 619]

Rang Undang-undang Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) [Ruangan 647]

Rang Undang-undang Eksais [Ruangan 664]

Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) [Ruangan 668]

Rang Undang-undang Petroliaam (Cukai Pendapatan) (Pindaan) [Ruangan 672]

MALAYSIA

PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

Penggal Yang Kedua

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBaidULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN TAPA, A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N. (Johor).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T. J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Dilantik).

Yang Berhormat DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).

- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ TAN SRI LIM CHING WAH, P.S.M., S.P.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K., (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., S.M.P., P.J.K., J.P. Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHAYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K. (Sabah).
- „ TUAN SYED OMAR BIN SYED HUSSAIN, S.M.P., A.M.N. (Perlis).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- „ PUAN HAJJAH CIK TOM SAUDAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA
DEWAN NEGARA

Selasa, 4hb Mei, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN YANG
DI-PERTUA

PENGGUNAAN BAHASA RASMI
MESYUARAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memaklumkan iaitu mulai mesyuarat Dewan Negara yang akan datang, Yang di-Pertua tidak lagi akan membenarkan dengan cara umum Ahli-ahli Yang Berhormat menggunakan bahasa Inggeris dalam ucapan-ucapan Ahli-ahli. Akan tetapi, Yang di-Pertua akan membenarkan seseorang Ahli Yang Berhormat menggunakan bahasa Inggeris hanya dalam perkara-perkara khas atau teknikal sahaja, yang mana pada timbangan Yang di-Pertua ada baiknya kerana sebab-sebab yang tertentu diberi kebenaran.

Lebih daripada lapan tahun telah berlalu sejak dibuat keputusan supaya Bahasa Malaysia diterima sebagai Bahasa Kebangsaan dan rasmi yang tunggal. Pada masa-masa yang lampau, Yang di-Pertua telah melonggarkan aturan mengenai penggunaan Bahasa Malaysia dan membenarkan setengah-setengah Ahli Yang Berhormat menggunakan juga bahasa Inggeris. Satu daripada tujuan-tujuannya ialah supaya Ahli-ahli itu dapat melatih diri supaya lebih mahir dalam Bahasa Malaysia. Sekarang sukacita saya melihat ramai Ahli-ahli Yang Berhormat berucap dalam Bahasa Malaysia dan membuktikan kebolehan mereka berbuat demikian. Oleh itu, saya anggap telah sampailah masanya kita ketatkan Peraturan Majlis Mesyuarat mengenai penggunaan Bahasa Malaysia.

Walau bagaimanapun, bagi Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabah dan Sarawak, mereka tidak dilarang menggunakan bahasa Inggeris mengikut peruntukan Akta Bahasa Kebangsaan, tetapi mereka digalakkan supaya

menggunakan Bahasa Malaysia seberapa yang boleh.

Setiausaha Dewan Negara telah diarah menghantarkan satu salinan Pengumuman ini kepada tiap-tiap seorang Ahli Yang Berhormat untuk makluman.

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN
LAYANAN JURURAWAT
KEPADA PESAKIT

1. Tuan Abdul Aziz bin Tapa minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan sungutan-sungutan orangramai terhadap layanan jururawat-jururawat terhadap pesakit-pesakit samada kursus dalam perkhidmatan bagi jururawat telah diadakan dan samada tatarakyat telah diajar sebagai salah satu matapelajaran, sesuai dengan budi bahasa dan adat resam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, kursus dalam perkhidmatan dan kursus-kursus ulangan bagi jururawat-jururawat adalah dikelolakan pada satu-satu tempuh masa yang teratur dan perkara-perkara yang diajar termasuklah perhubungan manusia dan orang ramai, tata-susila dan budi bahasa, adat resam dan kepercayaan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

Walau bagaimanapun, suka saya menyatakan di sini bahawa memandangkan kepada perkhidmatan perubatan kita yang membangun dengan pesatnya, Kementerian saya masih menghadapi kekurangan kakitangan kejururawatan. Nisbah bagi jururawat-jururawat kita jika dibandingkan dengan lain-lain negeri yang telah maju adalah masih sangat jauh rendahnya. Oleh yang demikian, kebanyakan daripada jururawat-jururawat kita terpaksa memikul beban kerja yang lebih dan mungkin kerana inilah terdapat beberapa kelemahan.

Bagi tahun 1976, Kementerian saya telah membuat permohonan sebanyak 921 jawatan tambahan jururawat dan pihak Ajensi Pusat pada asalnya telah bersetuju memberikan 866 jawatan tetapi pada akhirnya 672 jawatan sahaja yang telah diluluskan. Oleh kerana bilangan jawatan yang diluluskan itu adalah sangat kurang daripada bilangan asal yang dipohonkan. Kementerian saya masih lagi menjalankan perundingan untuk mendapatkan jumlah bilangan asal yang dipohonkan itu.

HOSPITAL DAERAH, JASIN

2. Tuan Abdul Aziz bin Tapa minta Menteri Kesihatan menyatakan samada Kementerian beliau mempunyai rancangan untuk membina sebuah hospital daerah di Jasin, Melaka dan jika ya, bila, jika tidak, mengapa.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kementerian Kesihatan jangka panjang untuk mengadakan sebuah Hospital dalam tiap-tiap Daerah di Semenanjung Malaysia ini. Pada masa ini keutamaan yang tinggi adalah diberi kepada kawasan-kawasan yang terpencil seperti di negeri-negeri di Pantai Timur, yang mana kemudahan-kemudahan Hospital adalah sangat kurang jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang di Pantai Barat.

Dengan peruntukan yang terhad tidak mungkin dapat diberi keutamaan yang lebih kepada setengah-setengah negeri selain dari apa yang dinyatakan di atas. Oleh yang demikian, cadangan Hospital bagi Jasin hendaklah mengikut jadual keutamaan yang tersebut.

Pekan Jasin tidak berapa jauh daripada Bandar Melaka dan Alor Gajah, di mana ada perkhidmatan Hospital pada masa sekarang. Pada masa ini untuk mengatasi masalah pesakit-pesakit, sebuah Ambulan baru telah ditempatkan di Pusat Kesihatan Besar dengan tujuan membawa pesakit-pesakit itu dengan segera ke Hospital dan juga jika perlu sebuah Ambulan tambahan akan ditempatkan di situ. Pusat Kesihatan Besar di Jasin memberi perkhidmatan perubatan dan kesihatan dan juga Pergigian kepada pesakit-pesakit luar.

TUDUHAN HANOI TERHADAP ASEAN

3. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah terjejas sikap ASEAN dengan limparan tuduhan oleh Hanoi terhadapnya yang mengatakan bahawa ASEAN adalah satu pakatan tentera menggantikan SEATO untuk mempertahankan Imperialisma Amerika. Samada Malaysia telah menerangkan kedudukan yang sebenarnya melalui duta-duta Malaysia di negeri tersebut dan jika sudah, apakah sambutannya.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah saya nyatakan dalam Dewan ini kenyataan yang dibuat oleh Hanoi itu mungkin terbit dari salah faham atau prasangka terhadap ASEAN. Kenyataan-kenyataan itu tidak akan menjejaskan ASEAN sendiri. Negara-negara ASEAN menyatakan hasrat mereka untuk menjalin hubungan dengan negara-negara Indo-China untuk kepentingan dan keuntungan bersama. Adalah diharapkan hubungan dan dialog yang diadakan dapat membasmikan apa-apa prasangka terhadap ASEAN di kalangan negara-negara Indo-China. Perwakilan-perwakilan Malaysia di Hanoi dan juga di negeri-negeri Indo-China telah memberi keterangan yang lanjut dan jelas kepada Kerajaan-kerajaan Vietnam dan juga Laos mengenai kegiatan Malaysia dalam ASEAN serta tujuan-tujuan ASEAN. Terpujanglah kepada Kerajaan-kerajaan itu membuat apa-apa kesimpulan yang mereka ingin.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian ini berpendapat bahawa dengan perhubungan diplomatik antara Kerajaan kita dengan Kerajaan Kemboja baharu-baharu ini telah menunjukkan satu pandangan yang baik daripada negara-negara block Indo-China itu terhadap ASEAN?

Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Ya.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan Malaysia dapat menerima dengan penuh kesabaran dan pengertian bahawa keadaan Kerajaan Hanoi itu sedang menyusun dan memperbaiki

tadbiran dalam negeri itu, maka dengan sebab itu satu masa lagi yang akan datang mereka akan memberi sokongan yang penuh terhadap konsep ASEAN kita.

Tengku Datuk Ahmad Rithauddin Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan pertama, saya rasa sukar hendak memberikan pandangan apa yang berlaku dalam negeri mereka, tetapi untuk menjawab soalan kedua, saya suka menyatakan kita berharap moga-moga pada masa yang akan datang dengan persefahaman yang sejelas-jelasnya kedudukan ASEAN, kita akan dapat berhubung dan bekerjasama pada masa-masa akan datang.

KAWASAN-KAWASAN PERINDUSTRIAN

4. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) bilangan kawasan perindustrian mengikut negeri di Malaysia;
- (b) bilangan yang masih terbengkalai;
- (c) bilangan yang akan didirikan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga; dan
- (d) kenapa Kawasan Perindustrian Segamat ditinggalkan begitu sahaja.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Mengikut siasatan baru-baru ini ke atas Kawasan-kawasan Perindustrian yang dijalankan oleh Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan, kini terdapat sejumlah 54 kawasan perindustrian di Malaysia. Pecahannya adalah seperti berikut: Negeri Johor—5, Negeri Melaka—7, Negeri Sembilan—2, Negeri Selangor—8, Negeri Perak—5, Negeri Pulau Pinang—8, Negeri Kedah—4, Negeri Pahang—4, Negeri Trengganu—2, Negeri Kelantan—1, Negeri Sarawak—5, dan Negeri Sabah—3.
- (b) Di antara 54 kawasan perindustrian di Malaysia, 35 daripadanya masih belum dipenuhi keseluruhannya. Walau bagaimanapun, sebahagian besar dari 35 kawasan perindustrian ini telah diperuntukkan kepada pelabur-pelabur yang berminat.
- (c) Sejumlah 51 kawasan perindustrian baru telah dicadangkan oleh berbagai Kerajaan Negeri untuk dimajukan

dalam Rancangan Malaysia Yang Ketiga. Walau bagaimanapun, bilangan sebenarnya yang akan ditubuhkan adalah bergantung kepada pertimbangan selanjutnya tentang kesesuaian setiap cadangan ini.

- (d) Sebagaimana pada jawapan (c), pembangunan kawasan perindustrian ini akan bergantung kepada kesesuaiannya untuk dijadikan kawasan perindustrian.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian ini sedar atau berpendapat bahawa kawasan perindustrian di Segamat itu tidak sesuai dan dengan itu kita patut tarik balik rancangan itu.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, mengenai kawasan perindustrian di Segamat ini memang telah ada cadangan dahulu untuk mengwujudkan satu kawasan perindustrian di situ, kalau tidak silap saya satu kawasan kira-kira 3 batu daripada bandar Segamat, dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor telah mengambil langkah untuk mendapatkan sebidang tanah seluas kira-kira 114 ekar untuk dijadikan kawasan perindustrian itu. Akan tetapi, oleh kerana terdapat pada akhir-akhir ini ataupun dua tahun yang lalu, keadaan ekonomi yang tidak baik yang mungkin telah menyebabkan beberapa pelabur asing yang pada asalnya bertujuan untuk mendirikan industrinya di kawasan Segamat telahpun menukar sikapnya, maka Perbadanan Kemajuan Negeri Johor merasakan perlu pada ketika itu untuk menumpukan usahanya kepada membangun dan membina industri-industri di kawasan perindustrian yang sedia ada sebelum dibuka satu kawasan yang baharu. Jadi, dari segi ini nampaklah memang telahpun ada hasrat daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Johor, akan tetapi kalau sekiranya dalam keadaan pada hari ini ada pelabur-pelabur yang dapat menyatakan keinginannya untuk mendirikan kilang-kilang di Segamat. Saya fikir Perbadanan Kemajuan Negeri Johor akan mengambil tindakan untuk menentukan bahawa rancangan membina satu kawasan perindustrian di Segamat yang telahpun dicadangkan dahulu itu diteruskan semula ini terpaksa menimbang kepada keadaan yang akan ada selepas ini.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian ini sedar bahawa pelabur-pelabur asing tidak begitu berselera hendak membuat perindustriannya dalam Negeri Johor dalam lima kawasan, di antaranya seperti di Batu Pahat atau di Muar mereka lebih suka menanamkan modalnya kepada perindustrian di Melaka. Jadi saya hendak bertanya apa langkah Kementerian ini supaya tidak berselera pelabur asing ke Negeri Johor itu dapat mereka pada masa akan datang lebih-lagi mewujudkan perindustrian di kawasan-kawasan yang telah saya sebutkan termasuk di Segamat tadi.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak fahamlah macammana pelabur-pelabur ini tidak ada selera: selera tidorkah atau selera makan, tetapi daripada apa yang kita nampak bahawa selera mereka untuk melaburkan pelaburan mereka itu di Negeri Johor di kawasan-kawasan, katakanlah, di kawasan perindustrian Tampoi, di Larkin, di Pasir Gudang, di Tongkang Pecah dan di Muar juga di Tanjong Agas, nampaknya telah semakin hari semakin bertambah. Maka dari segi itu kita nampak daripada yang tidak ada dahulu sekarang ini pun telah ada, jadi minat mereka ke arah melaburkan pelaburan mereka ke kawasan-kawasan industri yang telah ujud itu, nampaknya semakin bertambah baik, hanya masaalahnya sekarang cara mana yang dapat kita buat bagi menambahkan lagi pelaburan di kawasan-kawasan yang telah diwujudkan itu. Ini satu masaalah yang kita akui masih ada dan masaalah-masaalah ini kadang-kala ada hubungannya, bukan sahaja dari segi pelabur itu sendiri tetapi dari segi kemampuan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri dan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menyelesaikan beberapa masaalah yang boleh menggalakkan atau mempercepatkan lagi para pelabur yang hendak melaburkan pelaburan di kawasan-kawasan perindustrian yang sedia ada itu. Masaalah-masaalah ini terutamanya ialah masaalah infra-strukture yang perlu disediakan dengan sebaik-baiknya.

Dari segi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian kita akan cuba membawa seberapa banyak industri ke kawasan-kawasan perindustrian di seluruh negara. Dan mungkin akan cuba juga menambah selera mereka itu untuk melabur ataupun mendirikan industri-industri di kawasan

kawasannya yang kurang maju sekali. Tetapi segala usaha yang dapat kita buat itulah tidak akan mendatangkan kesan yang baik ataupun mendatangkan hasil yang sepenuhnya jika sekiranya kerjasama daripada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri dapat dilaksanakan dengan baiknya pula. Kita akan cuba berusaha kearah ini dan di mana-mana negeri yang kita fikir pelaburan yang kita setuju belum dapat dilaksanakan dengan baiknya kita akan mengambil tindakan agar pelaburan-pelaburan yang telah dipersetujui itu dapat terlaksana sebagaimana yang kita harapkan.

BANGUNAN-BANGUNAN SEJARAH

5. Tuan A. Arunasalam minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah bangunan-bangunan sejarah yang diperolehi oleh Kerajaan setakat hari ini;
- (b) apakah langkah-langkah Kerajaan yang telah dan sedang diambil untuk memelihara serta memperkenalkan sejarah-sejarah tempatan serta nilainya kepada jenerasi muda kita; dan
- (c) di Bentong terdapat rumah kepunyaan Allahyarham Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak yang kini kosong sahaja di persimpangan ke air terjun di Camang yang sentiasa dikunjungi oleh pelancung-pelancung. Rakyat di Bentong khasnya dan di Pahang amnya telah mencadangkan supaya rumah ini diperolehi oleh Kerajaan dan dijadikannya sebagai sebuah muzium kecil mempamerkan gambar-gambar, sejarah dan kata-kata Allahyarham dan perpustakaan daerah supaya ini akan memberi satu peransang dan dorongan kepada jenerasi muda untuk menghargai jasa-jasa Allahyarham serta mencontohi langkah-langkahnya sebagai seorang negarawan. Adakah Kementerian beliau akan menimbang tentang cadangan ini.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Athi Nahappan): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu monumen-monumen dan kawasan bersejarah yang telah diperolehi oleh Kerajaan setakat hari ini adalah seperti berikut:
 - (i) 5 buah Candi Hindu di Negeri Kedah.

- (ii) Batu Bersurat Cherok Tokun di Seberang Perai.
- (iii) Kota Belanda di Pangkor dan lukisan prasejarah Tambun di Negeri Perak.
- (iv) 2 buah kota; iaitu Kota Melawati dan Tanjung Keramat di Kuala Selangor di Negeri Selangor.
- (v) Keramat Sungai Udang, Kota Lukut dan batu-batu hidup di Terachi dan Kuala Pilah di Negeri Sembilan.
- (vi) Kesan-kesan sejarah di Bukit St. Paul, St. Johns, Porte de Santiago, Makam Hang Jebat, Makam Hang Kasturi, Perigi Raja, Kota Linggi dan Batu Hidup di Alor Gajah, di Melaka.

Di samping itu Jabatan Muzium juga telah memperolehi dua buah rumah bersejarah untuk dipelihara dan dipamerkan iaitu Istana Satu di Trengganu dan sebuah rumah di Chengkau, Negeri Sembilan. Rumah-rumah ini diperolehi berdasarkan keistimewaan senibina dan ukirannya.

(b) Untuk menjawab soalan (b) pula di antara langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan melalui Jabatan Muzium adalah:

- (i) Mengumpul, mendokumen dan mempamerkan kesemua harta-harta kebudayaan dan bersejarah di balai-balai pameran Muzium Negara dan lain-lain Muzium. Di antaranya disimpan di setor untuk tujuan penyelidikan penuntut-penuntut dan mahasiswa dari sekolah-sekolah dan institusi pelajaran tinggi.
- (ii) Bahagian Khidmat Pelajaran Muzium Negara telah mengadakan pameran bergerak ke sekolah-sekolah di Negeri Sembilan, Melaka dan Johor dan akan meneruskan khidmat ini keseluruh Semenanjung. Cara ini membolehkan kanak-kanak sekolah mengenal bahan-bahan sejarah mereka dari dekat, tidak hanya setakat membaca dan melihat gambar dari buku sahaja.

(iii) Jabatan Muzium juga sentiasa meminjamkan bahan-bahan sejarah tanahair kepada sekolah-sekolah dan persatuan-persatuan sejarah yang ingin mengadakan pameran sejarah.

Selain daripada Jabatan Muzium, ada juga agensi-agensi lain yang turut memainkan peranan mengumpulkan bahan-bahan sejarah tanahair dan seterusnya memperkenalkan kepada jenerasi muda. Di antaranya Arkib Negara dan Jabatan Sejarah di universiti-universiti tempatan. Bahan-bahan ini memberikan kemudahan kepada para penyelidik terutama mereka yang ingin menulis semula sejarah tempatan berdasarkan kaca-mata orang tempatan sendiri.

(c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan, rumah yang dimaksudkan itu mengikut rekod di Pejabat Majlis Bandaran Bentong adalah kepunyaan Toh Puan Zainon, bukannya kepunyaan Allahyarham Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak. Terpulanglah kepada Toh Puan Zainon sendiri menentukan bagaimana rumah itu akan digunakan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Apa usaha Kementerian ini dengan orang ramai supaya dapat memberikan dan menunjukkan kesan-kesan sejarah yang ada di kampung dan di hulu-hulu. Satu daripadanya. Tuan Yang di-Pertua, yang saya tunjukkan seperti di Hulu Sungai Muar. Baru-baru ini penduduk di situ telah berjumpa loceng dalam kuil lama pada zaman Kerajaan Hindu dulu Loceng yang digunakan di sebuah kuil Hindu. Jadi saya hendak tahu apa ada hubungan Kementerian ini pada memberikan kerjasama dan pandangan orang ramai dalam masaalah ini.

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, sambil saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu, saya fikir untuk menjawab soalnya saya perlukan sedikit masa untuk menyiasat tempat bersejarah ini. Saya tidak ada jawapannya sekarang ini atas soalan ini.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan. Oleh kerana Allahyarham Tun Abdul Razak, bekas Perdana Menteri, Malaysia,

pegang jawatan yang paling tinggi jika dibandingkan dengan pemimpin-pemimpin dunia. Sungguhpun sudah lebih kurang 110 hari Allahyarham meninggalkan kita; rakyat sentiasa berdoa. Saya ingin tahu adakah apa-apa rancangan Kerajaan kita untuk mengadakan satu "Tun Abdul Razak Square" di bandar Kuala Lumpur sepertimana di negeri China Kominis ada "Peace of Heavenly Square" atau "Tien An Men Square" di Peking.

Datuk Athi Nahappan: Saya boleh jawab, Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan sedang mengkaji dengan giatnya segala usul dan cadangan yang dikemukakan oleh berbagai pihak untuk mengenangkan dan menghargai jasa-jasa Allahyarham Tun Abdul Razak kepada negara.

Satu Jawatankuasa Khas telah dilantik untuk mengkaji dan meneliti segala cadangan yang telah dikemukakan. Pada sekarang ini bolehlah saya beri jaminan kepada Ahli Yang Berhormat itu pandangannya akan disampaikan kepada Jawatankuasa ini.

PEKERJAAN KEPADA KAUM INDIA

6. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengadakan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat di negara ini terutamanya kaum India, baik di dalam perjawatan Kerajaan ataupun pihak swasta.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Abdullah Majid): Tuan Yang di-Pertua, saya amat dukacita ada lagi pertanyaan seperti ini dikemuka dalam Dewan yang mulia ini. Walaupun kita telah sampai kepada peringkat akhir Rancangan Malaysia Kedua dan masuk ke Rancangan Malaysia Ketiga. Saya fikir kenyataan tentang langkah-langkah Kerajaan mengenai hal ini telah banyak dinyatakan baik di Dewan Negara ini mahupun di Dewan Rakyat. Bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu Kerajaan sentiasa mengadakan peluang-peluang pekerjaan kepada semua rakyat tidak mengira keturunan kaum mereka melalui projek-projek perindustrian dan lain-lain di dalam sektor pertanian. Dan dengan ini kita harapkan peluang pekerjaan ini akan dapat diambil oleh mereka yang berkenaan.

Berkenaan dengan peluang pekerjaan di dalam jabatan Kerajaan, Ahli Yang Berhormat itu tentulah tahu bahawa segala peluang pekerjaan sentiasa diiklankan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan ini tidak ada kena-mengena dengan soal kaum atau keturunan.

Berkenaan dengan pihak swasta memanglah Kerajaan sentiasa mengingatkan pihak swasta supaya mereka menjaga komposisi pekerja mereka pada setiap masa untuk mencerminkan keadaan penduduk negara kita pada masa ini.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan. Saya sedar, memang Kerajaan mengadakan dasar untuk menolong semua golongan rakyat tetapi mengimplimentasikan dasar Kerajaan itu bukanlah memuaskan semua golongan rakyat. Jika kita pandang di emporium, di Supermarket atau di bank ini boleh menggambarkan pekerja-pekerjanya di situ, adakah apa-apa langkah pada masa akan datang supaya setiap majikan swasta, pekerja-pekerjanya mestilah diberi kepada semua golongan rakyat iaitu menunjukkan concept multi-racial bukan untuk satu-satu bangsa sahaja.

Tuan Abdullah Majid: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu juga melihat bahawa di emporium yang dikatakannya tadi ada terdapat pencerminan komposisi warganegara Malaysia yang dikehendaki di mana pekerjaan diberi peluang kepada semua keturunan dan saya percaya ini akan diteruskan.

PELAJARAN PERCUMA

7. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan akan menimbang mengadakan pelajaran percuma dari Darjah Satu hingga ke Tingkatan Lima bermula dari tahun 1977.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelajaran percuma telahpun diberikan di semua sekolah-sekolah rendah (dari Darjah I hingga Darjah VI) dan Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan.

Walau bagaimanapun pelaksanaan dasar pelajaran percuma untuk sekolah-sekolah menengah jenis kebangsaan yang menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar akan lewat sedikit kerana implikasi kewangannya.

KIPAS ANGIN DI BILIK DARJAH

8. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan akan menimbang memasang kipas angin elektrik di dalam bilik-bilik darjah di semua sekolah-sekolah Kerajaan memandangkan bahawa penuntut-penuntut kita sedang belajar dalam keadaan yang tidak memuaskan pada masa sekarang.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, kipas angin adalah salah satu kemudahan yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran di bilik-bilik darjah dan pertimbangan akan diberi di mana sesuai. Walau bagaimanapun oleh kerana peruntukan kewangan amatlah terhad maka kemudahan kipas angin hanya dapat ditimbang setelah kemudahan-kemudahan lain yang lebih penting telah dapat disediakan terlebih dahulu.

PERBELANJAAN RUKUN TETANGGA

9. Datuk Dr Wee Khoon Hock minta Perdana Menteri menyatakan bilangan Unit Rukun Tetangga di Malaysia Barat yang telah diwartakan dan dilaksanakan, dan apakah langkah yang akan diambil untuk mempercepat lagi pelaksanaan unit-unit baru, dan samada Kerajaan akan membiayai sebahagian daripada perbelanjaan unit-unit Rukun Tetangga supaya mereka dapat menjalankan tugas dengan lebih cekap lagi.

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 85 sektor Rukun Tetangga telah dilancarkan dengan rasminya di beberapa kawasan di Semenanjung Malaysia, sejak pelancarannya bulan Ogos, 1975. Selain daripada itu, ada beberapa kawasan yang sedang menjalankan sekim ini secara sukarela, sebelum dilancarkan dengan rasminya. Dari jumlah yang disebutkan, 65 sektor telah diwartakan dan bakinya akan diwartakan tidak lama lagi.

Bagi mempercepat pelaksanaan penubuhan Sektor baru pula, beberapa taklimat dan penerangan sekim Rukun Tetangga di semua aspek telah diberi kepada Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri dan Daerah di seluruh Malaysia Barat dengan tujuan supaya dapat mereka melaksanakan penubuhan dan pelancaran Rukun Tetangga dengan cepat dan kemas. Pegawai-pegawai yang bertanggungjawab di peringkat negeri dan daerah, sedang giat merancang dan mengaturkan pelancaran Rukun Tetangga, dari masa ke semasa di Negeri masing-masing.

Berkenaan dengan bantuan perbelanjaan pula, pihak Kerajaan belum lagi berniat untuk mengeluarkan peruntukan bagi menjayakan rancangan ini, kecuali atas barang-barang yang sangat perlu sahaja, seperti menyediakan Borang Pendaftaran, Kad Kuasa Surat Tauliah Perlantikan Ahli Jawatankuasa dan Borang Cuti. Rancangan Rukun Tetangga ini telah diwujudkan dengan konsep semangat berdikari atau self-reliance. Terpulanglah kepada kebijaksanaan Jawatankuasa di sesuatu sektor itu untuk memikirkan cara bagaimana mereka dapat memperolehi kewangan bagi membiayai perbelanjaan yang diperlui.

Dalam perkara ini, saya sangat tertarik hati melihatkan semua Jawatankuasa Sektor Rukun Tetangga yang telah dilancarkan dapat bergerak, tanpa memperolehi peruntukan kewangan daripada Kerajaan. Mereka telah mengadakan berbagai cara seperti menyewa filem yang dipertunjukkan kepada orang ramai dan mendapatkan kutipan derma, jualan barang-barang bagi keperluan penuntut sekolah dan sebagainya. Ini adalah satu pendekatan baru di mana rakyat sendiri mengadakan peruntukan dan alat kelengkapan tanpa mendapat bantuan daripada Kerajaan. Aktiviti ini ialah untuk menjayakan Rancangan Rukun Tetangga yang akan menjamin keselamatan dan ketenteraman rakyat serta kedaulatan negara.

MEMULIHKAN MORAL RAKYAT

10. Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein minta Perdana Menteri menyatakan apakah daya usaha yang akan diambil bagi memulihkan moral rakyat agar bermaruah tinggi, sesuai dengan nilai-nilai ketimuran serta menyanjung tinggi cita-cita dan matlamat

murni rukunegara, selain dari tindakan yang kini sedang dijalankan tetapi kurang berkesan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah sama seperti jawapan kepada soalan yang lebih kurangnya sama yang telah saya sampaikan kepada Dewan ini pada petang kelmarin.

Seperti yang telah saya nyatakan, Kerajaan telah dan akan terus berusaha mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk meninggikan moral dan dedikasi dengan melalui berbagai-bagai ejensi Kerajaan seperti Kementerian Pelajaran, Kementerian Penerangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Lembaga Perpaduan Negara dan Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri untuk menimbulkan kesedaran kepada setiap individu serta mewujudkan masyarakat yang tersusun demi untuk melahirkan keseimbangan antara kemajuan material dan kemajuan rohaniah di negara ini.

Selain daripada menerusi dasar pelajaran kepada murid-murid diberi latihan sivik dan ugama maka kursus-kursus dan latihan, berpandukan konsep Rukunegara adalah sentiasa diadakan oleh Kerajaan, misalnya di INTAN (Institusi Tadbiran Awam Negara), kepada bakal-bakal Pegawai dan Pentadbir bagi negara ini, di Instituti Dakwah dan Latihan Islam di Pusat Islam, di Pusat Latihan Belia Pembina Negara di Dusun Tua, Kelas Kemajuan Masyarakat yang ada di seluruh negara kita, kelas perpaduan rakyat menerusi Lembaga Perpaduan Negara, kursus sivik, atau tatarakyat atau tatanegara sentiasa dianjurkan oleh Jabatan Penerangan. Begitu juga di tiap-tiap pusat latihan seperti latihan guru, jururawat, polis, tentera dan lain-lain adalah sentiasa ditekankan dalam masalah moral, sivik dan disiplin. Tetapi suka saya tegaskan sekali lagi di Dewan yang mulia ini bahawa usaha membina moral yang tinggi di kalangan rakyat negara ini bukanlah menjadi tanggungjawab Kerajaan semata-mata, tetapi ianya adalah menjadi kewajipan bersama oleh setiap rakyat dari berbagai golongan dan peringkat lebih-lebih lagi dari pemimpin-pemimpin masyarakat dari semua golongan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa, walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1) Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang dibentangkan dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa, walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1) Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang dibentangkan dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG BADAN BERKANUN GETAH

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (3hb Mei, 1976).

3.10 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, menyambung ucapan saya semalam dalam peruntukan Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini telah memberikan satu kuatkuasa kepada Menteri boleh menarik balik atau menggantung bantuan-bantuan ataupun mengembalikan

bayaran yang telah dibayar kepada pekebun-pekebun kita. Peruntukan ini menurut hemah saya ialah satu perkara baru yang terjadi dalam usaha menanam getah semula dalam negeri ini. Walau bagaimanapun, nafsu peruntukan ini saya fikir adalah baik dan suci, tetapi saya harap kepada Kementerian yang ada kuatkuasanya yang telah diberikan melalui peruntukan undang-undang ini hendaklah berhati-hati dan bercermat supaya tidak menjejaskan keadaan harapan pekebun-pekebun kecil kita khususnya dan peladang kita dalam tanahair ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya memikirkan bahawa walaupun peruntukan ini kita akan luluskan di Dewan ini, tetapi saya merayu kepada Menteri yang ada peruntukan ini iaitu melepaskan segala kes-kes yang sedang berlaku sekarang supaya dapat diberikan kemudahan kepada penanam-penanam itu dan kuatkuasa ini akan dijalankan setelah Rang Undang-undang ini dijalankan. Saya berkata begitu bahawa kawasan-kawasan ini telah ditanam getah dengan baka yang baik, mutu yang baik dan pada masa yang akan datang pekebun kecil kita akan dapat hasil yang baik dan negara juga dapat hasil yang baik. Melalui hasil yang baik ini kita akan dapat peruntukan kewangan melalui potongan cukai getah yang dikeluarkan daripada kebun-kebun yang terlibat ini.

Tuan Yang di-Pertua, semalam Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telah membangkitkan tentang masaalah rancangan kredit, yakni pinjaman. Ini satu rancangan yang sangat baik yang dapat diterima oleh pekebun-pekebun getah kita tetapi saya harap rancangan ini janganlah dibataskan pada satu-satu kumpulan sahaja, tetapi hendaklah diluaskan kepada pekebun kecil kita yang telah mendapat tanah daripada Kerajaan yang boleh ditanam getah dan apabila kita hendak membuat rancangan tanaman baru (berkelompok) tidak dapat disesuaikan. Kalau rancangan kredit ini diberikan pinjaman kepada tuan punya tanah yang berhak menanam getah ini, saya percaya mereka akan mengikut rancangan ini dan menerima pinjaman itu untuk membaiki taraf tanaman getahnya pada masa yang akan datang. Kalau mereka ini tidak diberi peluang dalam rancangan yang begini baik saya percava nasib pekebun kecil getah kita yang terlibat dalam masaalah ini tidak akan dapat menyaingi sebagaimana kawan-kawan yang lain yang menerima bantuan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang patut dikaji oleh Kementerian ini iaitu beribu-ribu ekar tanah getah yang telah ditukar syarat daripada menanam getah kepada kelapa sawit. Apabila tanah ini telah ditanam kelapa sawit kepada kita sampai 30 tahun tuan punya tanah ini akan menanam semula atas tanah itu. Menurut peraturan sekarang tanah yang telah diubah syarat kepada kelapa sawit itu mereka tidak berhak lagi menerima bantuan wang dan lain-lain. Masaalah ini saya kira kurang adil kepada kita memberhentikan bantuan ini sebab sejak 30 tahun dahulu kita telah memotong cukai ses sebanyak 4 sen pada satu paun kepada pekebun kecil ini tetapi wangnya itu kita berhentikan. Dengan keadaan yang macam ini saya fikir Kementerian ini patut memikirkan iaitu bantuan kepada pekebun kecil yang saya sebutkan ini dapat diteruskan dan dengan keadaan macam ini akan memberikan satu pertolongan kepada mereka dan juga kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalah R.R.I. ini satu badan yang sangat baik, sangat diharap oleh pekebun kecil kita bahawa melalui badan inilah kita akan dapat baka-baka pokok getah yang bermutu yang boleh mengeluarkan hasil yang baik tetapi selama yang saya ikuti bahawa badan ini telah mengeluarkan berbagai-bagai jenis baka getah yang bermutu dengan jenis-jenis yang tertentu seperti 86 atau 600. Pokok-pokok getah ini bila ditanam oleh pekebun kita samada pekebun kecil atau ladang-ladang selalu dimusnahkan oleh ribut dan taufan. Pada akhir-akhir ini kita dapati tidak kurang daripada beribu-ribu ekar tanah tanaman getah kita yang telah musnah dengan sebab ribut taufan ini. Saya harap pada masa hendak memberikan benih-benih pokok getah ini kepada pekebun kecil kita hendaklah diawasi dan diteliti dengan keadaan tanah dan iklim tempat itu sebab kalau pekebun kecil menerima nasib pokok getahnya tumbang dimusnahkan oleh ribut taufan maka sara hidupnya akan terhenti. Dengan keadaan ini saya fikir Pejabat R.R.I. ini satu jabatan yang patut memikir dan mengkaji semula dalam masaalah pembekalan benih-benih ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap dalam masaalah lesen Lembaga Pasaran dan Pelesenan Getah di Malaysia ini. Satu perkara yang kita berasa bangga bahawa di Kuala Lumpur ini telah diisytiharkan sebagai

tempat pemasaran getah, tetapi saya hendak tahu hingga setakat ini berapa banyak getah-getah yang dapat dibeli di Kuala Lumpur ini dan kita dapat tahu pada masa sekarang getah ini banyak dialirkan ke Singapura dan ke Taiwan. Saya nampak bahawa usaha ini patut disemak semula supaya benar-benar berkesan dapat memberi faedah dengan usaha yang dibuat oleh Kerajaan dalam masaalah ini.

Dalam masaalah lesen juga, Tuan Yang di-Pertua, ada negeri-negeri yang pada masa sekarang belum lagi mahu menerima rancangan pelesen yang telah diisytiharkan oleh Kementerian ini. Pelesen-pelesen getah yang ada pada masa sekarang menggunakan lesen yang asal, mereka tidak mempedulikan atas kehendak-kehendak Kementerian ini sebab Kementerian ini tidak mahu berunding dengan Kerajaan-kerajaan Negeri itu demi faedah negeri itu. Kita dapat tahu tidak kurang daripada beratus-ratus permohonan lesen baru yang hendak dikeluarkan tetapi dengan tidak adanya kerjasama daripada Kerajaan Negeri usaha-usaha yang dikehendaki oleh pemohon-pemohon lesen ini tidak dapat dikeluarkan terutama sekali pada saat yang akhir ini ramai pemohon-pemohon lesen itu terdiri daripada kalangan bumi-putra.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap dalam masaalah MARDEC. Kita puji Kementerian ini yang telah menjalankan satu usaha dan ikhtiar bagi menaikkan taraf dan menaikkan harga getah supaya stabil dengan mengadakan berbagai-bagai rancangan stockpilenya dan mendirikan kilang-kilang memproses getah yang disebut MARDEC, kata Yang Berhormat Menteri ada 14 buah dalam negeri ini dan mendirikan pusat memproses getah cara berkelompok. Ketiga-tiga cara ini sangat baik, tetapi bila getah-getah kering ini ada harganya maka getah itu akan mengalir ke tempat lain dan akan merugikan badan-badan Kerajaan yang saya sebutkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu contoh saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan kilang getah MARDEC telah diamalkan oleh setengah-setengah manusia yang bertanggungjawab dalam kilang ini iaitu oleh sebab harga getah ini mahal pada masa sekarang dan juga ramainya yang berkehendakan getah itu supaya dapat dibeli dengan cara yang mudah dan

lebih banyak, maka getah-getah yang dihantarkan kepada kilang getah MARDEC ini ada pengaduan yang telah disampaikan kepada saya bahawa getah yang dihantarkan kepada kilang ini sebanyak satu pikul tetapi pihak yang berkenaan itu membayar wangnya dengan harga dua pikul. Wang yang sepikul itu mereka membuat satu pakatan curang supaya diambil oleh mereka yang menjalankan kumpulan-kumpulan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kilang MARDEC ini biasanya dibuat di tepi-tepi sungai dan getah yang ada dalam kilang itu lari di waktu malam. Getah itu hanyut terapung di waktu malam iaitu getah dan sekerapnya bocor hanyut ke sungai dan manusia yang ada dalam sungai itu memasukkannya dalam perahu nun di seberang sana ada lori yang mengangkut dan membeli getah ini. Ini satu kebocoran yang ada pada kilang-kilang getah MARDEC yang dibuat oleh Kerajaan. 14 buah kilang ini mungkin ada berbagai-bagai curang dan penyelewengan yang berlaku. Saya harap kepada Kementerian ini supaya mengemaskan pentadbirannya supaya tidak kebocoran ini berulang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengadakan satu rancangan stockpilesnya, menyimpan getah-getah yang banyak di gudang-gudang dengan tujuan yang baik, tetapi getah yang ada dalam gudang ini telah dimakan oleh tikus iaitu dahulu saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ketika kilang getah kita di Petaling Jaya terbakar. Kata Yang Berhormat Menteri tidak ada subversif campur tangan atas kebakaran itu. Tetapi baru-baru ini saya telah menerima khabar angin yang boleh dipercayai daripada orang yang berniaga bahawa getah yang ada dalam simpanan setor gudang kita itu telah dilarikan dan telah dijual masuk ke kapal. Bila Jabatan ini hendak mengambil tindakan orang yang bertanggungjawab di kilang itu ia berasa takut dan gentar kerana tindakan akan dilakukan ke atasnya maka satu tindakan lain dilakukan iaitu membakar kilang itu. Kalau keadaan ini berlaku berleluasan akan merugikan negara dan saya harap semua kilang dan setor-setor menyimpan getah itu dikaji dan disiasat balik, berapa banyak yang disimpan dan berapa banyak yang bocor. Usaha ini saya utarakan demi hendak menjaga nama baik Kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalah memproses getah berkelompok ini, saya berikan kepujian kepada Kementerian ini, sebab melalui usaha ini getah pekebun kecil yang ada di hulu-hulu dapat menaikkan taraf getahnya kepada satu mutu yang baik dan dapat harga yang baik dan satu usaha yang dibuat oleh rancangan berkelompok ini di kawasan itu juga diadakan kedai runcit, kedai menjual alat-alat yang ada kaitan dengan pekebun kecil dan di situ juga mereka mengadakan Kelas Tadika dan Kelas menjaga anak-anak kecil. Ibu-bapa yang pergi menoreh getah boleh menumpang anak-anak mereka itu pada kelas yang diadakan oleh RISDA ini. Saya dapat tahu bahawa di kelas ini juga diadakan kelas memasak, kelas menjahit dan kelas ugama. Saya puji dan saya berikan tahniah kepada Kementerian ini yang telah membuat satu rancangan yang teratur dan baik dan langkah-langkah yang seumpama ini, saya harap patut diluaskan ke seluruh tanahair kita ini.

Dalam masaalah memilih ahli-ahli jawatankuasa, saya suka menyebutkan dan semalam Yang Berhormat Menteri yang bersemaian berkata bahawa ahli-ahli jawatankuasa ini akan bertanggungjawab dalam lembaga yang ada dalam Akta ini. Saya suka mengingatkan Kementerian ini pada masa yang akan datang, ahli-ahli jawatankuasa yang menduduki dalam lembaga ini saya harap hendaklah benar-benar datang daripada Persatuan Pekebun Kecil Malaysia yang tinggal dan satu pihak lagi daripada ladang-ladang besar dalam tanahair ini. Saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan supaya ahli-ahli lembaga ini hendaklah lebihkan pada pekebun kecil sebab pekebun kecil kita pada masa sekarang kelulusan dan hasil yang dikeluarkan oleh pekebun kecil itu lebih besar daripada ladang-ladang dan saya tidak mahu dalam lembaga ini pada masa yang akan datang diduduki oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab atau orang yang mengaku dirinya Persatuan Pekebun Kecil tetapi dianya mewakili dirinya seorang.

Satu masaalah lagi ialah jawatankuasa ini akan diberi peluang kepada FELDA. Saya hendak tahu kedudukan FELDA duduk dalam jawatankuasa ini. Adakah FELDA mewakili ladang-ladang besar ataupun pekebun-pekebun kecil? Kalau FELDA mewakili ladang-ladang itu tidak sah dan tidak betul, sebab FELDA itu kebunnya dipunyai oleh tiap-tiap pekebun kecil. Jadi, saya harap

Kementerian ini hendaklah memerhatikan bahawa wakil FELDA yang duduk dalam jawatankuasa getah ini hendaklah mereka yang bersimpati dengan ahli-ahli lembaga pihak pekebun kecil itu.

Tuan Yang di-Pertua, semalam Yang Berhormat Menteri telah memberikan pandangan bahawa di antara rancangan RISDA telah mengadakan satu tabung biasiswa iaitu untuk melatih memberi kursus kepada pegawai-pegawainya dan juga memberikan satu peluang kepada anak-anak pekebun kecil bagi menerima pelajaran tinggi samada dalam dan luar negeri. Ini satu usaha yang sangat baik, tetapi saya harap tabung biasiswa yang ada ini hendaklah diawasi benar-benar dan betul-betul bahawa anak-anak pekebun kecil yang layak menerima biasiswa ini janganlah diberikan kepada orang yang tertentu, Kementerian ini boleh berhubung dengan Persatuan Pekebun Kecil Malaysia yang tinggal yang ada sekarang pada memberikan perakuan dan mendapatkan anak-anak daripada pekebun kecil yang layak menerima biasiswa. Kita tidak berhajat hasil daripada pekebun kecil ini faedah dan munafaatnya diperolehi oleh golongan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir dengan rancangan ini pada masa yang akan datang kita akan dapat pegawai-pegawai RISDA yang ada tenaga pekerja yang terlatih, tenaga pekerja yang mahir dan tenaga pekerja yang professional. Dengan keadaan ini mutu RISDA pada masa yang akan datang akan bertambah baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir pegawai-pegawai di tiap-tiap negeri jangan kita letakkan lama-lama sehingga 10-15 tahun, setelah 3 tahun tukarkan dia, itu adalah lebih baik, sebab kalau lama duduk di satu tempat boleh menimbulkan bermacam-macam cerita. Jadi dengan keadaan yang semacam ini, selepas 3 tahun ditukarkan pegawai-pegawai samada peringkat negeri atau peringkat daerah dan kepada mereka itu juga tolong berikan kemudahan-kemudahan seperti pegawai-pegawai ajensi yang lain iaitu memberi pinjaman supaya mereka boleh membuat rumah.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali. RISDA di Kuala Lumpur selama ini menyewa rumah orang, pada hal sebuah

badan yang gagah, yang perkasa, yang kuat, kenapa RISDA tidak boleh mendirikan sebuah kompleks bangunan yang hebat. Getah ini satu hasil yang besar, kita malu apabila pelawat luar negeri melihat RISDA menyewa pejabat. Apa salahnya wang yang begitu banyak selepas berunding dengan Kementerian yang berkenaan, kita gunakan untuk mendirikan kompleks bangunan kita tempatkan pejabat-pejabat RISDA dan yang berkenaan dengannya, tidak berselerak sepertimana sekarang. Tuan Yang di-Pertua, sekarang pejabat RISDA ada 3 cabang: MARDEC di tempat lain, peladang di tempat lain dan penasihat getahnya di tempat lain. Apabila pekebun-pekebun kecil hendak berusaha dengan Pejabat ini macam-macam masalah timbul terutama dalam masalah kenderaan. Dengan adanya sebuah bangunan yang dibuat atau diusahakan oleh RISDA pejabat-pejabatnya itu dapat disatukan dan saya harap wang RISDA yang begitu banyak sekarang boleh dibuat satu langkah yang baru dibelikan saham-saham dengan membuat bangunan-bangunan sebagaimana agensi-agensi Kerajaan yang lain, supaya dengan keadaan yang seperti ini wang ini akan menambahkan faedah dan dapat RISDA menyertai Rancangan Pembangunan Malaysia Kedua dan Ketiga pada masa yang akan datang.

Sekianlah, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita.

3.33 *ptg.*

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bil ini untuk diluluskan, di samping itu saya berikan pendapat saya. Saya ucapkan terima kasih atas pindaan-pindaan yang akan dibuat dan ini syor saya kepada Kementerian yang berkenaan. Yang pertama, Kementerian Perusahaan Utama telah diberikan peruntukan untuk menanam getah semula, di kebun-kebun rakyat, di Malaysia ini yang telah tua dan tidak mengeluarkan hasil lagi. Wang peruntukan ini hendaklah dimasukkan ke dalam Bank Negara sahaja, bukan ke mana-mana bank yang tercatat di dalam Bil ini. Dalam bil ini, mengatakan disimpan di dalam Bank Negara dan mana-mana bank yang difikirkan oleh Menteri—saya tidak bersetuju lain-lain bank, melainkan Bank Negara sahaja. Kalau dimasukkan ke dalam bank lain, Menteri atau pegawai-pegawainya,

boleh berpakat dengan bank lain itu supaya faedah yang didapatinya boleh diberikan kepada Menteri, atau pegawai-pegawai yang memegang kira-kira itu sebahagian daripada faedah itu, tetapi kalau disimpan dalam Bank Negara, tidak siapa pun, boleh memutarbelitkan kira-kira wang itu. Saya minta simpanlah di Bank Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan kepada Kementerian Perusahaan Utama supaya mengadakan labour force iaitu mengambil buruh-buruh kasar bekerja. Kerja mereka yang pertama ialah menebang pokok-pokok getah di tanah yang hendak ditanam itu. Yang kedua, menjual pokok-pokok getah kepada tokeh-tokeh bricks factory dan wangnya diserahkan kepada Menteri Perusahaan Utama. Yang ketiga, membakar kayu-kayu yang tinggal di tanah itu. Yang keempat, membersihkan tanah itu. Yang kelima, menanam anak-anak getah di tanah itu dan menabur baja apabila sampai masanya.

Menteri ini bolehlah mengadakan buruh yang bergaji \$150 sebulan, sekurang-kurangnya 50 orang buat permulaan. Apabila ada orang-orang memohon supaya kebunnya hendak ditanam semula buruh-buruh inilah yang akan mengerjakannya sehingga habis ditanam dan dibaja. Wang peruntukan yang disediakan bagi kawasan itu boleh dibayar kepada gaji-gaji buruh-buruh ini. Saya percaya Kementerian Perusahaan Utama atau RISDA sudah dapat tahu, berapa luas tanah rakyat, yang akan ditanam semula pada tahun 1976 ini. Kalau sudah tahu lebarnya didaraf (multiply) dengan lebar tanah itu dengan wang \$900 bagi satu ekar maka wang inilah untuk gaji buruh-buruh yang 50 orang itu. Saya percaya wang peruntukan ini adalah berlebihan, maka wang yang lebih itu saya syorkan juga kepada Kementerian ini supaya diberikan kepada tiap-tiap orang yang mempunyai tanah itu sebanyak \$50 sebulan, prorata selama 6 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, alasan-alasan saya, ialah saya dapat tahu pada masa ini Kementerian Perusahaan Utama atau RISDA memberikan kontrek kepada orang-orang yang menjadi pemborong atau kontrektor, siapa yang rendah tendernya orang itu dapat. Tetapi saya dapat tahu kontrektor-kontrektor ini apabila dapat wang bayaran, either half or quarter, suku bayaran, kontrektor-kontrektor ini lari dan meninggalkan kerjanya, Kerajaan rugi, kerja terbengkalai. Kalau

ada labour force, buruh-buruh inilah yang akan mengerjakan dan RISDA tidak payah mengeluarkan tender pada tiap-tiap kali menanam getah semula di tanah-tanah yang telah dipohon.

Tuan Yang di-Pertua, alasan yang kedua, kalau kita ada berikan wang saguhati \$50 sebulan kepada orang yang mempunyai tanah itu selama 6 tahun sehingga pokok getah itu boleh ditoreh semula oleh orang-orang yang mempunyai tanah itu, saya percaya banyak orang-orang Melayu, akan memohon rancangan menanam semula getah ini. Pada masa ini saya dapati di seluruh Malaysia Barat ini banyak kebun-kebun orang-orang Melayu yang sudah tua pokoknya dan tidak mengeluarkan susu lagi. Tetapi tidak ditebang dan ditanam semula, sebab mereka memikirkan kalau ditebang semula, habislah mata pencarian mereka dan apa hendak dimakan anak beranak, bulan-bulan? Kalau kita berikan sagu hati sebanyak \$50 sebulan saya percaya semua orang Melayu yang mempunyai pokok-pokok getah yang tua akan menanam semula dan RISDA dapat nama baik dan negara kita banyak mengeluarkan getah asli untuk diekspot keluar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya membaca dalam suratkhbar wang RISDA habis lesap, diambil oleh pegawai atau kakitangannya. Ini ialah, kerana cuai tidak dimasukkan ke dalam bank dan disimpan di pejabat sahaja. Hari-hari ditengok, didapati wang itu berpuluh-puluh ribu, tentulah datang syaitan, menyuruh ambil wang itu dan oleh sebab itulah, barangkali, wang peruntukan RISDA dimasukkan ke dalam bank dan dapat pula faedahnya tahun-tahun. Ada bidalan orang-orang Melayu, tetapi tidak digunakan, yang mengatakan: menyesal dahulu pendapatan, menyesal kemudian tidak berfaedah. Sudah hilang baru hendak adakan, undang-undang. Sepatutnya sudah lama dibuat undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, inilah pandangan saya dan saya menyokong Bil ini untuk diluluskan.

3.38 *ptg.*

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini. Saya akan menyentuh satu point sahaja yang saya fikir sangat penting.

Bagaimana kita sedia maklum Malaysia mempunyai getah yang paling banyak sekali di dalam dunia dan juga kita mempunyai Institut Penyelidikan Getah dengan pakar-pakar yang terkenal sekali di seluruh dunia. Maka apakah sebabnya ibupejabat atau pejabat Setiausaha Tetap Penyelidikan Getah ini beralamat di London, tidak bolehkah kita mengadakan pejabat Setiausaha Tetap Penyelidikan Getah di negara kita? Saya faham Setiausaha Tetap Penyelidikan Getah yang ada di London itu biasa bekerja atau memegang jawatan di Malaysia beberapa lama dahulu dan beliau sekarang terus memegang jawatan sebagai Setiausaha Tetap di Sekretariat Rubber Research Instituit di London. Sepatutnya bukan R.R.I. yang di London menyuruh Menteri kita mengambil-alih jawatan ini tetapi Kerajaan kita patut meminta daripada London oleh sebab kita banyak mengeluarkan getah di dunia dan kita mempunyai pakar-pakar getah, tidak kena di mana sebuah negeri seperti Malaysia mengeluarkan getah dan mempunyai pakar-pakar getah tetapi Setiausaha Tetap Penyelidikan Getah ada di London. Inilah point-nya. Adakah apa-apa rancangan untuk

Datuk J. E. S. Crawford: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Pejabatnya tidak ada di London. Saya ingat Yang Berhormat barangkali silap. Itu sahaja.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, barangkali saya silap, tetapi saya faham bahawa Permanent Secretariat of R.R.I. itu di London.

3.41 *ptg.*

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang yang sedang kita bahaskan ini yang mana melibatkan semua badan-badan yang menguruskan hal-ehwal perusahaan getah, termasuk dari soal menanam sampai kepada pemasarannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam yang menerangkan bahawa dalam pindaan ini termasuklah juga rancangan bantuan kepada Persatuan Pekebun-pekebun Kecil dan juga badan-badan yang ditubuhkan untuk memberi faedah selain daripada memberi pinjaman atau modal kepada badan-badan yang akan

ditubuhkan itu. Jadi saya sukalah menyarankan dalam hubungan dengan masaalah ini iaitu kita tahu bahawa selain daripada RISDA memberi bantuan menanam semula dan juga memberi bantuan menanam baru di bawah new replanting fund yang telah lama diberhentikan itu, maka kita dapati ada badan-badan yang ditubuhkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan juga syarikat-syarikat yang ditubuhkan sendiri oleh pekebun-pekebun kecil di negeri masing-masing untuk menambah pendapatan dan menambah pengeluaran getah di negara kita ini selain daripada pekebun-pekebun besar atau estet-estet. Jadi saya tertarik dengan penerangan dan pindaan yang dibuat ini ialah membolehkan pihak RISDA ini melanjutkan kegiatan, bukan sahaja seperti apa yang saya terangkan tadi, tetapi boleh juga dengan memberi kemudahan-kemudahan kepada badan-badan yang telah sedia ada ditubuhkan oleh masing-masing pihak, samada Kerajaan Negeri ataupun pekebun-pekebun kecil itu sendiri selain daripada wang pinjaman. Apa yang saya maksudkan selain daripada wang pinjaman ini mungkin berbentuk bantuan tanpa pinjaman yang mana kita dapati bahawa selalu dalam lima enam tahun dahulu bantuan new replanting yang berjumlah \$400 bagi tiap-tiap seekar yang ditanam baharu pernah diberi tanpa pinjaman yang mana kalau dapat bantuan-bantuan seperti ini ataupun dengan cara baru yang termasuk dalam pindaan yang sedang dikemukakan ini membolehkan rancangan seperti itu dilanjutkan lagi, tidak terbatas kepada sekadar apa yang ada pada pekebun kecil. Sebab kita tahu RISDA sekarang ini hanya memberi bantuan tanam semula sekadar apa yang ada pada pekebun kecil yang telah sedia. Kalau umpamanya, pekebun kecil mempunyai 5 ekar maka mereka berhak mendapat bantuan semula sekadar 5 ekar juga. Oleh sebab itu, saya rasa kalau peluang ini dapat diperluaskan lagi selain daripada berupa pinjaman maka dapat diteruskan sekurang-kurangnya berbentuk rancangan new replanting fund yang telah saya sebutkan yang mana pada saat akhir-akhir ini telah diberhentikan.

Jadi selain daripada bantuan terus seperti itu tanpa pinjaman, saya juga tertarik dengan rancangan memberi pinjaman. Yang saya maksudkan pinjaman ini kalau boleh faedahnya jangan dilipatgandakan, kalau boleh tanpa faedah kepada pekebun-pekebun kecil

ini yang suka hendak menambah harta-benda mereka dengan menanam baru, yang mana kita dapati bantuan yang akan diberi tidak mencukupi mereka boleh meminta pinjaman tambahan samada secara perseorangan ataupun secara berkumpul dengan menubuhkan syarikat bersama di antara mereka pekebun kecil menjadikan sebagai satu estet atas asas syarikat kerjasama ataupun atas asas pakatan bersama dengan tidak didaftarkan di bawah syarikat kerjasama. Jadi saya cadangkan rancangan seperti ini sebab di Kelantan banyak kita dapati pekebun-pekebun kecil meminta tanah dengan Kerajaan Negeri yang mana Kerajaan Negeri samada melalui Lembaga Kemajuan Tanah Negeri atau melalui Penolong Pemungut Hasil Tanah, mereka memberi tanah baru tanpa memberi bantuan. Mereka membuka kebun-kebun getah baru dengan tidak ada apa-apa bantuan. Mereka juga berpakat, berkongsi mengerjakan tanah-tanah yang baru diberi ini bersama dan mereka juga bercadang untuk mendapatkan pinjaman, kalau tidak mendapat bantuan terus pun. Pinjaman seperti ini yang saya maksudkan, samada kita anjurkan mereka ini mengadakan sebuah syarikat sebagai partnership ataupun sebagai syarikat kerjasama atau sebagainya, asalkan mereka boleh memajukan tanah-tanah yang diberi oleh Kerajaan ini melalui pertolongan daripada pihak RISDA ini.

Saya pernah berunding dengan pegawai RISDA di peringkat negeri dalam rancangan-rancangan seperti ini, tetapi kita susah hendak mendapat penjelasan, susah hendak mendapat kelulusan oleh kerana perkara ini bergantung dengan dasar dan polisi di peringkat Persekutuan, katanya. Maka inilah masaalah yang patut diambil perhatian oleh pihak yang berkenaan dengan peluang meminda Rang Undang-undang ini, saya harap dapatlah rancangan seperti ini dilancarkan, sebab kita tahu bahawa pekebun-pekebun kecil orang Melayu kita terutama, di negeri Kelantan cukup kuat semangat untuk melipat-gandakan kebun mereka, tetapi kewangannya terbatas. Jadi kalau dapat diberi sumbangan samada berupa bantuan langsung ataupun berupa pinjaman yang tidak membebankan faedahnya mereka akan dapat maju lebih lagi daripada apa yang ada pada hari ini.

Itulah, Tuan Yang di-Pertua, dua masaalah yang saya bangkitkan. Yang pertama, kalau boleh dapat dilanjutkan bantuan

menanam getah baru sepertimana yang telah dilancarkan pada masa dahulu dan yang keduanya rancangan memberi bantuan dan pinjaman kepada kumpulan-kumpulan pekebun-pekebun kecil yang sedang memajukan kebun mereka hasil daripada pemberian tanah oleh Kerajaan Negeri.

3.49 *ptg.*

Datuk J. E. S. Crawford: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong penuh Rang Undang-undang yang dibahaskan sekarang.

Saya bangun untuk menjelaskan sedikit untuk makluman rakan saya Yang Berhormat Senator T. S. Gabriel yang bercakap tadi berkenaan Secretariat R.R.I. ada di London. Yang Berhormat silap sedikit, beliau campurkan International Rubber Study Group, Secretariatnya ada di London iaitu international body bagi kedua-dua consumers dan producers. Secretariatnya ada di London. Headquarters R.R.I. dan research station semua di Malaysia, bukan di London. Saya menyokong Rang Undang-undang ini. Itulah sahaja, terima kasih.

3.50 *ptg.*

Puan Dasimah Dasir: Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Bil yang dibawa oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan.

Saya ucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Kementerian yang telah meminda Rang Undang-undang ini serta peraturan-peraturannya, dan saya juga menyokong supaya kuasa ini dipegang oleh Kementerian, kerana sebagaimana yang kita tahu hari ini telah berlaku perkara yang tidak diingini di RISDA atau di dalam badan-badan lain yang tidak diingini oleh Kerajaan yang mana salah seorang saudara saya telah bercakap kelmarin menyatakan jika seorang itu membuat salah atau membuat dosa, bolehlah pegawai-pegawai atau ahli-ahli mengambil keputusan supaya tidak dibawa ke mahkamah. Ini satu perkara yang tidak patut, kerana jika seorang yang membuat salah yang sebenar-benarnya atau mengambil wang Kerajaan (memakan wang Kerajaan) walau satu sen sekali pun patut kita hukum mengikut peraturan undang-undang Kerajaan, sebab negara kita ini kalau tidak ditetapkan undang-undang, mungkin di satu masa akan menjadi Kerajaan kominis. Janganlah kita selalu membawa pandangan-pandangan yang kita sama-sama tidak bertanggungjawab di dalam Dewan ini.

Sebagaimana yang telah berlaku beberapa tahun yang lepas pekebun-pekebun kecil yang dahulu merosot, dan saya telah mengetahui hal ini semenjak saya menjadi pegawai luar dahulu. Mereka mungkin tidak dapat makan, kalau makan pagi, petang mereka tidak ada makanan. Tetapi hari ini, Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya berbagai-bagai rancangan mereka telah diberi peluang kepada orang-orang bumiputra atau orang-orang Melayu, mereka telah mendapat nikmat serta kesenangan tempat duduk, walaupun dengan cara yang sedikit. Jadi dengan itu saya berharap kepada Dewan yang mulia ini supaya kita janganlah selalu apabila bangkit bercakap dengan tidak memberi sokongan. Sokongan itu janganlah ditumpukan atau menyakiti hati orang di antara satu sama lain, dan sudah berkali-kali saya minta kepada Dewan yang mulia ini supaya kita sama-sama memberi pandangan walaupun pandangan yang singkat atau yang tidak sesuai, tetapi ianya adalah molek mengenai apa yang kita perkatakan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak bercakap panjang sebab saya tidak ada mempunyai kebun. Saya rasa Yang Berhormat Datuk Nik Hassan akan menerangkan dengan lebih lanjut dalam perkara ini sebab beliau datang daripada Negeri Kelantan yang mana saya percaya beliau mempunyai banyak kebun. Sekiranya beliau tidak mempunyai kebun tetapi penduduk-penduduk di sana ada mempunyai kebun.

Saya ucapkan terima kasih lagi sekali kepada Kementerian yang berkenaan yang telah menjalankan tugas-tugas dan yang telah membuat rancangan, juga saya berharap kalau hendak melantik pegawai-pegawai, saya memohon dan meminta carilah pegawai-pegawai yang mungkin boleh menjalankan tugas-tugas dengan seikhlas kepada simiskin itu.

3.55 *ptg.*

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini dan saya suka hendak memberi sedikit-sebanyak pandangan di atas Rang Undang-undang ini.

Kementerian Perusahaan Utama ini adalah satu Kementerian yang paling mustahak dan paling besar dari segi ekonomi negara. Saya berani berkata di sini kita perlu kepada satu

susunan yang lebih kemas di dalam Kementerian. Pada hari ini kita ada Menteri Perusahaan Utama, Yang Berhormat Datuk Musa Hitam, yang boleh dikatakan paling aktif dalam kerja mendapatkan harga getah yang tinggi, harga kelapa sawit yang tinggi, dan harga bijih timah yang baik. Kalau kita dengar suaranya sentiasa di luar negeri kerana mendapatkan jaminan-jaminan untuk pasaran-pasaran barang-barang utama kita. Dengan keadaan yang demikian, saya percaya beliau tidak dapat hendak menumpukan sepenuh masa kepada apa yang berlaku di kalangan pekebun-pekebun kecil. Beliau mempunyai seorang Timbalan Menteri yang ada di dalam Dewan ini dan beliau juga mempunyai seorang Setiausaha Parlimen yang juga ada di Dewan Rakyat.

Dari segi susunan saya rasa Kementerian ini perlu kepada satu pembantu Menteri yang boleh menyusun pekebun-pekebun kecil yang sejumlah besarnya daripada golongan bumiputra yang ada di tiap-tiap kampung dan ceruk rantau dalam negara kita ini. Saya yakin Setiausaha Parlimen seperti Yang Berhormat Tuan Lew Sip Hon yang juga menjadi Pengerusi Pelesenan Getah dan Ahli Parlimen yang mewakili kawasannya serta menjadi Setiausaha Parlimen kepada Kementerian Perusahaan Utama ini tidak akan dapat memberi sepenuh masa kepada pekebun-pekebun kecil yang ada di merata negara kita ini, begitu juga Timbalan Menteri yang ada ini. Saya di sini mencadangkan supaya kita memberi keistimewaan kepada Kementerian ini agar Yang Berhormat Datuk Musa Hitam dapat melantik seorang Timbalan Menteri yang kedua khasnya ditugaskan untuk menumpukan tenaga dan usahanya menyusun gerakan-gerakan pekebun kecil yang boleh dikatakan 90% daripada golongan bumiputra yang ada di seluruh negara. Keperluan ini berbangkit apabila kita melihat bagaimana besarnya RISDA menjalankan tugas-tugasnya. RISDA adalah satu badan yang bertugas untuk melihat pekebun-pekebun kecil boleh bergerak maju dan boleh mendapat pendapatan-pendapatan yang lebih baik daripada yang ada pada masa ini. Usaha besar RISDA ialah untuk membuka kebun-kebun getah, kelapa sawit dengan sebesar-besarnya supaya kebun-kebun ini dapat dibagi-bagikan kepada pekebun-pekebun kecil yang miskin.

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya hendak beritahu di Kelantan, negeri saya, silaplah rakan saya Yang Berhormat Puan Dasimah Dasir mengatakan orang Kelantan banyak mempunyai kebun. Di Kelantan pekebun kecil yang paling menderita sekali, kerana tidak ada tanah untuk dibuka dan tidak ada rancangan yang benar-benar besar untuk pekebun-pekebun kecil yang ada di Kelantan. RISDA perlu mengambil alih atau membeli tanah hutan yang dimiliki oleh Duff Development yang ada di Negeri Kelantan itu.

Pada hari ini saya mendapat tahu Syarikat Duff Development ini sedang menjual dan memecah-mecahkan tanah-tanah itu untuk dijual kepada orang-orang individu yang berkehendak membelinya. Tanah hutan itu terlampau luas dan peranjaniannya "sehingga ada matahari dan bulan". Perjanjian itu dibuat semenjak berkurun-kurun lamanya, tidak boleh dihapuskan kerana disebut dalam perjanjian itu "sehingga ada matahari dan bulan" maka perjanjian itu tidak boleh dibatalkan tetapi kalau syarikat itu hendak menjual, saya rasa eloklah RISDA membeli kesemua sekali tanah hutan itu dan membuka ladang kelapa sawit dan memberikan saham kepada pekebun-pekebun kecil di negeri Kelantan supaya mereka mempunyai pendapatan yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, RISDA ialah suatu badan yang penting bagi orang-orang miskin. Kalau RISDA ini dapat kita usahakan dengan cara yang berkesan, maka dapatlah kita menolong orang-orang miskin di kampung-kampung. Seseorang yang ada kebun getah 3-5 ekar kalau ditebang hendak ditanam getah yang baru, maka dia tidak boleh dapat pencarian yang lain melainkan RISDA memasuki lapangan itu dan membuka kebun-kebun yang besar dibahagi-bagikan kepada mereka itu sebagaimana yang telah RISDA buat di negeri-negeri lain, maka Kelantan perlulah dibuat sama supaya dapat orang-orang Kelantan mengecapi nikmat daripada RISDA ini.

Tuan Yang di-Pertua, RISDA juga perlu mengadakan hubungan yang rapi dan baik dengan pertubuhan-pertubuhan yang lain seperti pertubuhan peladang, sebab penyelenggaraan di kampung-kampung itu banyak berlaku, kalau tidak dijaga, diawasi betul-betul, maka sudah tentulah kita akan kerugian. Di kampung-kampung pernah berlaku iaitu baja-baja yang dijual dengan

harga yang murah itu oleh pekebun-pekebun kecil sendiri yang menjual kepada orang lain dengan harga yang murah, kemudian taukeh yang membeli itu menjual balik kepada pekebun kecil dengan harga yang mahal. Jadi kadang-kala kelemahan yang ada pada orang kampung sendiri, pemikirannya belum matang dalam masaalah ekonomi itu menyebabkan mereka sendiri susah dan kesusahan ini ialah kerana tidak ada panduan, pengawasan dan pimpinan yang baik. Oleh sebab itu, saya katakan Kementerian ini perlu kepada satu Timbalan Menteri yang kedua yang akan bekerja untuk menyusun, umpamanya, persatuan-persatuan pekebun kecil yang ada dalam negara kita ini. Kita ada Persatuan Pekebun Kecil yang dikatakan peringkat kebangsaan. Persatuan-persatuan itu perlu disusun dan diperkemaskan.

Saya tahu di Kelantan dan cawangannya, tetapi tidak begitu kuat, tidak begitu tersusun dan tidak mempunyai pimpinan yang baik. Mereka itu berkehendakkan kepada pimpinan, kalau tidak ada pimpinan yang baik, maka mereka tidak akan dapat memperjuangkan nasib mereka. RISDA perlu kepada modal yang banyak. Sekarang kita berani kata RISDA menggunakan wang daripada cess ataupun daripada getah yang dikeluarkan. Boleh dikatakan barangkali wang yang diperolehi oleh RISDA ialah daripada wangnya sendiri, barangkali tidak banyak daripada Kerajaan kerana RISDA ada hasilnya sendiri, tetapi perlu juga grants yang berupa istimewa patut diberi kepada RISDA kerana RISDA ini ada hubungan yang sangat rapat dengan orang-orang miskin di kampung-kampung. Kalaulah kita hendak menolong orang miskin di luar bandar, maka RISDA menjadi tanggungjawab yang besar. Kalau kita katakan Perbadanan L.P.N. yang ada hubungan secara langsung dengan penanaman padi di kampung, maka RISDA ini adalah satu badan yang ada hubungan rapat dengan orang-orang kampung yang miskin yang terdiri daripada pekebun-pekebun kecil. Kalau sekiranya boleh, saya mencadangkan di sini bahawa RISDA ini mengambil tanggungjawab yang lebih dalam penyusunan semula persatuan pekebun kecil di tiap-tiap negeri supaya persatuan itu dapat memperjuangkan nasibnya dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah hendak bercakap banyak dalam perkara ini, sebab lain-lain Ahli telah bercakap dan

memberikan segala perkara yang berkaitan dengan RISDA ini, cuma saya mengulangi iaitu tumpuan yang lebih patut diberikan oleh Kerajaan kepada RISDA ini kerana RISDA ini suatu badan yang boleh menolong rakyat yang ada di luar bandar.

4.05 ptg.

Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang dibahaskan di Dewan ini pada masa sekarang. Di sini saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris oleh sebab inilah kali yang akhir sekali kita boleh menggunakan bahasa Inggeris dan di sini saya ada point yang teknikal. Oleh sebab itu, saya hendak minta izin.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dr Lim Keng Yaik: (*Dengan izin*) Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Rubber is an important industry in our country. A lot of people's livelihood depends on it. It has been so for many years and more so with the modernisation of the agricultural sector since independence. With the introduction of FELDA and FELCRA, the rubber industry has been made more important in this country.

We can smile today that the price of rubber is steady and it is a good price. The rubber smallholders all round the country are enjoying a fair return for their labour. But if you look backwards to just only about two years ago, I am sorry to say that the price of rubber was not so good then. In order to stabilise the international price of rubber which is consistently under the manipulation of international rubber stock market manipulators, our Minister has very wisely set up certain schemes such as the Rubber Stockpile and all that. But even with that, we are still subjected to international manipulations. As such, we can only hope that the price of rubber is maintained and the livelihood of our people in this country, especially that of the smallholders section, could be safeguarded.

As the living standard rises, the cost of production of rubber will invariably rise and there will come a time when the so-called 10-acre economic size of the smallholder at the present moment may become uneconomical in time to come. As such, what is our country's policy towards giving economic-size plots to our rubber smallholders? For

the past nineteen years of independence, we could have kept on adding more lands to those who do not have the ten-acre economic size plots. As we increase the number of smallholders and as the amount of arable land in this country decreases there will come a time when there will not be enough economic-size plots for smallholders and the demand for more land by smallholders cannot be satisfied because of shortage of land. I might be speaking out of point, but I am bringing up this in order to encourage the Ministry which is looking after our rubber industry to direct RISDA or MARDEC or some other rubber statutory bodies to diversify from the actions that they are doing in the rubber industry of today.

We have been a very successful rubber producing country, but it is unfortunate to say that we are not very successful in making use of rubber in terms of a manufacturing industry based on rubber as the raw material. I can understand that because of tariff protection, manufactured materials like tyres and other things are very well protected by tariff protection in countries like the U.S.A. and the European Economic Community countries. As such, if anyone of us is thinking of starting manufacturing industries using rubber in this country, we will find that it is practically impossible or that it is not economical to sell our rubber products to consumers especially in countries like the U.S.A. and the European Economic Community (Common Market) countries. As such, it is not profitable to start our rubber manufacturing industries in this country. But, on the other hand, we have foreigners who come and invest in our country to enjoy our tariff protection. Now, I am asking the entrepreneurs in our country to go overseas to invest in other countries and perhaps enjoy their tariff protection and then whatever profit we can make from our investment ventures overseas could be brought back to this country to subsidise the rubber producing industry at times when the price of rubber is low.

If we go on just depending on producing rubber and depending on the price that we get for rubber, I am very sorry to say that in future, there will come a time when we will get into trouble and a lot of our people in this country will suffer unless we are able, at this moment, to think big—go overseas, make use of other countrys' tariff protection and

make use of our Malaysian ingenuity or whatever local expertise we have here concerning the rubber industry. If we can send them overseas to invest, make money from overseas and bring the money back into this country, perhaps we can make use of this money to subsidise our rubber producing industry. I know that perhaps in our economic structure in this country now, we may not have private enterprises which are rich enough to set up this kind of big rubber concerns overseas but Government bodies may be rich enough and through perhaps international agreements, we may be able to start such manufacturing interests in other countries. For a start, why not go to Japan, why not go to the south of America where there is a big market for the usage of rubber products? If this could be done with negotiations with the Ministry of Finance over the arrangements of double taxation, we could invest in other countries, bring the money back into this country rather than to distribute it to the people, make use of the profits thus gained to subsidise and stabilise the rubber producing industry in this country. This is just one single point that I would like to make on this Bill, Tuan Yang di-Pertua. Yang akhir sekali, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua untuk membolehkan saya bercakap dalam bahasa Inggeris.

4.14 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada teguran-teguran yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sewaktu perbahasan Rang Undang-undang Perbadanan Getah, 1976 dan saya sangatlah berterima kasih di atas sokongan-sokongan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian terhadap Rang Undang-undang tersebut. Saya suka mengambil kesempatan di sini untuk menjelaskan serba sedikit kepada teguran-teguran atau hujah-hujah dan cadangan-cadangan yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kepada Rang Undang-undang tersebut.

Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad di dalam hujah-hujahnya telah menyentuh perkara kecurangan pegawai-pegawai RISDA yang mana kecurangan tersebut telah dilaporkan kepada B.S.N. dan mengikut beliau ini boleh membangkitkan

kelemahan dalam RISDA kerana pegawai-pegawai yang ikhlas dan berdedikasi akan ketakutan dan terlalu berhati-hati dalam melaksanakan tugas-tugas mereka. Beliau mengesyorkan supaya tanggungjawab tindakan disiplin hendaklah diletakkan di bawah RISDA sendiri, dan RISDA sendiri hendaklah menyelesaikan kecurangan jika ada di kalangan pegawai-pegawai mereka dan bukanlah oleh B.S.N.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum kecurangan sebagaimana yang dinyatakan oleh beliau itu bukanlah berleluasa, malahan hanya sebilangan kecil sahaja yang terlibat di dalam hal ini. Apabila pihak RISDA menerima maklumat-maklumat mengenai kecurangan seperti itu, RISDA sendiri, melalui Bahagian Inspekratannya, menjalankan penyiasatan perkara-perkara itu. Apabila didapati bukti bahawa seseorang pegawai atau kakitangannya terlibat di dalam hal kecurangan ini maka RISDA sendiri mengambil tindakan disiplin di atas Pegawai-pegawai kakitangan yang terlibat itu. Apabila penyiasatan didapati terlalu rumit maka pihak B.S.N. pula diminta pertolongan dengan sebab bahawa mereka itu mempunyai kuasa dan tenaga yang bercorak professional dalam hal ehwal penyiasatan dan mereka yang terlibat ada dihadapkan ke Mahkamah. Ini termasuklah juga orang-orang awam yang terlibat dalam kes-kes dengan pegawai-pegawai kakitangan RISDA. Saya suka mengambil kesempatan di sini untuk menegaskan sekali lagi sebilangan kecil sahaja yang terlibat di dalam hal ini yang memberi nama buruk kepada RISDA. Sebenarnya, Pegawai-pegawai RISDA yang lain adalah didapati berdedikasi dan berkhidmat sepenuh hati kepada pekebun-pekebun kecil. Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad juga menyentuh perkara pendirian Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama di dalam mana beliau telah dilaporkan menyatakan sindiket pemecahan tanah. Pada hemat Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad pemecahan estet itu boleh menguntungkan rakyat kerana estet-estet yang dipecah-pecahkan itu boleh dibahagi-bahagikan kepada pekebun-pekebun kecil.

Tuan Yang di-Pertua, pada sekali imbas apa yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah benar jika pekebun-pekebun kecil sendiri diberi milik tanah yang dipecah-pecah oleh estet itu. Tetapi apabila

diteliti soal ini dengan mendalam, maka didapati banyak lagi problems yang didatangkan oleh pemecahan-pemecahan estet itu. Umpamanya, apakah tindakan-tindakan yang akan diambil untuk memberi bantuan kepada pekerja-pekerja estet-estet yang kehilangan kerja apabila estet-estet itu dipecah-pecahkan? Perkara ini akan mendatangkan sosio-ekonomi yang rumit kepada pekerja-pekerja itu sendiri. Dengan demikian, Kerajaan tidaklah menggalakkan pemecahan estet. Dari segi pengeluaran pula, apabila estet-estet dipecah-pecahkan, pengeluaran getah akan berkurangan dengan sebab bahawa pengurusan secara estet tidak dapat dijalankan lagi. Kalaulah estet-estet itu dipecah-pecahkan semata-mata untuk menjadi kebun-kebun kecil, dari soal dasar ini tidak akan menjadi masalah. Tetapi kebanyakan estet-estet yang dipecah-pecahkan itu mencari kesempatan untuk mengeksplotasikan kedudukan bantuan kepada pekebun-pekebun kecil. Estet-estet itu dahulunya telah dipulangkan ses pada kadar $4\frac{1}{2}$ sen sepau sebelum 31hb Disember, 1972 dari Fund "A" dan apabila estet-estet itu dipecah-pecahkan mereka berharap pula bantuan daripada Fund "B" di dalam mana mereka tidak pernah menyumbangkan dalam ses itu sebelum tarikh itu.

Pada hemat saya ini adalah satu daripada usaha-usaha untuk mengeksplotasi pekebun-pekebun kecil yang sebenarnya. Apa yang menjadi masalah sekarang ialah ada terdapat sindiket-sindiket yang mana dengan cara tipu helah mereka menggunakan hak-hak bantuan tanaman baru kepunyaan pekebun-pekebun kecil, mereka menggunakan hak ini untuk menanam baharu di atas tanah kosong hutan yang sebenarnya kepunyaan mereka sendiri tetapi didaftarkan di dalam hak milik dengan nama pekebun kecil yang berkenaan.

Sindiket-sindiket ini memindah milik tanah mereka kepada pekebun-pekebun kecil yang berhak menerima bantuan tanaman baru. Sesudah bantuan ini diterima, sindiket-sindiket ini akan mengubah balik hak milik tanah-tanah baru ini kepada mereka. Dengan cara ini mereka akan memperolehi bantuan tanah baru tanpa kelayakan. Ternyata bahawa bantuan yang dibiayai ini merugikan pekebun-pekebun sendiri oleh kerana bantuan tanaman baharu untuk menafaat mereka adalah digunakan untuk memajukan tanah-tanah kepunyaan sindiket-sindiket yang dimaksudkan itu.

Dari segi undang-undang, perbuatan sendiket-sendiket ini bukan merupakan suatu kesalahan akan tetapi adalah menjadi tanggungjawab RISDA untuk menjaga kepentingan pekebun-pekebun kecil dan menentukan bantuan adalah untuk menafaatkan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dasar Kerajaan untuk menyatukan kedudukan mana yang boleh pekebun-pekebun kecil kepada satu unit yang besar dan berekonomik dan jika boleh untuk menyatukan mereka kepada satu unit yang boleh dikhususkan sebagai estet-estet. Dengan demikian, teknik pengurusan dapat disalurkan untuk melebihi lagi pengeluaran mereka.

Dalam hal ini, RISDA sedang menjalankan pembangunan perladangan di dalam mana pekebun-pekebun kecil akan diberi saham untuk meninggikan pendapatan mereka. RISDA juga sedang berusaha untuk membeli estet-estet dan sepertimana di dalam usaha pembangunan perladangan mereka, saham-saham, ini akan dibahagikan kepada pekebun-pekebun kecil. Pembahagian saham-saham ini akan mengambil masa sedikit dengan sebab bahawa prinsip pembahagian saham-saham itu akan terpaksa dihalusi dengan sebab bahawa mereka yang layak adalah berlebihan daripada tanah yang dimajukan oleh RISDA itu. Bagi estet-estet yang akan dibeli itu, RISDA tidak sekali-kali akan memecahkan estet-estet itu.

Ahli Yang Berhormat itu telah juga menyentuh bahawa RISDA janganlah menyusahkan pekebun-pekebun kecil dari segi memberi bantuan tanaman semula, terutama bila berlakunya pertukaran pegawai-pegawai yang menyebabkan keputusan yang dibuat oleh pegawai-pegawai yang sebelumnya telah ditarik balik. Menurut beliau itu mengakibatkan bantuan pekebun-pekebun kecil ditahan. Saya ingin menjelaskan bahawa perkara penahanan bantuan bukanlah disebabkan oleh penukaran pegawai-pegawai RISDA. Akan tetapi, adalah didapati bahawa kelulusan terhadap bantuan tersebut tidak mengikuti peraturan-peraturan sebagaimana yang ditetapkan oleh RISDA. Perlu saya tegaskan di sini bahawa RISDA tidak sekali-kali berniat untuk menyusahkan pekebun-pekebun kecil malah RISDA dari masa ke semasa mencari jalan bagi menolong mereka. Dalam soal memberi bantuan, RISDA sentiasa menentukan supaya segala

bantuan yang diberikan hendaklah kepada mereka yang layak menerimanya sahaja dan dengan itu tidak suka melihat berlakunya penyelewengan.

Saya sedar bahawa peruntukan ini adalah besar dan saya percaya Menteri yang berkenaan akan menggunakan kebijaksanaan apabila menjalankan kes-kes yang diberi.

Untuk menjawab soalan berkenaan dengan MRELB, perundingan-perundingan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri sudahpun dijalankan oleh MRELB dan hasil-hasil perundingan itu akan dilaksanakan tidak berapa lama lagi.

RISDA ada beberapa rancangan untuk membantu pendapatan-pendapatan pekebun-pekebun kecil seperti rancangan kredit baja, kredit kontan dan lain-lain perkhidmatan seperti kemudahan-kemudahan memproses getah dan latihan-latihan kepada pekebun-pekebun kecil semoga darjah penjagaan kebun mereka adalah lebih tinggi.

Bagi jawapan kepada Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob berhubung dengan bank-bank saya boleh katakan di sini bahawa tiap-tiap pelaburan mestilah di bank-bank yang boleh mendatangkan faedah yang paling tinggi sekali dan ini termasuklah Bank Negara sendiri.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Senator T. S. Gabriel, saya sedikit keliru dengan apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Setiausaha kepada Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah adalah berpejabat di Kuala Lumpur.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi penjelasan kepada Dewan ini. Maksud saya tadi ialah bukannya R.R.I. tetapi International Rubber Study Group, Setiausaha Tetapnya di London. Oleh sebab kita mempunyai banyak getah di dunia, apakah sebabnya jawatan Setiausaha Tetap itu dipegang oleh orang putih bukan dari seorang warganegara Malaysia? Tidakkah boleh jawatan itu dipegang oleh anak tempatan?

Tuan Paul Leong Khee Seong: Makmal Malaysia Rubber Producers Research Association (M.R.P.R.A.) diletakkan di United Kingdom. Tujuannya ialah untuk memberi bantuan perkhidmatan kepada negara-negara pengguna, kerana negara-negara pengguna daripada United Kingdom, Eropah dan Amerika.

Saya suka mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dasimah Dasir yang telah memberikan pandangan yang baik kepada Kementerian saya. Ini adalah satu daripada sifat-sifat yang diberi keutamaan dalam pengambilan pegawai-pegawai RISDA.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Senator Dr Lim Keng Yaik, Kerajaan sentiasa menggalakkan kemajuan perusahaan memproses bahan utama keluaran tempatan menjadi berbagai jenis barang perkilangan. Dalam tahun 1975, Malaysia menghasilkan kira-kira 1.417 juta tan getah, hanya 30,600 tan diproses oleh kilang-kilang mengeluarkan barang-barang tempatan. Ini merupakan 2.2% daripada jumlah keluaran getah asli negara.

MARDEC telah mengadakan usaha sama dengan beberapa syarikat kerana Kerajaan ingin memupuk perkembangan perusahaan berasaskan getah asli di negara ini. Kebanyakan barang-barang yang dikilang itu ialah untuk diekspot. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, peruntukan wang bagi MARDEC hanya dalam bentuk modal pelajaran dan modal menjalankan kegiatannya. Walau bagaimanapun MARDEC akan cuba sedaya upaya menggalakkan penubuhan lebih banyak kilang memproses getah. Pihak Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia juga sedang terus menyelaraskan usaha mencari lain-lain kegunaan bagi getah asli untuk menggalakkan kegiatan memproses getah menjadi barang. Saya juga berharap sektor swasta akan mengambil kesempatan dari iklim pelaburan yang bertambah baik sekarang untuk merancang lebih banyak perusahaan berasaskan getah di negara kita.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr Lim Keng Yaik yang memberi cadangan supaya menggalakkan bahan-bahan negara kita dan pihak swasta untuk menumpukan kilang-kilang di negara-negara lain untuk mendapatkan pertukaran luar negeri (foreign exchange).

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja jawapan saya dan apa-apa yang saya tidak jawab telahpun dicatitkan dan diambil ngatan. Akhirnya, saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan sokongan di atas Rang Undang-undang ini (*Tepuk*).

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

ATURAN URUSAN MESYUARAT

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 13 (2) Majlis ini akan terus menimbang perkara 5 dan 6 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini selepas menimbang perkara 1.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 13 (2) Majlis ini akan terus menimbang perkara 5 dan 6 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini selepas menimbang perkara 1.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempokkan selama 15 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.40 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.00 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

RANG UNDANG-UNDANG INSTITIUT TEKNOLOGI MARA

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.00 ptg.

Timbalan Perdana Menteri (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi menubuh, menyenggara dan mentadbirkan Institiut Teknologi MARA, dan bagi lain-lain perkara yang berhubung dengannya.

Institiut Teknologi MARA yang dahulunya dikenali sebagai Dewan Latihan RIDA telah ditubuhkan pada tahun 1956. Usaha menubuhkan Dewan Latihan RIDA ini semata-mata bertujuan untuk mengadakan percubaan untuk melatih anak-anak Melayu terutama belia-belia dari luar bandar di dalam lapangan-lapangan perdagangan dan perusahaan kecil-kecilan di rumah. Dewan Latihan RIDA berkembang dari tahun demi tahun. Dalam tahun 1964 Dewan Latihan RIDA telah bertukar corak menjadi sebuah institusi untuk menampung keperluan latihan bagi bumiputra dengan mengadakan kursus-kursus seperti jurutrengkas, jurutaip, perakaunan, kesetiausahaan dan pengurusan perniagaan.

Kemudian di dalam Kongres Ekonomi Bumiputra yang pertama yang berlangsung dalam tahun 1966, telah dicadangkan supaya satu usaha raksaksa untuk melatih anak-anak bumiputra dilancarkan. Hasil dari Kongres Ekonomi Bumiputra inilah maka tertubuhnya MARA dan Institiut Teknologi MARA.

Sewaktu Kongres Ekonomi Bumiputra itu diadakan terdapat sedikit benar orang-orang Melayu menceburkan diri dalam lapangan perniagaan dan perusahaan dan begitu juga terdapat hanya sebilangan kecil eksekutif Melayu di bidang swasta. Sebagai menyedari hakikat inilah maka Kerajaan semenjak dari bermula Rancangan Malaysia yang Pertama telah menumpukan perhatiannya kepada menggandakan perbekalan peluang-peluang dan kemudahan-kemudahan pelajaran. Sebaliknya, jika Kerajaan berdiam diri mungkin tidak akan ada eksekutif bumiputra di bidang swasta dan dengan itu penyertaan

Bumiputra di bidang perniagaan dan perusahaan mungkin lebih lemah dari apa yang terdapat pada hari ini.

Matlamat penubuhan Institiut Teknologi MARA ialah untuk mengujudkan satu rancangan pelajaran yang disesuaikan untuk memenuhi kehendak-kehendak negara terhadap tenaga manusia, terutama di dalam bidang sains, teknologi, pentadbiran dan pengurusan perniagaan dan perdagangan. Institiut Teknologi MARA juga dilengkapi supaya lebih ramai lagi belia bumiputra terutama mereka yang datang dari kawasan luar bandar dapat mengambil bahagian di dalam sektor ekonomi, perdagangan dan perusahaan dengan lebih giat lagi. Juga menjadi tujuan Institiut Teknologi MARA untuk mengeluarkan siswazah-siswazah yang akan memenuhi jawatan-jawatan yang sesuai dalam sektor ekonomi moden serta menerima pendapatan yang sewajar dengan keahlian mereka.

Untuk memenuhi matlamat-matlamat sepertimana yang saya sebutkan tadi Institiut Teknologi MARA telah mengadakan ber-puluh kursus dan mengambil beribu penuntut bumiputra. Rancangan-rancangan itu telah menelan belanja ber-puluh-puluh juta ringgit. Adalah diharapkan dengan pengorbanan yang besar itu oleh semua lapisan masyarakat maka dapatlah kita baiki kedudukan kaum Bumiputra. Tetapi dengan tidak disangka-sangka timbul pula suatu gejala baru yang kuat cuba menghindarkan Institiut Teknologi MARA daripada mencapai matlamatnya. Gejala tersebut ialah mengadakan demonstrasi demi demonstrasi oleh penuntut-penuntut Institiut Teknologi MARA. Bermula secara besar-besaran dalam bulan April tahun 1974 demonstrasi-demonstrasi pelajar telah menjejaskan ketenangan dalam kampus, yang mana ketenangan ini adalah penting bagi penyerapan pelajaran dan kejayaan I.T.M.

Kerajaan menubuhkan Institiut Teknoloj MARA bukanlah semata-mata untuk meliha satu institusi khas bagi Bumiputra. Kerajaan menubuh I.T.M. kerana pengeluaran Bumi putra yang terlatih adalah penting bag negara. Institiut Teknologi MARA sudah pun ditubuhkan dan perbelanjaan menguru sudah pun disediakan. Jikalau keadaan keadaan seperti dihurai di atas berterusa maka sudah tentulah Institiut Teknoloj MARA tidak dapat memainkan perana

yang ditentukan baginya. Oleh itu, satu langkah yang positif patut disusun supaya kejayaannya lebih terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan huraian-huraian di atas, Institiut Teknologi MARA perlu disusun semula dan dalam usaha ini dua Rang Undang-undang perlu diadakan. Rang Undang-undang tersebut telah dibentangkan di Dewan Rakyat dan mendapat persetujuan. Kali ini saya kemukakan Rang Undang-undang bertajuk Institiut Teknologi MARA 1976, yang bertujuan menjadikan Institiut Teknologi MARA sebagai sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya membuat penerangan mengenai perbekalan-perbekalan yang penting seperti terkandung dalam Rang Akta, Institiut Teknologi MARA, 1976. Bahagian I Rang Undang-undang ini mengandungi tafsiran kepada istilah-istilah yang digunakan, dan Bahagian II pula berhubung dengan penubuhan, fungsi dan kuasa Institiut. Perbekalan-perbekalan penting yang diperuntukan adalah seperti berikut:

Menurut Seksyen 3, Institiut Teknologi MARA dijadikan sebagai sebuah badan berkanun dengan mempunyai kuasa-kuasa yang biasanya diperuntukkan untuk sebuah badan berkanun. Institiut Teknologi MARA juga diperuntukkan di bawah Seksyen 4 dengan kuasa-kuasa untuk menyediakan kursus-kursus pengajian, mengadakan peperiksaan dan mengambil sebarang tindakan yang sesuai bagi pelajaran dan latihan di dalam berbagai bidang pekerjaan termasuklah bidang sains, teknologi, perniagaan, perindustrian, pengurusan dan pentadbiran. Ia juga boleh menganugerah diploma-diploma dan sijil-sijil kepada sesiapa yang mengikuti kursus pengajiannya Institiut yang diluluskan.

Menurut Seksyen 7, kuasa untuk menubuh dan menyenggarakan cawangan Institiut Teknologi MARA adalah di bawah kuasa Menteri setelah berunding dengan Majlis Institiut itu. Di bawah Seksyen 9, sekiranya, Institiut Teknologi MARA ingin menjalankan sebarang kursus atau latihan untuk ijazah-ijazah, diploma-diploma, sijil-sijil dan lain kelulusan yang dianugerahkan oleh Universiti atau lain-lain institusi pelajaran tinggi samada di dalam atau luar negeri hendaklah terlebih

dahulu mendapat kelulusan secara bertulis dari Menteri setelah beliau berpuas hati semua persediaan oleh pihak berkenaan telah diatur. Pengawasan yang ketat seperti ini bertujuan untuk menentukan sebarang kursus atau latihan yang dijalankan di Institiut Teknologi MARA itu benar-benar untuk keperluan negara.

Bahagian III Rang Undang-undang ini berhubung dengan penubuhan Majlis Institiut Teknologi MARA yang mengandungi keanggotaan maksima seramai 15 orang terdiri ahli-ahli seperti disenaraikan di perenggan kecil (a) hingga (h) Seksyen 13 (2).

Adapun tugas Majlis di bawah Seksyen 14 ialah sebagai badan pentadbir Institiut Teknologi MARA dan menjalankan semua kuasa yang diperbekalkan di dalam Rang Undang-undang ini serta untuk menjalankan segala pentadbiran dan pengawasan yang dianggap untuk menjaga kepentingan institiut.

Di bawah Seksyen 16 pula membekalkan Majlis dengan kuasa melantik tiga Jawatankuasa tetap iaitu Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan, Jawatankuasa Hal Ehwal Kakitangan dan Jawatankuasa Hal Ehwal Akademik. Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut pula boleh melantik satu atau lebih jawatankuasa kecil. Keanggotaan dan tugas bagi ketiga-tiga jawatankuasa tetap tersebut diperuntukan di bawah seksyen-seksyen 17, 18 dan 19.

Bahagian IV Rang Undang-undang ini mengandungi perbekalan-perbekalan berhubung dengan lantikan, kuasa dan tanggungjawab Pengarah, Timbalan Pengarah, Pendaftar dan Bendahari Institiut itu. Perlantikan Pengarah dan Timbalan Pengarah adalah dibuat oleh Menteri sebagaimana peruntukan di bawah Seksyen 20.

Bahagian V Rang Undang-undang ini pula mengandungi peruntukan berhubung dengan kewangan. Menurut Seksyen 24 (1) suatu Kumpulan Wang yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Institiut Teknologi MARA akan diadakan dan ianya akan ditadbir dan dikawal oleh Majlis. Di bawah Seksyen 26 pula memperuntukkan supaya Pengarah membentangkan segala

anggaran pendapatan dan belanjawan termasuk perbelanjaan modal bagi tahun berikut kepada Majlis. Majlis pula seterusnya akan mengemukakan kepada Menteri yang akan membuat keputusan muktamad terhadap anggaran itu.

Segala akaun instituit menurut Seksyen 27 akan dioditkan oleh Juruodit Negara. Lapuran Juruodit Negara dan penyata Akaun akan disampaikan kepada Menteri yang akan membentangkannya di dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Peruntukan begini perlu diadakan untuk menentukan bahawa pengawasan yang teliti dan menyeluruh dikenakan kepada segala perbelanjaan yang dilakukan oleh instituit itu, supaya segala kegiatannya tidak terpesung daripada mencapai matlamat negara.

Bahagian IV Rang Undang-undang ini mengandungi peruntukan am, di antaranya ialah Seksyen 35, membekalkan Menteri dengan kuasa untuk membuat kaedah-kaedah untuk menguatkan Rang Undang-undang ini mengenai perkara-perkara yang disebutkan di perenggan kecil (a) hingga (h) Seksyen 35 (2).

Bahagian VII, iaitu bahagian akhir Rang Undang-undang ini mengandungi peruntukan-peruntukan peralihan untuk menentukan bahawa perubahan taraf Instituit Teknologi MARA daripada sebuah institusi pelajaran Kementerian Pelajaran boleh dijalankan dengan baik, licin dan teratur.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.13 ptg.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sukacitanya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang ini yang mana pada pendapat saya bertujuan untuk mengemaskan perjalanan I.T.M. supaya dapat melahirkan pelajar-pelajar dan graduates yang akan dapat memberi khidmat yang diperlukan oleh negara. Usaha ini bukan sahaja patut mendapat sokongan daripada Dewan ini, saya rasa

setiap penduduk di negara ini haruslah memberi sokongan untuk dapat mengimbangkan kedudukan bumiputra dengan bangsa-bangsa lain yang mendiami negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa menarik perhatian Majlis ini di dalam beberapa perkara yang telah dibincangkan beberapa hari yang lalu di dalam Majlis ini yang telah dibangkitkan juga soal I.T.M. Kita telah mendengar pendapat-pendapat daripada beberapa orang Ahli Dewan ini yang telah menyebut dan menyatakan kebimbangan mereka di atas apa yang dilakukan oleh Kerajaan pada hari ini. Kalau kita tilik dari segi sejarah sejak daripada mulanya negara ini mencapai kemerdekaan hinggalah ke hari ini tidak siapapun merasa sangsi bahawa apa yang diperlukan oleh bumiputra pada masa ini ialah dengan adanya Instituit Teknologi MARA ini dapatlah mereka berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan bangsa-bangsa lain. Kita telah mendengar ada perkataan-perkataan yang telah disebut di dalam Majlis ini bahawa tiap-tiap satu group atau tiap-tiap satu golongan yang mendiami negara ini janganlah too clever. Saya rasa perkataan ini mempunyai erti yang agak dapat disangsikan dan saya mahu bertanya adakah golongan-golongan yang telah berusaha untuk menanam padi yang tidak mempunyai kepandaian untuk memasarkan tanaman mereka ini dapat disebutkan sebagai too clever. Dan adakah orang-orang yang pergi ke laut, nelayan-nelayan yang memancing ikan di lautan yang dalam yang menyabung nyawa tidak berupaya memasarkan ikan-ikan yang diperolehi mereka itu dapat dipanggil sebagai too clever. Saya rasa perkara ini patutlah diadakan satu dailog yang lebih jauh dan yang lebih mendalam agar tiap-tiap satu group dapat memahami apakah kehendak group yang lain. Saya percaya tidak ada perkara yang patut dibimbangkan oleh setiap warganegara yang mendiami di dalam negara ini, kerana selagi pemerintahan ini dapat berjalan secara demokrasi, saya percaya tidak ada satu kebimbanganpun yang tidak dapat diatasi. Saya ingin lagi menegaskan bahawa apa yang telah dipercakapkan di dalam Dewan ini oleh groups yang tertentu patutlah diambil berat dan diadakan satu dailog yang lebih mendalam agar perkara ini dapat difahami dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rang Undang-undang ini seperti yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran tadi iaitu di dalam Seksyen 9 (1) yang menyebutkan:

“Institusi boleh, dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis Menteri, menjalankan kursus-kursus pengajian atau latihan bagi ijazah, diploma, sijil atau lain-lain jenis pengiktirafan sesuatu keayakan yang dianugerahkan oleh sesuatu Universiti”

Perenggan ini saya berasa sedikit kurang jelas iaitu dengan sebab Instituit ini seperti yang telah dicadangkan dahulu iaitu akan melahirkan satu jenerasi atau satu rakyat yang dapat memberi khidmat kepada negara tetapi di dalam perenggan yang ketiga pula iaitu di dalam seksyen 9 (3):

“Menteri tidak boleh memberi kelulusan di bawah seksyen-kecil (1) melainkan jika ia berpuashati”

Adakah ini bermakna bahawa Instituit Teknologi MARA tidak dapat menjalankan kursus-kursus selagi Menteri yang berkenaan tidak memberi persetujuan dan Menteri itu tidak boleh memberi persetujuan selagi ia tidak merasa puas hati bahawa ada universiti-universiti akan mengiktiraf kursus yang akan dijalan oleh I.T.M. Kalau kita mempunyai satu pendapat yang lain iaitu kursus-kursus yang tidak ada universiti-universiti yang dapat mengiktirafkan, adakah kita tidak dapat menjalankan kursus seumpama itu?

Selain daripada itu, saya ingin menarik perhatian tentang Seksyen 18 (2) iaitu Jawatankuasa Hal-ehwal Akademik. Apa yang saya ingin menyebut di sini dan sebagai satu syor daripada saya Jawatankuasa Hal-ehwal Akademik ini adalah amat penting sekali bagi membentuk satu quality ataupun mutu-mutu students atau nilai mahasiswa-mahasiswa yang dilahirkan oleh I.T.M. Saya ingin juga menyebutkan di dalam beberapa hari yang lalu kita telah mendapat hujjah-hujjah dan kritik-kritik sebahagiannya daripada penuntut-penuntut dan juga bekas penuntut-penuntut bahawa dengan adanya peraturan-peraturan baru ini kelahiran penuntut-penuntut yang bermutu atau berkualiti adalah disangsikan. Kononnya, dengan sebab tekanan-tekanan yang ada yang setengah-setengahnya berpendapat

bahawa penuntut-penuntut ini tidak dapat melahirkan pendapatnya dengan sepenuh hati.

Saya percaya barangkali saya telah terlanggar sedikit dengan peruntukkan disiplin pelajar, dan perkara inilah yang saya harap akan mendapat perhatian daripada Yang Berhormat Menteri Pelajaran merangkap Timbalan Perdana Menteri. Saya sungguh-sungguh berharap bahawa Instituit Teknologi MARA bukan sahaja dapat melahirkan teknokrat-teknokrat yang boleh mengisi ataupun boleh menunaikan kewajipan-kewajipan terhadap negara, tetapi biarlah mereka itu mempunyai quality, mempunyai rasa disiplin serta mempunyai rasa harga diri supaya dapat diberi tugas-tugas yang lebih besar di mana kita sangat kekurangan pada hari ini.

5.22 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob:
Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan khususnya kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran yang telah dapat membuat satu undang-undang baru berkenaan dengan Instituit Teknologi MARA, yang mana kita telah heboh baru-baru ini. Saya tidak akan membahaskan apa-apa yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini, kerana saya sudah baca semuanya dan saya sangat puas hati. Saya fikir cukup lengkap dan teratur tetapi apa yang saya mahu ialah supaya dibanyakkan lagi students yang tidak dapat masuk ke MARA, kerana pada pendapat saya, tempat tidak cukup dan guru-guru yang mahir tidak ramai.

Saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran yang berkuasa dengan adanya undang-undang ini ialah:

Yang pertama, tambah lagi bilangan murid-murid yang boleh masuk ke I.T.M. dan jangan terlalu ketat sangat peraturannya, asalkan ada berkebolehan seperti yang telah ditetapkan, kalau kurang satu atau dua mata pun, tolonglah ambil kerana kita mahu, banyak lagi murid-murid lepasan MARA di negara kita ini. Pada masa ini MARA telah mengeluarkan banyak murid-murid yang baik dan terpelajar tetapi tidak cukup. Saya merayu tolong tambah lebih ramai lagi pengambilan penuntut-penuntut ini.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya merayu supaya diperbanyakkan lagi pensyarah-pensyarah, professors dalam semua aliran, kalau tidak ada di negeri ini ambillah professors dari luar negeri.

Ketiga, tambah lagi mata pelajaran daripada yang ada sekarang. Pendek kata, kita mahu MARA mengeluarkan pelajar-pelajar dari bermacam-macam pelajaran. Kalau boleh doktor, engineer, draftsman, akauntan dan lain-lain. Kita mahu ramai penuntut-penuntut kita, di Universiti Malaya, di Universiti Kebangsaan, I.T.M., I.T.K., kerana penuntut-penuntut bangsa lain, pada masa ini, lebih ramai yang terpelajar dari penuntut-penuntut bumiputra. Di luar negeri, umpamanya England, Australia, New Zealand, India Ceylon, Taiwan dan Filipina lebih ramai penuntut-penuntut bukan bumiputra yang akan balik membawa kelulusan-kelulusan yang mereka dapati di luar negeri itu. Mereka pergi keluar negeri itu dengan belanja ibu-bapa mereka sendiri. Jadi untuk mensembangkan banyakkannya penuntut-penuntut bumiputra dengan bukan bumiputra yang ada di luar negeri itu sudah patut kita meramaikan pelajar-pelajar bumiputra di Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan, I.T.K. dan I.T.M. Doktor Melayu, engineer Melayu, lawyer Melayu dan akauntan Melayu pada masa ini sangat kurang, dibandingkan dengan orang yang bukan bumiputra. Selagi kita tidak seimbangkan, kita belum lagi mencapai kemerdekaan 100%, sudahlah kita tercicir dalam ekonomi, kita tercicir pula dalam pelajaran. Sebab orang-orang bukan bumiputra, menghantar anak-anak mereka keluar negeri menuntut dengan belanja mereka sendiri, kerana mereka kaya dalam ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, inilah pandangan saya mengenai Bil ini dan saya berharap kepada Kementerian Pelajaran akan bersetuju dengan rayuan saya itu dan saya sokong Bil ini untuk diluluskan.

5.26 *ptg.*

Tuan Syed Omar bin Syed Hussain: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini sambil mengambil kesempatan mengemukakan satu dua perkara yang agak dapat diambil perhatian oleh pihak Yang Berhormat Menteri Pelajaran

telah menyedari masalah ini dan dapat mengadakan satu Rang Undang-undang yang begini lengkap, kuat dapat membendong serta menghindarkan masalah-masalah yang harus berbangkit dikemudian hari.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru pihak Kementerian Pelajaran supaya menubuhkan banyak lagi cawangan-cawangan di luar-luar bandar yang masih belum ada. Saya harap semasa menubuhkan cawangan-cawangan ini hendaklah diadakan kursus-kursus secara menyeluruh, tidak sebagaimana yang ada pada hari ini, kerana kadang-kadang kedatangan kursus-kursus itu tidak ada di Perlis misalnya, tetapi ada di Shah Alam dan terpaksa penuntut-penuntut daripada Perlis pergi ke Shah Alam. Saya harap di masa hadapan patutlah pihak Kementerian mengagih-agihkan kursus-kursus ini sesuai dengan penuntut-penuntut yang akan mengambilnya di tempat-tempat atau cawangan-cawangan yang bakal ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya agak patut saya timbulkan di dalam Dewan ini ialah initiative daripada pihak Pengarah I.T.M. sekarang telah pergi di merata-rata negeri dan initiative ini patutlah diadakan daripada satu masa kesatu masa untuk berjumpa dengan pihak-pihak yang berkenaan, terutama Wakil-wakil Rakyat, pembesar-pembesar negeri, orang-orang yang berpengaruh untuk memberi penjelasan yang lebih mendalam dan meluas, kerana initiative yang telah diambil oleh pihak Pengarah sebulan dua yang lepas menjelajah ke beberapa buah tempat di utara Semenanjung Malaysia, pada pendapat saya banyak memberi kesan dan memberi fahaman kepada pihak-pihak yang tertentu yang dapat memanjangkan masalah-masalah kurang fahaman ini kepada penduduk-penduduk di luar bandar.

Saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada pihak Pengarah Instituit Teknologi MARA sekarang yang telah berusaha mengadakan taklimat dan penerangan ini yang banyak memberi kesan dan banyak memberi penerangan-penerangan yang pada masa yang lalu tidak sampai penerangan-penerangan itu kepada penduduk-penduduk di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya suka mengesyorkan perkara yang dipraktikkan di Perlis itu patut diadakan di seluruh Malaysia

iaitu diberi peluang kepada cawangan-cawangan Institiut Teknologi MARA yang bakal ditubuhkan iaitu penuntut-penuntut ini diberi peluang memilih ibu-ibu angkat umpamanya atau memilih tempat-tempat makan mereka dengan mengadakan satu Syarikat kecil ataupun satu kumpulan kecil. Dengan berbuat demikian, penduduk-penduduk luar bandar dapat mengambil peluang di dalam membina ekonomi mereka dengan mengadakan makanan-makanan kepada penuntut-penuntut seperti yang dilakukan dan dipraktikkan di Negeri Perlis sekarang ini.

Saya menyanjung tinggi khidmat ataupun cara yang diberi oleh Pengarah Institiut Teknologi MARA sekarang iaitu memberi peluang kepada penduduk-penduduk tempatan di sekitar projek yang telah ada dan akan ada di Perlis itu kepada penduduk-penduduk di sekitar tempat itu mengadakan makanan kerana wang itu tidaklah tercurah kepada setempat sahaja. Peluang ini boleh diambil oleh pihak-pihak penduduk-penduduk luar bandar yang diam di sekitar tempat itu, lebih-lebih lagi penuntut-penuntut ini dapat beramah mesra serta mengetahui dengan lebih mendalam keadaan-keadaan di sekitar penduduk-penduduk luar bandar.

5.30 ptg.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub:

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini dan saya suka menyentuh satu-dua perkara secara ringkas. Dalam kesempatan ini pertama sekali saya perhatikan dalam Rang Undang-undang ini di Bahagian III berkenaan dengan penubuhan Majlis, Seksyen 13 yang mana saya ada berasa sangsi sedikit dalam penubuhan itu kita tidak dapati wakil pelajar dan begitu juga dalam Jawatankuasa lain yang ditubuhkan di bawah seksyen itu seperti Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan, Jawatankuasa Pelajaran dan Jawatankuasa Akademik. Cuma yang kita dapati dalam perenggan-perenggan yang berkenaan itu ada Majlis Institiut itu berkuasa melantik selain daripada pegawai-pegawai atas nama jawatan masing-masing, melantik seorang ataupun dua orang yang dipilih oleh Majlis. Mungkin ini boleh dimaksudkan dengan wakil pelajar atau sebagainya. Saya membangkitkan masalah ini oleh kerana saya bimbang kalau suara dari pelajar-pelajar itu

tidak diambil perhatian langsung, misalnya, untuk kepentingan pelajaran dan kepentingan mereka yang akan terlibat dalam I.T.M. itu akan menimbulkan rasa kegelisahan mereka. Saya rasa ada baik walaupun dalam Rang Undang-undang ini tidak disebutkan, maka mereka yang akan dilantik dalam Jawatankuasa-jawatankuasa itu ada termasuk sama golongan pelajar yang boleh sedikit-sebanyak menyuarakan kehendak dan hasrat mereka untuk mengatasi masaalah dan perkara yang mereka tidak puas hati.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyarankan dalam penubuhan cawangan I.T.M. di masa hadapan, sebab kita percaya perkembangannya akan pesat pada masa depan untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru yang dirangka oleh Kerajaan, maka memerlukan banyak cawangan I.T.M. itu dibuka di seluruh negara kita ini. Saya rasa untuk membesarkan I.T.M. itu tidak perlu kita tubuhkan kepada satu tempat, umpamanya, kita mengadakan sebanyak-banyaknya di Shah Alam sahaja sebab kita tahu bahawa kalau sekiranya penuntut itu dikumpulkan di satu tempat, mereka akan boleh datang satu perasaan yang akan mengulang balik perkara yang kita tidak ingini berlaku pada masa hadapan. Dengan sebab itu, saya cadangkan dalam pembukaan dan pembesaran I.T.M. pada masa akan datang, kita salurkan ke seluruh negara sepertimana yang telah diadakan di Perlis, di Dungun dan di lain-lain negeri. Jadi elok kita bawakan mereka ke tempat-tempat di luar bandar yang difikirkan sesuai dengan kursus yang hendak diadakan dan sesuai pula dengan masyarakat tempatan itu, di samping kita tidak kumpulkan seramai-ramai pelajar-pelajar di satu tempat yang mana mereka boleh membuat sesuatu kesempatan dengan apa yang kita bimbang seperti tunjuk perasaan dan sebagainya pada masa akan datang. Jadi saya rasa dua masalah itulah yang saya harap akan mendapat perhatian pihak berkenaan terutama Yang Berhormat Menteri Pelajaran kita merangkap Timbalan Perdana Menteri sekarang ini.

Sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang ini dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kejayaan mengadakan Rang Undang-undang ini untuk menjaga supaya pelajar-pelajar kita dapat benar-benar mencari ilmu pengetahuan dengan peraturan yang kemas seperti ini.

5.35 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong seperti rakan-rakan saya yang lain memberikan sokongan atas Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini. Saya cuba bercakap dengan seberapa ringkas yang boleh.

Pertama sekali, dalam ulasan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi bahawa Rang Undang-undang ini akan dapat mengemas dan membendung gejala-gejala baru yang akan berterusan kalau tidak diperbetulkan. Satu perkara yang saya sangat bangga bahawa Kerajaan dapat mengakui dengan adanya I.T.M. ini iaitu bagi memenuhi maksud Konggres Ekonomi Bumiputra. Dan ini satu usaha yang sangat membanggakan kepada bumiputra khususnya, tetapi pada satu ketika dahulu orang Melayu percaya kalau membuka sekolah mereka percaya anaknya akan berjaya, sehingga I.T.M. ini tidak diletakkan di bawah Kementerian Pelajaran. Ini kesilapan kerana I.T.M. diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, sebab Kerajaan masih percaya bahawa orang Melayu tidak akan membuat satu langkah yang liar, sebagaimana gejala-gejala yang baru, tetapi malangnya orang-orang Melayu moden, mereka telah menurut jejak langkah dan corak liar, mungkin mereka dapat contoh daripada pelajar-pelajar samada dalam dan luar negeri. Jadi, Rang Undang-undang ini saya fikir belum terlambat lagi bagi Kerajaan menguatkuasakannya. Malahan pula kita sangat mengharapkan bahawa bumiputra yang ada tenaga, latihan kemahiran dan juga yang bertaraf professional supaya diperbanyakkan lagi dalam negara ini. Dengan keadaan itu, ini satu harapan Kerajaan dan bumiputra supaya dapat mengisi segala jawatan kosong yang sangat dikehendaki oleh negara melalui pelajar-pelajar yang keluar daripada I.T.M.

Dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, maka lahirlah satu perasaan dari setengah golongan dengan perkataan sumbang mencurigai I.T.M. ini kerana ditubuhkan dan dibelanjakan oleh Kerajaan dengan tujuan hendak melatih atau mendidik satu kumpulan rakyat. Perasaan ini telah ditunjukkan terutama di saat-saat akhir ini. Menurut hemah saya, kalau ada kata-kata sumbang seumpama itu ataupun kecurigaan atas perkembangan I.T.M. ini, khususnya yang datang

dari rakyat Malaysia, saya rasa bahawa kesangsian atau tuduhan itu adalah melulu, kerana hasrat rakyat negara ini berkehendakan bumiputra supaya seimbang golongan cerdik-pandainya dengan semua bangsa-bangsa lain dalam negara ini. Apa yang ditampungkan dalam I.T.M. itu adalah anak-anak bumiputra, khasnya orang Melayu yang miskin di luar bandar yang tidak berupaya memberikan anak-anak mereka pelajaran, sebagaimana kemampuan orang-orang bukan Melayu yang mana mereka ada wang dan boleh hantar anaknya ke luar negeri. Tetapi orang Melayu tidak berupaya dan dengan sebab polisi pelajaran masa dahulu banyak anak-anak Melayu lemah dalam pelajaran. Maka dengan adanya I.T.M. ini merupakan suatu peluang yang sangat baik kepada bumiputra dan negara dan siapa juga yang kasih-sayang kepada tanahair ini tidak harus mencurigai perkembangan I.T.M. ini dan perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Kerajaan, tidak harus mereka ungkit-ungkit. Jadi kalau ada pandangan seumpama ini, saya harap diperhentikan demi kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya Yang Berhormat Menteri mempunyai kelulusan dalam melantik ahli-ahli Jawatankuasa dan mempunyai pengawasan yang ketat, ini benar-benar sangat diperlukan. Sebab pada masa yang akhir-akhir ini, Tuan Yang di-Pertua, bila ditengok gejala baharu bukan sahaja kita tengok anak-anak kita keluar dari I.T.M. itu dengan keadaan yang liar, tetapi menggelisahkan kita, ibu-bapa kurang kepercayaan kepada I.T.M. hatta mereka takut hendak menghantar anak-anaknya dengan adanya gejala-gejala baharu, tetapi dengan adanya peruntukan yang ada di dalam undang-undang ini kepercayaan ibu-bapa di luar bandar telah pulih kembali memberikan kerelaan kepada anak-anaknya belajar di I.T.M. Saya berasa bangga bahawa Rang Undang-undang ini dikemukakan sekarang untuk mengawasi dan membetulkan gejala-gejala baharu yang merebak ini.

Satu perkara sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ini supaya dapat apalah kiranya sebuah Cawangan didirikan dalam negeri Johor, sesuai dengan keadaan orang Johor yang banyak hendak belajar dan banyak orang Melayu yang miskin-miskin yang tidak upaya hendak pergi ke Kuala Lumpur dan bagi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, negeri yang pertama sekali

beliau berucap sewaktu menjadi Timbalan Perdana Menteri ialah dalam negeri Johor daerah Segamat, jadi dengan ingatan itu, saya harap beliau tidak lupa akan cadangan saya.

5.42 *ptg.*

Datuk J. E. S. Crawford: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong penuh Rang Undang-undang Instituti Teknologi MARA. Saya mahu bertanya sedikit kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran, dalam Bahagian II, Fasal 4 (k) dalam Bahasa Malaysia “untuk meminta dan menerima bayaran-bayaran”, dan dalam naskhah bahasa Inggerisnya Bahagian II, Fasal 4 (k) “to demand and receive such fees” pada anggapan saya perkataan “demand” sedikit kuat dan saya rasa “to request and receive such fees” adalah lagi elok. Saya cukup faham naskhah saheh dalam Bahasa Malaysia tetapi kalau dibaca dalam naskhah bahasa Inggeris perkataan “demand” itu saya ingat kurang elok. Saya menyokong penuh undang-undang ini.

5.44 *ptg.*

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun dan menyokong Rang Undang-undang Instituti Teknologi MARA dan di samping itu sukalah saya mengambil peluang ini dan mengucapkan sepatah dua dalam Majlis yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang telah membentangkan Rang Undang-undang ini di Dewan ini. Tujuan besarnya ialah mengambil tindakan ke atas penuntut-penuntut yang melanggar tatatertib itu. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada I.T.M. terutama sekali kepada Menteri atas tertubuhnya I.T.M. di negeri Perlis. Dan begitu juga saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berbahagia Datuk Haji Lokman Musa yang telah melawat ke negeri Perlis dan telah berceramah serta bertukar-tukar fikiran dengan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Dewan Negeri, Dewan Rakyat dan Dewan Negara, juga Ketua-ketua Pejabat mengenai masalah-masalah I.T.M. di negeri Perlis.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa I.T.M. di negeri Perlis telahpun ditubuhkan pada tahun 1974 dan masalah-masalahnya masih banyak lagi yang patut diselesaikan. Kita tahu dengan tertubuhnya I.T.M. itu di-ibaratkan sebagai rebung yang baharu, maka kita berharaplah di dalam soal-soal yang berkaitan dengan penuntut-penuntut ini akan dapat diawasi betul-betul sebagai penuntut yang akan menuntut ilmu yang mana di-harapkan oleh Kerajaan kita pada hari ini. Kita percaya penubuhan I.T.M. ini ialah bertujuan untuk meningkatkan keadaan pelajaran bagi anak-anak bumiputra terutama sekali yang tinggal di luar bandar. Kita percaya dengan penambahan penubuhan I.T.M. di negeri Perlis akan dapat menambahkan lagi bumiputra menuntut pelajaran di tempat itu.

Menyentuh berkenaan kedudukan I.T.M. ini, kita tahu sebagaimana perbelanjaan-perbelanjaannya untuk mendapatkan tapak-tapak dan lain-lainnya tersangat besar, tapaknya sahaja seluas 336 ekar yang kita dapat di negeri Perlis dan perbelanjaan mendapatkan tanah itu lebih kurang \$633 juta lebih, maka dalam masalah ini keadaan kedudukan kewangan bagi pihak I.T.M. ini untuk membuat perkara-perkara yang lain, masih lagi kekurangan maka kita harap kepada Kerajaan akan dapat menambahkan peruntukan di dalam masa Rancangan Malaysia Ketiga ini dan dapat dilaksanakan perkara-perkara yang patut dilaksanakan seumpama tempat-tempat tinggal dan tempat-tempat belajar. Boleh dikatakan pada masa ini sungguh pun tempat-tempat belajar itu telahpun siap dan sekiranya persiapan itu sudah cukup maka seramai 2,000 penuntut akan dapat menduduki di dalam I.T.M. di negeri Perlis itu. Kita tahu asrama-asrama juga telah dibuat tetapi belumlah sempurna lagi dan dijangka pada akhir tahun ini atau pertengahan tahun ini maka dapatlah penuntut-penuntut ini menduduki di asrama-asrama yang telah dibuat dan penuntut-penuntut ini tidaklah berkeciciran dimerata tempat sebagaimana yang terdapat pada hari ini boleh dikatakan tiap-tiap penuntut itu terpaksa menyewa rumah sendiri dan ada juga diusahakan oleh Kerajaan Negeri yang diperuntukkan kepada penuntut-penuntut itu rumah murah yang telah dibuat sebanyak 30 buah. Ini kita mengucapkan berbilang-banyak terima kasih atas daya usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri Perlis berkenaan dengan penuntut-penuntut ini.

Berkenaan dengan perkara tidak dapat dilaksanakan walaupun tempat-tempat itu telahpun siap tetapi tidak dapat diduduki dan tidak dapat digunakan sebagai tempat belajar ialah disebabkan bekalan-bekalan yang tidak dapat diberi dengan cukup seperti bekalan air dan letrik. Maka dalam soal ini kita berharaplah pihak yang berkenaan ini juga akan dapat bekerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri dan bagi pihak I.T.M. maka perkara ini akan dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin semoga perkara ini dapat disudahkan dan dapatlah diduduki oleh penuntut-penuntut ini.

Maka tujuan I.T.M. ini ditubuhkan di negeri Perlis, maka kita percaya hari ini banyak daripada penuntut-penuntut di seluruh Malaysia ini telah datang ke negeri Perlis yang mana saya dapat nyatakan di sini iaitu pada akhir bulan April 1976 maka kedudukan-kedudukan penuntut yang ada di dalam I.T.M. di negeri Perlis ialah :

Perlis	24	orang
Kedah	111	"
Pulau Pinang	64	"
Perak	84	"
Selangor	20	"
Negeri Sembilan	9	"
Melaka	13	"
Johor	18	"
Pahang	3	"
Trengganu	22	"
Kelantan	34	"
Sabah	6	"
Sarawak	3	"

Maka itulah kedudukan-kedudukan penuntut-penuntut yang ada hari ini sedang belajar di negeri Perlis. Dan penuntut-penuntut ini sebagaimana saya sebutkan tadi menghadapi berbagai-bagai masalah berkenaan asrama. Maka kita berharaplah pihak yang berkenaan yang saya katakan tadi; iaitu berkenaan dengan bekalan letrik dan air dapat bekerjasama mengatasi masalah ini.

Begitu juga berkenaan dengan kedudukan yang saya sebutkan tadi iaitu berkenaan dengan kewangan. Sebagai yang kita ketahui dalam kita berdialog bersama-sama dengan Datuk Lokman telah menyatakan berkenaan dengan kekurangan kewangan, dan beliau baharu datang ke sana maka diharapkan masalah ini diberi keutamaan supaya dapat dilaksanakan. Maka kita berharap kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran dalam

soal ini maka negeri Perlis akan dapat memperuntukkan sebanyak 2,000 orang penuntut lagi sebagaimana yang disebutkan tadi. Penuntut-penuntut negeri Perlis ada 24 orang, sepatutnya negeri Perlis berasa tidak puas hati dalam perkara ini, tetapi Perlis berasa bangga kerana sebuah cawangan I.T.M. ada di negeri Perlis. Perlis tidak menjadi soal tentang kekurangan penuntut Perlis yang ada di I.T.M.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh sedikit berkenaan dengan di I.T.M. ini. Setakat yang saya faham, kalau salah saya minta maaf, iaitu bahasa pengantarnya yang digunakan di I.T.M. ini boleh dikatakan bahasa Inggeris. Jadi kita berdukacita dalam soal ini. Mengapa jadi begini. Dengan bahasa pengantarnya bahasa Inggeris dan penuntut-penuntutnya pula datang daripada sekolah-sekolah kebangsaan, maka apabila sampai ke sana banyak digunakan bahasa Inggeris. Maka tentulah menjadi masalah kepada penuntut ini untuk menghadapi pelajarannya. Maka dalam perkara ini juga kalau sekiranya betul saya minta Menteri yang berkenaan supaya mengambil daya usaha dalam perkara ini supaya bahasa pengantarnya dapat digunakan bahasa kebangsaan.

Begitu juga berkenaan dengan Bahasa Malaysia iaitu berkenaan dengan penuntut-penuntut kita yang telah keluar baik daripada Universiti Kebangsaan, Universiti Malaya dan begitu juga penuntut-penuntut sebagaimana yang saya sebutkan tadi yang mana tidak begitu mendapat perhatian daripada pihak Kerajaan untuk mendapatkan pekerjaan terutama sekali dalam swasta. Jika penuntut ini lulus dengan bahasa kebangsaan susah mendapat kerja-kerja di tempat yang tersebut, baik dalam perkhidmatan Kerajaan mahu pun swasta, sebab mereka tidak boleh berbahasa Inggeris. Maka di dalam aliran bahasa Kebangsaan ini juga patutlah kita sentuh sedikit supaya dapat diatasi. Begitu juga rasa tidak senang hati penuntut-penuntut yang berkelulusan Bahasa Kebangsaan ini yang berkhidmat di Jabatan-jabatan Kerajaan yang saya difahamkan kadang-kadang di pandang rendah. Maka dengan ini patutlah pihak berkuasa mengambil tindakan supaya bahasa Kebangsaan dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya, sebagaimana yang dikehendaki oleh Kerajaan.

Maka itulah sedikit-sebanyak yang dapat saya sentuh dan sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Menteri yang berkenaan.

5.55 ptg.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini dan saya memberi tahniah kepada Menteri Pelajaran kita kerana beliau telah begitu sekali berani mengambil tindakan sendiri, menjaga sendiri I.T.M. ini daripada kekecohan yang berlaku sehingga ketenangannya pada masa ini. Pada saya apa yang berlaku dalam I.T.M. macam kata pepatah Inggeris: "a blessing in disguise", kerana kalau tidak Undang-undang ini tidak datang di Parlimen. Jadi satu gejala buruk yang berlaku yang menimbulkan kebaikan kepada I.T.M. itu sendiri.

Dalam Undang-undang ini saya nampak Menteri Pelajaran kita betul-betul pegang, segala sesuatu yang hendak dibuat mesti dengan persetujuan Menteri terutamanya dalam kewangan. Syabas! Ini adalah satu langkah yang baik walaupun beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri, tetapi beliau tidak mahu lepas, mahu tengok I.T.M. ini berjaya dan pada masa depannya akan dapat menghasilkan sesuatu yang baik kepada bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah menegakkan sesebuah institusi pelajaran akan melibatkan banyak perkara. Dia akan melibatkan tenaga pengajar, dia akan melibatkan kewangan dan dia akan melibatkan pentadbiran, sebagaimana yang kita lihat dalam Undang-undang ini. Sebagaimana yang dikatakan tadi, tenaga pengajar perlu dicukupkan dan kewangan saya rasa perlu diperbesar. Sekarang kalau Menteri Pelajaran sendiri sudah pegang kuasa kewangan, budgetnya dipegang oleh Menteri, maka saya rasa Menteri akan menjadi Timbalan Perdana Menteri akan berusaha, berbisik dengan Menteri Kewangan kita supaya I.T.M. ini mendapat wang yang cukup bagi mendirikan asrama-asrama dekat Shah Alam ini. Dahsyat benar tempat itu macam duduk di padang pasir. Kalau tidak ada asrama yang cukup maka penuntut-penuntut mesti duduk di Petaling Jaya ataupun di Kuala Lumpur. Kalau penuntut itu lelaki tidak apa, dia boleh naik motosikal.

Tetapi kalau dia perempuan, wanita; bagaimanakah perempuan ini hendak berulang alik ke I.T.M., kalau tidak ada tempat tinggal yang berhampiran.

Saya rasa sudah menjadi perkara yang mustahak supaya bangunan-bangunan asrama didirikan dengan seberapa segera di tanah-tanah yang berhampiran dengan I.T.M. di Shah Alam ini. Tanah itu banyak, kosong sahaja. Sekarang Kerajaan Selangor pun berkeriau dan bertempok suruh orang dirikan rumah. Tanah kosong tidak dibangunkan I.T.M. sendiri tidak bangukan asrama dekat I.T.M. itu. Jadi ini sudah menjadi satu perkara yang perlu yang patut dipandang berat oleh Kerajaan kita, oleh Menteri Pelajaran, oleh Timbalan Perdana Menteri, oleh Menteri Kewangan supaya perkara ini dilaksanakan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ialah perkara biasiswa. Sekarang banyak murid-murid hendak masuk ke universiti dan ke I.T.M. Murid ini datang daripada kampung yang miskin. Kalau murid-murid itu datang daripada Kelantan, biasiswa, minta maaf. Negeri yang paling miskin, negeri Kelantan. Kalau murid minta biasiswa dia kata boleh. Saya beri sponsor sahaja, Sponsor itu sekeping kertas sahaja, saya sponsor. Wang tidak ada. Wang sendiri. Kertas sponsor itu hanya mendapatkan tempat di universiti dan I.T.M., umpamanya. Jadi biasiswa ini paling mustahak bagi penuntut-penuntut yang datang daripada luar bandar.

Kalau dapat biarlah Instituti Teknologi MARA ini sendiri mengadakan biasiswanya. Adakah peruntukan khas untuk biasiswa penuntutnya, sebab Instituti Teknologi MARA sekarang bukan lagi duduk di bawah MARA, Instituti Teknologi MARA di bawah Kementerian Pelajaran dan biasiswa MARA adalah biasiswa yang ditadbirkan oleh MARA dan wang-wang ini tentulah diuntukkan bagi Instituti Teknologi MARA tetapi tidak mencukupi. Apa yang saya tahu, pada tahun ini permohonan biasiswa bagi MARA sahaja ada sebanyak 250 borang permohonan yang telah diterima, yang hendak pergi keluar negeri—hendak melanjutkan pelajaran keluar negeri. Ini sudah tentu banyak yang akan tidak berjaya mendapatkan biasiswa. Kalau tidak berjaya apalah nasib mereka, kemahuan belajar ada, kebolehan hendak belajar ada, wang tidak ada. Jadi saya merayulah supaya perkara

biasiswa ini pun dipandang berat, dan usaha untuk mengadakan suatu hubungan di antara biasiswa MARA dengan biasiswa Kerajaan dan ditubuhkan lagi satu tabung biasiswa Institiut Teknologi MARA sendiri supaya banyak wang-wang untuk kita hantarkan murid-murid ini keluar negeri. Sebab seorang penuntut yang datang belajar ke MARA, kalau dia lulus di I.T.M., dia boleh masuk ke tahun tiga di Universiti Amerika, jadi ini sudah mengecilkkan perbelanjaan. Kalau dia pergi ke sana terus dan terpaksa belajar katakanlah lima tahun dalam satu pelajaran, tentulah banyak belanjanya di Amerika. Tetapi kalau penuntut itu sanggup datang belajar ke I.T.M. masuk dua tahun ataupun tiga tahun di I.T.M., belanjanya sangat kecil di negeri kita sendiri, tetapi penuntut ini kita boleh hantar pergi ke Amerika masuk tahun ke tiga, dia boleh mendapat kelulusan ijazah yang tinggi, balik ke Malaysia dengan perbelanjaan yang kecil dan dia boleh mendapat pengalaman di luar negeri. Jadi, kita mahu pada masa hadapan kakitangan kita, tenaga jentera Kerajaan kita, mempunyai fikiran yang luas. Jentera Kerajaan kita mempunyai pengalaman.

Kita tidak mahu mereka ini belajar di I.T.M., di I.T.M. sahaja, kenal Shah Alam sahaja. Bila mereka sudah kenal Shah Alam, hendak memerintah Shah Alam, mereka tidak hendak memerintah negerinya. Fikiran mereka itu sempit. Tetapi kalau kita hantar mereka keluar negeri dengan perbelanjaan Kerajaan pandangan mereka itu luas, mereka boleh tengok macam mana kemajuan di Amerika, di Germany, di Holland, di Belgium, mereka balik di sini membawa pengalaman itu dan mereka akan merika apa-apa sesuatu bagi kebaikan negara kita. Jadi inilah yang saya katakan penting dalam urusan institusi pelajaran seperti I.T.M. Ini penting kepada kewangan, kewangan untuk membina asrama, kewangan untuk menghantar penuntut-penuntut keluar negeri, kewangan untuk mengadakan perbelanjaan kakitangan yang cukup supaya dapat berjalan dengan baik.

Di sini saya suka memberikan keyakinan yang penuh kepada Menteri Pelajaran kita yang beliau sudah tentu dapat memegang kesemuanya dan akan dapat menjayakan cita-cita orang Melayu dalam hal pelajaran ini.

6.40 ptg.

Datuk Dr Wee Khoon Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong Rang Undang-undang ini. Sungguhpun saya seorang yang bukan bumiputra, akan tetapi Institiut Teknologi MARA ini, pada fikiran saya sedang memainkan peranan yang amat penting dalam pembangunan negara yang telah dibuktikan dalam keadaan beratus-ratus graduate institusi ini mengambil bahagian dalam kemajuan ekonomi negara. Maka saya sukalah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini dengan satu perkara sahaja. Rang Undang-undang ini akan memperbaiki lagi organisasi Institiut Teknologi MARA supaya instituti ini akan dapat menjalankan tugasnya dengan lebih cekap dan berkesan, dan mengakibatkan perkembangan golongan sains dan teknologi dan eksekutif bumiputra yang sekarang wujud memainkan peranan yang lebih berkesan dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru negara.

Tuan Yang di-Pertua, murid-murid bukan bumiputra di kampung-kampung seperti di beberapa buah kampung di negeri Kelantan adalah belajar di sekolah kebangsaan kampung masing-masing. Bahasa pengantar yang utama ialah Bahasa Malaysia. Daripada sekolah rendah hingga ke Tingkatan V atau VI, murid-murid kampung hanya mahir dalam Bahasa Malaysia sahaja. Mereka tidak faham berucap bahasa China hanya sedikit bahasa Hokkien bercampur dengan bahasa Melayu sahaja. Sebahagian daripada murid-murid ini dapat kelulusan peperiksaan S.P.M. atau Tingkatan VI dengan pangkat yang tinggi, tetapi apabila mereka memohon masuk ke institusi-institusi pelajaran tinggi Kerajaan, malangnya mereka diberitahu oleh pegawai institusi yang berkenaan tidak ada tempat lagi untuk mereka dalam institusi itu. Murid-murid bukan bumiputra daripada sekolah-sekolah kebangsaan dan sekolah-sekolah kampung adalah sebilangan kecil sahaja dan Kerajaan patutlah memberi dorongan dan kemudahan-kemudahan kepada mereka untuk menyambung pelajaran mereka sesuai dengan dasar dan hasrat Kerajaan iaitu ingin menggalakkan rakyat sekalian khasnya rakyat keturunan China, India dan Thai mempelajari Bahasa Malaysia dengan lebih mahir lagi supaya tidak menawarkan hati mereka daripada desa untuk mempelajari Bahasa Malaysia dengan lebih dalam dan lebih tinggi lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan sesungguhnya untuk murid-murid yang sebilangan kecil inilah Kerajaan akan membenarkan mereka belajar di Instituti Teknologi MARA pada masa yang akan datang yang difikirkan oleh Kerajaan wajar atau sesuai.

6.08 ptg.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ber-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan berkenaan Rang Undang-undang Instituti Teknologi MARA yang telah dibentangkan oleh saya tadi.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah telah membangkitkan beberapa perkara di antaranya ialah berkenaan dengan kursus untuk universiti yang mana beliau telah berkata bahawa ini adalah bergantung kepada pengiktirafan universiti itu sebelum I.T.M. mengadakan kursus. Saya ingin menjelaskan bahawa ini bukanlah maksud undang-undang dalam seksyen 9 (1) tadi. Sebenarnya, apa yang dimaksudkan ialah pihak I.T.M. boleh mengadakan kursus-kursus menyediakan penuntut-penuntut itu untuk mengambil peperiksaan yang diuruskan oleh universiti di dalam atau di luar negara. Dan juga I.T.M. boleh mengadakan kursus-kursus untuk menyediakan penuntut-penuntut untuk beberapa jenis peperiksaan yang diuruskan oleh berbagai badan peperiksaan yang ada di Eropah berkenaan dengan Accountancy dan Secretarialship dan lain-lain. Inilah tujuan peruntukan undang-undang ini dan ianya tidak bergantung kepada pengiktirafan oleh universiti itu terhadap kebolehan atau taraf pencapaian I.T.M. Perkara yang semacam ini dilakukan juga oleh badan-badan yang lain yang mengadakan kursus untuk berbagai institusi yang ada di England yang menjalankan peperiksaan pada tiap-tiap tahun. Ini memudahkan penuntut-penuntut ini supaya mereka tidak menyediakan untuk peperiksaan ini di rumah tetapi mendapatkan latihan secara tertentu di dalam institusi seperti I.T.M. Saya harap Ahli Yang Berhormat itu tidak terkeliru lagi berkenaan dengan perkara ini.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob telah meminta supaya ditambah penuntut-penuntut lebih

banyak lagi supaya bermacam-macam jurusan lagi diadakan. Berkenaan dengan perkara ini, saya ingin menjawab juga tentang teguran-teguran yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Syed Omar bin Syed Hussain, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad dan juga Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim yang semuanya telah meminta supaya ditambah cawangan-cawangan I.T.M. yang mana tentulah dengan tambahan-tambahan cawangan itu bermakna juga kita menambahkan penuntut-penuntut yang memasuki I.T.M.

Saya ingin menjelaskan tentang peranan institusi pelajaran. Institusi pelajaran ini diadakan untuk menyampaikan pengetahuan kepada penuntut-penuntut yang memasukinya. Ianya tidak dikatakan berkesan jika kita cuma menerima penuntut, tetapi mereka tidak mendapat kelulusan. Untuk mendapat kesan yang baik, institusi ini mestilah mengeluarkan bilangan yang lebih banyak yang lulus, bukan bilangan yang lebih banyak yang memasuki semata-mata. Sebenarnya, kita boleh mengadakan banyak penuntut mengikut suka hati kita. Kalau Dewan ini ataupun orang ramai berkehendakkan supaya diadakan lebih banyak penuntut maka ini dapat diterima masuk ke I.T.M., tetapi kalau mereka masuk begitu banyak, mungkin kelulusan mereka akan menjadi lebih kurang lagi daripada yang terdapat sekarang. Di dalam institusi pelajaran kesan penyerapan pelajaran bukan semata-mata bergantung kepada bilangan penuntut tetapi juga kecapaian penuntut yang kebolehnya agak tinggi, maka kemungkinan mereka ini mendapat kelulusan adalah lebih baik daripada menerima 100 orang penuntut yang kelulusan mereka tidak mencukupi untuk mengikuti kursus-kursus tersebut, cuma menambah bilangan sahaja tidaklah begitu berkesan.

Sebenarnya, bilangan yang ada di dalam I.T.M. itu adalah tinggi tetapi kelulusan mereka tidak begitu baik. Kalau kita ingin melihat mereka ini lulus adalah lebih baik kita menambah kemudahan dan pensyarah-pensyarah supaya mereka ini dapat menyerap pelajaran dengan lebih berkesan dan daripada itu kita akan dapat melihat lebih banyak daripada mereka yang dapat memasuki peperiksaan dan akan mendapat kelulusan, tetapi kalau kita cuma menambah

bilangan tanpa mengambil kira kebolehan mereka ini hasilnya amatlah kurang. Kita membelanjakan lebih kurang \$30 juta tetapi kalau daripada \$30 juta ini kita tidak dapat mereka yang lulus dengan mencukupi maka ini akan menjadi pembaziran. Saya sanggup menambah bilangan penuntut ini, tetapi sebelum ditambah bilangan penuntut ini patutlah terlebih dahulu kita menyediakan kelengkapan dan alat yang cukup supaya mereka yang akan memasuki I.T.M. ini akan dapat diberi latihan yang sempurna supaya mereka akan mencapai kejayaan. Mengadakan cawangan yang lebih banyak memanglah baik bagi tempat yang kita mengadakan cawangan itu tetapi dari segi pencapaian juga mungkin tidak berkesan.

Kita telah mendengar Senator Ismail Sheikh Ibrahim menerangkan tadi bahawa di I.T.M. Cawangan Perlis umpamanya cuma 24 orang penuntut sahaja yang datang daripada Perlis tetapi daripada Kedah lebih 100 orang. Mengikut nisbah itu lebih baiklah kita menempatkan cawangan Perlis itu di Kedah, kerana akan mengurangkan belanjanya sedikit, tetapi kita tidaklah akan mengubah ke Kedah, saya akan tinggalkan juga di Perlis. Kita mestilah ingat bahawa tujuan mengadakan institusi pelajaran ialah untuk mendapat hasil melalui pencapaian penuntut itu. Kalau kita menganggap mengadakan institusi itu semata-mata untuk kita dapat berbangga dengan adanya institusi di depan rumah kita umpamanya mungkin hasil daripadanya agak kurang. Kalau negara kita ini merupakan satu negara yang cukup kaya dan kita ada banyak wang untuk kita berbelanja supaya dapat bangunan-bangunan yang elok-elok, mungkin kita adakan tetapi sekarang ini Kerajaan menghadapi kesulitan kewangan. Jadi buat sementara ini tidak dapatlah saya menambah satu cawangan kampus I.T.M. di Johor, satu di Trengganu, satu di Pahang, satu di sana dan satu di sini, tetapi kalau kita ada wang nanti, kita mungkin fikirkan semula tentang perkara ini.

Berkenaan dengan cadangan Senator Syed Omar supaya penduduk-penduduk yang berdekatan dapat peluang mencari pendapatan sedikit, perkara ini akan ditimbang oleh I.T.M. di mana-mana juga I.T.M. ada supaya mereka yang tinggal berdekatan dengan I.T.M. ini mendapat menafaat sedikit daripada adanya I.T.M. di tempat itu. Sebenarnya, di Shah Alam juga ada tempat-tempat bagi orang-orang yang berdekatan

mengadakan gerai supaya perbelanjaan penuntut itu akan memberi faedah kepada penduduk-penduduk tempatan.

Senator Haji Mohd. Amin mencadangkan supaya ada wakil pelajar dalam Majlis. Saya ingin menjelaskan iaitu di dalam Majlis Universiti pun tidak ada wakil pelajar dan di seluruh negara kita ini kita belum mengadakan wakil pelajar di dalam Majlis-majlis. Mengadakan wakil pelajar dalam Majlis Universiti ataupun Institusi Pelajaran Tinggi ini jarang sekali terdapat, bukan sahaja di dalam negara kita tetapi juga di negara-negara lain. Umpamanya, terdapat di Amerika wakil pelajar berada di dalam Majlis dan kalau kita perhatikan huru-hara yang berlaku di dalam kampus-kampus di Amerika bermula sejak diadakan perwakilan ini, kerana Majlis ini memberi tugas untuk merupakan satu badan eksekutif dan badan ini kalau dicampur-adukkan dengan kehendak-kehendak penuntut, mungkin kehendak-kehendak mereka ini bertentangan dengan kehendak institusi dan dengan kerana itu faedah daripada perwakilan ini tidaklah begitu baik. Sebaliknya, saya ingin menerangkan bahawa penuntut-penuntut diberi peluang mengemukakan pendapat mereka kepada pentadbiran I.T.M. dan tidak ada satu sebab mengapa mereka patut berasa tidak puas hati kerana tidak ada perwakilan mereka di dalam institusi I.T.M. ini. Sebenarnya, mereka bukan sahaja dapat berjumpa dengan Pengarah I.T.M. ataupun dengan Pentadbir I.T.M., saya sendiri sedia berjumpa dengan mereka kalau mereka betul-betul ada masaalah. Tidak beberapa hari dahulu saya berjumpa dengan sekumpulan daripada penuntut-penuntut I.T.M. supaya dapat diadakan dialog secara tertutup untuk mengetahui masaalah-masaalah mereka dan juga untuk memberi peluang kepada saya menerangkan tentang sebab-sebabnya kita mengadakan Akta ini. Jadi perhubungan itu memang ada dan tidak ada satu sebab yang mereka patut berasa curiga tentang susunan Majlis ini.

Senator Crawford telah menyebut tentang penggunaan perkataan "demand" tetapi saya ingin menerangkan bahawa ini adalah berkenaan dengan pembayaran yuran dan pihak I.T.M. berhak membuat demand itu dan perkataan demand ini juga digunakan oleh universiti. Saya ingat kita masih juga boleh menggunakan perkataan demand kerana demand ini adalah satu cara yang lebih

tepat. Kalau request, kita minta begitu sahaja, dia tidak hendak beri pun tidak apalah, sebab kita request sahaja, tetapi demand, kalau tidak diberi, dia tidak boleh belajar, dengan sebab itu kita menggunakan perkataan demand.

Senator Datuk Nik Hassan telah membangkitkan beberapa perkara yang penting berkenaan dengan asrama di I.T.M. Saya mengakulah bahawa Shah Alam itu masih merupakan satu padang Sahara di mana tidak begitu banyak penduduk dan agak sukar bagi penuntut-penuntut itu mendapat tempat tinggal dan mungkin terpaksa tinggal jauh sedikit daripada I.T.M., tetapi sebenarnya kita menyusun supaya hampir semua mereka itu dapat tinggal samada di dalam asrama ataupun di rumah berderet yang berdekatan ataupun rumah-rumah yang dekat dengan I.T.M. Jika kita menambahkan penuntut lagi, kita akan menentukan supaya kita mengadakan asrama yang cukup. Shah Alam tidak lama lagi akan menjadi sebuah bandar yang besar dan mereka tidak akan berasa begitu terpencil di kemudian hari.

Berkenaan dengan masalah biasiswa penuntut-penuntut I.T.M., saya ingin menjelaskan iaitu penuntut I.T.M. hampir semuanya diberi biasiswa iaitu kalau diterima masuk ke I.T.M. bermaknalah ianya tidak kena bayar yuran dan ianya akan mendapat tempat tinggal percuma dan juga duit sakunya diberi oleh I.T.M. Bermakna hampir semua daripada mereka mendapat biasiswa kalau mereka diterima masuk di I.T.M. Ada juga firma-firma (swasta) yang memberi biasiswa kepada penuntut-penuntut yang terpilih. Ini diadakan semata-mata untuk mengurangkan perbelanjaan I.T.M. kerana kalau mereka itu layak tetapi tidak dapat biasiswa maka I.T.M. akan menerima mereka itu secara percuma. Jadi tidak timbul masalah tidak ada pembiayaan bagi penuntut yang diterima oleh I.T.M. Malangnya, oleh kerana tiap-tiap penuntut yang diterima oleh I.T.M. itu tidak payah bayar yuran, tidak payah bayar bayaran asrama dan dapat wang poket pula mereka berkata mereka tidak menerima biasiswa kerana tidak ada pemberian biasiswa, cuma mereka dikecualikan daripada pembayaran. Jadi, masalah yang ditimbulkan oleh Senator Datuk Nik Hassan itu sebenarnya ada kaitan dengan penuntut-penuntut yang lain yang ingin pergi keluar negeri tetapi tidak ada

kaitan dengan I.T.M. Mereka yang diterima oleh I.T.M. tidak akan menghadapi masalah.

Senator Datuk Dr Wee Khoo Hock telah berkata bahawa ada penuntut-penuntut bukan bumiputra yang telah belajar di sekolah kebangsaan tetapi tidak dapat diterima di I.T.M. Saya mengaku bahawa ini berlaku dan ini berlaku kerana dasar I.T.M. bukanlah berkenaan dengan ada kaitan dengan dasar Bahasa Kebangsaan. Mereka itu diterima kerana kita ingin mengadakan bilangan bumiputra di dalam bidang ini dan kalau mereka itu terlatih di dalam Bahasa Kebangsaan sungguhpun mereka tidak boleh diterima oleh I.T.M., tetapi ini tidak menyekat peluang mereka di institusi yang lain seperti Politeknik Ungku Omar ataupun Universiti Kebangsaan yang menggunakan bahasa pengantarnya Bahasa Kebangsaan. Jadi peluang bagi mereka di dalam universiti lain adalah terbuka kepada mereka. Tetapi I.T.M. ditubuh khas untuk bumiputra dan tidak berasas kepada bahasa.

Berkenaan dengan perkara ini Senator Sheikh Ibrahim telah menyebutkan bahawa bahasa penghantar di I.T.M. ialah bahasa Inggeris. Memang ini berlaku kerana sebilangan besar daripada peperiksaan yang diadakan di I.T.M. itu adalah peperiksaan yang ditentukan oleh badan-badan luar negeri yang menggunakan bahasa Inggeris, sebab itu pelajaran itu mestilah diadakan di dalam bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, kita cuba memberi berbagai kursus dalam Bahasa Kebangsaan bila peperiksaan itu diuruskan oleh I.T.M. sendiri. Tetapi selagi kita melatih mereka ini untuk mengambil peperiksaan yang disediakan oleh badan-badan peperiksaan luar negeri maka bahasa pengantarnya, tentulah bahasa Inggeris. Ini bukanlah dengan kerana kita tidak mengutamakan Bahasa Kebangsaan, tetapi kita memandang bahawa amatlah penting kita mengeluarkan eksekutif-eksekutif Melayu ini dengan seberapa cepat yang boleh dan kalau kita ingin menunggu supaya jenis-jenis pelajaran ini diterjemahkan kepada Bahasa Kebangsaan mungkin bilangan eksekutif Melayu ini tidak akan bertambah dengan pesatnya. Sebab itu dalam perkara ini kita mengutamakan pelajaran itu lebih daripada masalah bahasa, tetapi tidak dengan kerana kita tidak memandang tinggi berkenaan dengan peranan Bahasa Kebangsaan.

Saya fikir sekianlah sahaja penerangan saya dan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 47 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG INSTITUSI-INSTITUSI PELAJARAN (TATATERTIB)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.27 ptg.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang bahawa satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk mengawal tata tertib pelajar-pelajar di institusi-institusi pelajaran dan mengenai perkara yang berkenaan dengannya dibentangkan.

Satu Rang Undang-undang mengenai memperbadankan Instituti Teknologi MARA telah dibentangkan di Dewan ini sekejap tadi. Di dalam ucapan itu saya telah juga menyebutkan keadaan yang tidak menyenangkan yang berlaku di institusi kerana keadaan tata tertib yang tidak sempurna di kalangan pelajar-pelajarnya. Ini telah menyebabkan pencapaian penuntut-penuntut di dalam bidang akademik tidak memuaskan.

Pengawasan tata tertib bagi pelajar-pelajar di institusi pelajaran tinggi amatlah penting kerana masyarakat di kampus adalah berbeza dengan masyarakat biasa di luar. Masyarakat pelajar di kampus memerlukan keadaan yang aman, tenteram dan suasana yang tenang untuk membolehkan pelajar-pelajar dengan mudah menyerap dan memperelajari ilmu pengetahuan. Keadaan yang

bising, hirok-pikok dengan pidato-pidato hangat yang membakar perasaan dan demonstrasi yang kerap kali berlaku membawa akibat buruk dan sama sekali tidak sesuai bagi pelajar-pelajar untuk menyerap ilmu pengetahuan.

Masyarakat pelajar di institusi pelajaran tinggi sentiasa menjadi tumpuan perhatian masyarakat umum. Ini disebabkan pusat-pusat pengajian tinggi merupakan terdiri dari orang-orang cerdik pandai yang terpelajar serta menjadi tempat untuk menimba ilmu pengetahuan dan tempat bagi melatih mereka yang akan menjadi bakal pemimpin negara di masa hadapan. Oleh hal yang demikian, segala tindak-tanduk pelajar-pelajar itu sentiasa mendapat perhatian umum dan akan memberi gambaran yang tertentu pula. Tindak-tanduk mereka boleh memberikan imej yang baik mahupun sebaliknya. Masalah mengenai disiplin pelajar sentiasa mendapat perhatian dan pandangan umum. Kita telah banyak menerima teguran-teguran, rungutan dan kritik dari orang ramai terutama dari ibu-bapa mengenai tata tertib pelajar-pelajar di pusat-pusat pengajian tinggi.

Dengan hal yang demikian, satu pengawasan disiplin yang ketat dan teratur perlu diadakan untuk penuntut-penuntut tersebut. Undang-undang biasa untuk mencegah jenayah dan perbuatan-perbuatan anti sosial bagi orang ramai di luar kampus belum cukup untuk mengujudkan suasana pelajaran yang memerlukan ketenangan dan ketenteraman. Peraturan yang patut diadakan itu mestilah bertujuan khusus untuk menimbulkan keadaan yang teratur, aman dan tenteram di kalangan pelajar-pelajar dan untuk mengelakkan aktiviti-aktiviti yang tidak mendatangkan faedah langsung supaya mereka dapat menumpukan perhatian mereka sepenuhnya di dalam bidang pelajaran.

Kita telah menerima banyak pengajaran akibat dari tindak-tanduk dan demonstrasi pelajar-pelajar yang merugikan kerajaan. Demonstrasi yang dilakukan oleh pelajar-pelajar I.T.M. dalam tahun 1974 menuntut taraf universiti adalah akibat dari kurang pengawasan tata tertib pelajar-pelajar. Begitu juga dengan demonstrasi yang melibatkan penutupan I.T.M. baru-baru ini di mana issue-issue yang kecil diperbesar-besarkan oleh golongan pelajar-pelajar hingga menimbulkan demonstrasi yang merugikan.

Pelajar-pelajar I.T.M. juga telah melakukan perbuatan liar dengan mengambil alih pengavalan kampus I.T.M. daripada pihak pentadbiran. Golongan militan ini telah menggelarkan diri mereka sebagai kumpulan "Gestapo". Tujuan kumpulan ini semata-mata untuk menggugat ketenteraman pelajar-pelajar lain yang benar-benar ingin belajar di dalam keadaan aman dan tenteram di dalam kampus. Segolongan pelajar-pelajar militan ini mahu supaya para pelajar dan I.T.M. sendiri tunduk di bawah telunjuk mereka dengan menggunakan taktik ganas dengan mengugut pelajar-pelajar yang hendak pulang.

Seterusnya tindakan pelajar-pelajar yang tidak berdisiplin ini telah menghalang dan mengancam usaha pembukaan semula I.T.M. di mana mereka telah menyekat dan mengancam pegawai-pegawai I.T.M. dari menjalankan tugas untuk berdaftar semula penuntut-penuntut. Dengan itu usaha pembukaan semula kampus I.T.M. di dalam bulan Januari, 1976 telah tergendala selama enam minggu.

Renungan secara mendalam mengenai perlunya Rang Undang-undang ini dilaksanakan patutlah dipusatkan kepada perbuatan 20 orang penuntut yang bermaharajalela masuk ke bilik-bilik pejabat pentadbiran dan membakar suratan-suratan I.T.M. yang penting di waktu malam.

Akibat dari keganasan dan kelakuan sekumpulan kecil pelajar-pelajar yang tidak berminat untuk belajar ini amatlah membahayakan kepada perjalanan kampus I.T.M. Segolongan kecil mereka lebih tertarik untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang tidak berfaedah dengan mengadakan demonstrasi-demonstrasi. Mereka juga merupakan pelajar-pelajar yang tidak maju di dalam pelajaran dan mereka inilah yang sepatutnya diasingkan sejak awal-awal lagi.

Kita telah menerima satu pengajaran dari tindakan pelajar-pelajar tersebut akibat tiadanya peraturan dan undang-undang yang kukuh. Pihak Pentadbiran tidak dapat menjalankan tugas mereka kerana tidak dibantu oleh undang-undang seperti yang terdapat di dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti. Dengan adanya undang-undang seperti ini ketenteraman di kampus I.T.M. dapat dikawal dengan lebih kukuh dan tidak mudah dilanggar.

Oleh yang demikian, dengan huraian di atas menyebabkan Akta Institusi Pelajar (Tatatertib) 1976 digubal. Akta yang sedemikian rupa juga telah dipakai di universiti-universiti dan Kolej Universiti di dalam bentuk Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971. Akta tersebut telah berjaya mententeramkan pelajar-pelajar universiti dari kegiatan yang tidak mendatangkan faedah. Setidak-tidaknya bagi tahun akademik 1975/1976. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin melihat I.T.M. berjaya tentu menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya membuat penerangan mengenai perbekalan-perbekalan penting yang terkandung dalam rang Akta Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib), 1976.

Dalam Bahagian I, mengandungi tafsiran kepada istilah-istilah yang digunakan di dalam rang undang-undang ini. Di antara istilah-istilah tersebut yang terpenting sekali ialah perkataan "Institusi" yang mana dimaksudkan sebagai semua institusi-institusi pelajaran—selain daripada Universiti atau Kolej Universiti yang tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971.

Bahagian II mengandungi peruntukan untuk mengadakan badan-badan tata tertib, sepertimana menurut Seksyen 4 (1) sesebuah institusi itu dikehendaki menubuhkan sebuah Jawatankuasa tata tertib terdiri daripada Ketua Eksekutif Institusi itu dan dua orang ahli yang dilantik oleh Menteri.

Seksyen 5 (1) memperuntukan mengenai perlantikan seorang Pegawai Hal Ehwal Pelajar oleh Menteri. Pegawai ini mempunyai kuasa mengambil tindakan tata tertib dan mengenakan sebarang hukuman tata tertib terhadap semua pelajar di institusi itu mengikut peraturan yang diadakan pada Jadual Kedua.

Seksyen 6 memperuntukkan bahawa Menteri berkuasa untuk membuat pindaan, ataupun memansuhkan mana-mana peruntukan di dalam kaedah-kaedah Institusi Pelajaran (Tatatertib Pelajar-pelajar) 1976 apabila dikenakan kepada lain-lain institusi.

Bahagian III Rang Undang-undang ini bertujuan memperuntukkan penubuhan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar di dalam sesuatu institusi. Menteri atau Eksekutif sesebuah Institusi mempunyai kuasa untuk

membubarkan sesebuah Jawatankuasa Perwakilan Pelajar atau lain-lain badan pelajar. Peruntukan seperti yang disebutkan tadi adalah sangat wajar bagi membendung dan mengawasi kegiatan-kegiatan pelajar yang tidak sihat, bukan sahaja di Instituti Teknologi MARA tetapi juga di lain institusi di negara ini.

Bahagian IV mengandungi peruntukan-peruntukan yang sama dengan peruntukan di dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1975 iaitu untuk melarang pelajar-pelajar menjadi ahli, bergabung, membangkang atau menyokong mana-mana persatuan, parti politik, kesatuan sekerja atau lain-lain pertubuhan di luar kampus.

Seksyen II ialah untuk melarang pelajar-pelajar melakukan pemungutan wang. Bagaimanapun Menteri boleh memberi pengecualian daripada larangan ini dalam sesuatu hal tertentu. Tujuan peruntukan ini ialah supaya semua kutipan wang dari orang ramai oleh pelajar-pelajar tidak disalahgunakan untuk membiayai kegiatan-kegiatan yang tidak mendatangkan faedah.

Seksyen 14 memperuntukkan kuasa bagi menggantung pelajar yang dipertuduh atas sesuatu kesalahan jenayah dan membuang pelajar itu jika kesalahan jenayah itu dibuktikan serta untuk memberi pengecualian daripada peruntukan-peruntukan ini oleh Menteri.

Seksyen 15 bertujuan memberi kuasa kepada Menteri menggantung atau membebankan seseorang pelajar apabila ia berpuashati bahawa tindakan tersebut demi untuk menjaga kepentingan institusi itu. Seterusnya pelajar seperti ini bukan saja tidak dibenar melanjutkan pelajarannya di lain institusi atau universiti di negara ini, tetapi juga ditegah memasuki atau berada di dalam mana-mana kampus, institusi atau universiti.

Bahagian V Rang Undang-undang ini bertujuan mengadakan peruntukan peralihan yang merupakan peruntukan-peruntukan berbangkit (consequential provisions). Dengan ini Seksyen 17 dan 18 memperuntukkan bahawa semua keahlian pelajar di dalam semua pertubuhan yang berdaftar dan syarikat kerjasama pelajar akan bubar secara otomatis melainkan kelulusan diperolehi daripada Menteri dalam tempoh 14 hari daripada tarikh kuatkuasa Rang Undang-undang ini.

Bahagian VI Rang Undang-undang ini mengandungi beberapa perbekalan am, dan di antaranya Seksyen 22 di mana Menteri boleh mengenakan perbekalan Rang Undang-undang ini kepada mana-mana institusi pelajaran dengan meletakkan nama institusi itu di bawah Jadual Pertama.

Pada Jadual Kedua terdapat Peraturan Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib Pelajar-pelajar) 1976 yang bertujuan melicinkan dan memperkemaskan kawalan dan pengawasan tatatertib bagi pelajar-pelajar institusi-institusi yang dimasukkan ke dalam Jadual Pertama. Peraturan Tatatertib Pelajar tersebut mengandungi bahagian-bahagian mengenai tatasusila yang mesti dipatuhi oleh tiap-tiap pelajar di dalam sesuatu institusi pelajaran, tatatertib penginapan di asrama, tatatertib lalu-lintas jalanraya, acara menjalankan sesuatu pembicaraan tatatertib, cara-cara menyampaikan rayuan terhadap sebarang keputusan tindakan tatatertib dan yang akhir mengandungi beberapa peruntukan am. Peraturan begini juga telah dikenakan kepada semua universiti-universiti dalam negara ini.

Jadual Ketiga memperuntukkan penubuhan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar yang diuruskan oleh Pegawai Hal Ehwal Pelajar melalui undian rahsia. Cara-cara dan syarat Pemilihan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar itu mengikut peraturan seperti yang dinyatakan oleh Seksyen 1 Jadual tersebut. Ianya dilarang menyenggara apa jua kumpulan wang atau memungut derma, bantuan mahupun harta daripada sesiapa pun. Segala perbelanjaan bagi kegiatan-kegiatan akan dibiayai daripada peruntukan Institusi mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan oleh Ketua Eksekutif Institusi itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

6.41 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong kuat Bill ini untuk diluluskan.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan dan terima kasih kepada Menteri Pelajaran kerana dapat membuat satu Undang-undang Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib). Undang-undang ini sangat

perlu kerana murid-murid yang datang belajar ke institusi-institusi ini dari berbagai-bagai keturunan. Sungguhpun kita satu bangsa Melayu, tetapi orang-orang Melayu, banyak kaum, banyak suku, banyak bahasa dan telah bermacam-macam pula pendapatan ibu-bapanya, ada dari penangkap ikan, ada dari penurih getah, ada dari buruh, ada dari kakitangan Kerajaan dan di sini kita sudah tahu ada bermacam ragam manusia.

Saya terpaksa menuntut beribu-ribu maaf, kepada Ahli-ahli Dewan, atau orang-orang yang mendengar ucapan saya ini apabila keluar hal ini. Saya bercakap ini, dengan hati yang tulus ikhlas, tetapi jangan disalah-taarifkan percakapan saya ini. Saya misalkan murid-murid yang ibu-bapanya dari penangkap ikan, dari penurih getah, dari golongan buruh kasar, bukan saya menghina-hinakan mereka, tetapi anak-anak mereka sangat bijak, cerdek dan pandai. Apabila masuk ke universiti-universiti, ke I.T.K., ke I.T.M. dan institusi-institusi pelajaran tinggi, yang luar daripada kawasan mereka, mereka ini akan berlaku lebih ganas dan tercengang-cengang, tamak dan akan jadi sombong, sebab mereka tidak biasa tidur berkatil, bertilam, berselimut, makan sedap-sedap, maka datanglah, perangai yang tamak, jahat dan sebagainya. Tetapi kalau kita bezakan anak-anak yang ibu-bapanya, terpelajar dan tahu ugama, berlainan, mereka tidak hairan dengan katil, dengan tilam, dengan makan sedap kerana ini semuanya ada di rumah mereka. Oleh itu, murid-murid ini, lebih tekun belajar, dari anak-anak yang datang dari kampung, seperti saya. Maka sudah patut diadakan undang-undang, atau disiplin untuk pelajar sebagaimana yang ada dalam Bill ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengesyorkan kepada Kerajaan, kita mesti asingkan murid-murid lelaki dengan murid-murid perempuan samada di sekolah rendah, sekolah menengah, di universiti-universiti, di I.T.K., di I.T.M. dan di mana-mana sahaja institusi-institusi, kerana kita sudah terkeluar dari ajaran Ugama Islam. Selagi ada juga percampuran antara murid lelaki dan murid perempuan, pelajar-pelajar kita tidak akan tenteram, tidak akan maju, sebab pergaulan itu terlampau sosial sangat, sehingga membuat kepada kerja-kerja yang dilarang oleh Ugama Islam. Sebagaimana kata Allah-yarham Tun Abdul Razak yang saya kasihi, semasa kita mengadakan Pre-council, ada

murid-murid lelaki di universiti-universiti, pergi ke bilik budak-budak perempuan menyelak kain murid-murid perempuan (*Ketawa*). Saya ingat lagi kata Tun itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tahu kalau ini dibuat, ini memakan belanja yang banyak, kita terpaksa membuat universiti-universiti, I.T.M. dan I.T.K. untuk murid-murid perempuan dan murid-murid lelaki. Tidak apa, kita keluar belanja yang banyak, kerana Malaysia ini akan kekal hingga habis dunia ini, mengapa kita tidak boleh buat? Kalau tahun ini tidak boleh buat, tahun hadapan dan masa yang akan datang, asalkan kita dapat menjalankan perintah Allah.

Sekarang beban dan dosa itu semuanya ditanggung oleh Menteri-menteri Kabinet kita, lebih-lebih lagi, Ahli-ahli Kabinet yang beragama Islam. Mereka tahu ajaran Islam, tetapi mereka biarkan begitu sahaja sehingga ada yang tidur sama-sama satu bilik, sebab kita tidak tahu, hendak membezakannya pelajar lelaki, dengan pelajar perempuan. Masa ini pelajar-pelajar lelaki, memakai rambut panjang, lebih panjang daripada perempuan. Kalau mereka tidur sebilik, siapapun tak tahu, mereka berdua serupa macam perempuan.

Tuan Yang di-Pertua, inilah pandangan saya pada Bill ini. Saya berharap Bill ini, akan dapat dijalankan dengan mengikut apa-apa yang terkandung di dalam Bill ini. Jangan tinggal di Bill sahaja, tetapi tidak berjalan. Saya akhiri dengan menyokong Bill ini dengan sepenuh-penuhnya dan sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Menteri Pelajaran dan kepada Kerajaan kerana dapat membuat satu Undang-undang yang baik dan bernas ini.

6.45 ptg.

Puan Hajjah Tom Saudah binti Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di sini menyokong penuh Rang Undang-undang Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran pada hari ini. Dengan adanya Rang Undang-undang ini saya percaya dan yakin tidak akan berlaku lagi seperti-masa yang berlaku di masa-masa yang lepas Insya Allah.

Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran yang mana dapat mengadakan Rang Undang-undang ini supaya dapat mententeramkan

tatatertib bagi pihak pelajar-pelajar yang akan datang. Dalam Rang Undang-undang ini di Bahagian I, Fasal 3—Kuasa Menteri untuk memutuskan sesuatu soal tentang Ketua Eksekutif. Perkara ini mustahak sekali kalau kuasa ini tiada maka tidak akan tenteram satu-satu universiti ataupun kolej-kolej juga apa sahaja institusi. Dan dalam Bahagian III—Jawatankuasa Perwakilan Pelajar dan Jawatankuasa Badan Pelajar, saya fikir patut dilantik orang-orang yang betul bertanggungjawab dan disegani orang dan orang yang berpengaruh yang akan menjadi Pengerusi baru dapat tenteram dalam kampus-kampus itu. Dalam bahagian Jawatankuasa Tatatertib ini yang mustahak ialah mengambil tindakan apa-apa yang terjadi dalam kampus-kampus itu dan jangan dibiarkan sampai perkara-perkara itu besar baharu jawatankuasa ini akan ambil tindakan. Saya rasa dalam Rang Undang-undang ini cukup ketat peraturan-peraturannya. Jadi yang saya rasa bimbang dan takut Rang Undang-undang ini tinggal Rang Undang-undang sahaja. Saya berharap supaya ahli-ahli jawatankuasa-jawatankuasa yang dilantik itu dapat menjalankan tugas-tugas mereka yang aktif untuk menyasiat apa yang berlaku dalam kampus-kampus sepertimana yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini.

Saya suka mengesyorkan supaya universiti-universiti atau institusi-institusi pelajaran dibanyakkan lagi dalam negeri-negeri lain; khususnya di negeri Kedah, kalau boleh, kerana di Kedah belum ada lagi institusi-institusi. Saya rasa dengan adanya institusi di negeri-negeri ini tidak lagi pelajar-pelajar itu berkumpul banyak sangat sepertimana yang ada sekarang ini di satu-satu universiti atau di satu-satu institusi sampai 6,000 hingga 7,000 pelajar. Maka dengan ini tidak dapat terkawal, dan sebab itu terjadi demonstrasi-demonstrasi dan dapat dipengaruhi oleh anasir-anasir komunis sampai boleh pelajar-pelajar itu simpan segala alat senjata dalam kampus universiti-universiti.

Jadi di sini saya suka juga mengesyorkan supaya dapat pihak jawatankuasa-jawatankuasa ini mengawal betul-betul pelajar-pelajar sepertimana yang disebutkan oleh rakan saya tadi seperti ahlak dan juga berkenaan dengan agama Islam. Saya rasa dapat pihak jawatankuasa-jawatankuasa yang dilantik nanti mengadakan lebih banyak lagi pelajaran-pelajaran agama Islam di dalam

universiti-universiti dan juga institusi-institusi ini, kerana saya percaya dan yakin dengan adanya pelajaran agama ini bertambah banyak lagi itulah yang akan menjadi benteng dan pedoman bagi pelajar-pelajar kita yang beragama Islam.

Di sini sekali lagi saya menyokong penuh Rang Undang-undang Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) ini dan saya harap dijalankan dengan teratur dan sempurna. Insya Allah, saya rasa di masa akan datang tidak akan berlaku lagi sepertimana yang terjadi di masa lepas.

6.50 ptg.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, apabila kita telah luluskan Rang Undang-undang Instituit Teknologi MARA, dan memberi kuasa kepada Kementerian menyusun satu I.T.M. yang elok dan cantik, maka sudah tentulah Dewan ini berdiri di belakang Yang Berhormat Menteri yang berkenaan untuk memberi kuasa mengatur tatatertib bagi penuntut-penuntut yang akan belajar di dalam I.T.M. itu.

Saya berdiri teguh di belakang Yang Berhormat Menteri dalam melaksanakan undang-undang ini dan saya percaya ramai ibu-bapa akan bersama-sama dengan Yang Berhormat Menteri untuk menjaga anak-anaknya supaya berperangai baik atau tahu adap sopan dan mengenali peribadi masing-masing.

Apabila kita bercakap fasal tatatertib kita tidak boleh lari lagi kita terpaksa memikirkan juga jenis-jenis pemimpin yang akan kita keluarkan daripada institusi-institusi pelajaran kita. Kita tidak mahu mengeluarkan penuntut-penuntut yang akan jadi pemimpin-pemimpin yang tidak mempunyai akal fikiran yang cergas, yang cerdik dan mempunyai pendiriannya sendiri. Kita mahu melatih anak-anak kita supaya menjadi pemimpin-pemimpin yang berani, bijak serta pemimpin-pemimpin yang tahu menjalankan tugas dan mempunyai pendiriannya sendiri. Pemimpin-pemimpin ini tidak akan keluar daripada satu latihan yang terlampau ditekan atau terlampau dikongkong pemikirannya pada masa kita melatih pemimpin-pemimpin itu. Jadi, saya yakin Yang Berhormat Menteri yang berkenaan lebih mengetahui daripada saya cara hendak melaksanakan undang-undang ini. Undang-undang ini keras dan kita mempunyai kuasa dan kuasa itu adalah

kuasa mutlak, tetapi saya rasa dalam menggunakan kuasa ini sudah tentulah kita akan memikirkan cara-caranya untuk kita boleh mengeluarkan pemimpin-pemimpin yang aktif dan bijak. Jadi, pada peringkat permulaan ini oleh kerana masa yang telah lalu di I.T.M. ini terlampau rosak moral, kelakuannya dan didikan yang tidak sempurna tentulah kita terpaksa menjalankan kuatkuasa undang-undang dengan sekeras-kerasnya supaya kita hapuskan segala apa yang tidak baik itu. Tetapi dalam peringkat yang kedua saya rasa kita perlu memberi sedikit-sebanyak kebebasan kepada penuntut-penuntut ini agar mereka boleh berfikir sendiri dan boleh mengaturkan dirinya sendiri menjalankan aktiviti-aktiviti yang boleh melatihkan otak dan fikirannya untuk menjadi pemimpin-pemimpin di masa hadapan. Kita tidak mahu membunuh pemikiran bakal pemimpin-pemimpin bumiputra kita, sebab ini institusi bumiputra—100% bumiputra. Kita berharap institusi ini akan mengeluarkan pemimpin-pemimpin daripada golongan bumiputra yang cekap dan berpendirian.

Saya rasa dalam peringkat yang kedua dan peringkat ketiga dalam pelaksanaan undang-undang ini tentulah Yang Berhormat Menteri ada sedikit-sebanyak cara atau tektiknya supaya kita dapat memperbaiki kelakuan tatatertib penuntut-penuntut ini dengan cara beransur-ansur, dan berperingkat-peringkat agar kita tidak rugi di masa hadapan.

6.55 *ptg.*

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, secara ringkasnya saya menyokong Rang Undang-undang ini. Saya cuma hendak timbulkan satu sahaja masalah iaitu sepanjang perhatian saya dalam Bill ini mengenai Bahagian IV—Kesalahan-kesalahan. Di bawah fasal-fasal yang berkenaan itu nampaknya tidak menyentuh sedikit pun dalam masalah kerohanian yang mana sebahagian daripada ahli-ahli kita yang telah bercakap menyentuh masalah pembangunan rohani perlu dimasukkan dalam tatatertib. Jadi, sehubungan dengan kehendak kita untuk mengeluarkan pemimpin-pemimpin yang berdisiplin di masa yang akan datang dan mempunyai didikan rohani yang sesuai dengan dasar-dasar Kerajaan kita sekarang ini, maka saya sangsi di atas Bill yang kita sedang timbangkan hari

ini kita ketinggalan dalam bahagian kerohanian yang ada hubungan dengan tata-tertib kepada pelajar-pelajar kita. Jadi, saya rasa kalau tidak perlu dipinda pada masa akan datang, mungkin akan ada ikhtiar-ikhtiar supaya pelaksanaannya akan termasuk tujuan-tujuan membentuk pembangunan rohaniah pelajar-pelajar kita yang mana sedang dititik-beratkan oleh Kerajaan kita sekarang.

6.57 *ptg.*

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah dan berasa bangga kerana pihak Kementerian Pelajaran telah dapat mengadakan satu peraturan tatatertib yang akan dikuatkuasakan di dalam institusi pelajaran di negeri ini. Saya rasa kita memang bertuah kerana sejarah perjalanan di negeri ini ada mempunyai berbagai-bagai corak sejak kita dijajah hinggalah setelah kita mencapai kemerdekaan. Kesemua institusi-institusi pelajaran yang telah lalu yang telah dipelajari oleh rakyat Malaysia telah membawa berbagai-bagai kesan di dalam kehidupan mereka dan juga membawa kesan kepada perhubungan penuntut-penuntut atau graduates itu di dalam mencampuri masyarakat setiap hari.

Pihak Kementerian Pelajaran, terutamanya sahabat saya Yang Berhormat Menteri Pelajaran dapat mengesan akibat-akibat daripada disiplin berbagai-bagai pelajaran tinggi. Misalnya, peribadi seorang mahasiswa daripada Timur Tengah, Indonesia, United Kingdom, Amerika Syarikat dan seterusnya negara-negara lain. Saya percaya ke semua ini dapat diberi perhatian dan diberi pertimbangan untuk dijadikan sebagai satu panduan bagi peraturan yang akan kita luluskan pada hari ini supaya dapat disesuaikan pula di mana kurang dan di mana baiknya diperbaiki tatatertib di dalam institusi negara kita ini.

Pada hari ini dengan adanya peraturan ini kita sedang berada di satu persimpangan jalan yang mana sebaik-baik undang-undang ini diluluskan kita haruslah dapat melahirkan mahasiswa-mahasiswa yang sesuai dengan identity dan kehendak negara kita sendiri.

Saya percaya kita tidaklah begitu sangat memerlukan teknologi atau teknokrat yang hanya tahu membuat bangunan-bangunan, membuat kira-kira dan tahu membuat berbagai perkara lagi mengikut matapelajaran

yang dipelajarinya. Tetapi sebagaimana kita tahu di dalam negara kita ini ada berbagai mahasiswa yang terkadang-kadang telah melewati batas.

Kalau saya dapat sebutkan terkadang-kadang kita dapati accountant terpaksa menyebelahi pihak majikan. Kadang-kadang ia terpaksa membuat audit certificate yang hanya dapat memuaskan pihak pengarah-pengarah, kerana pengarah-pengarah itulah yang akan memilih accountant tadi. Keadaan ini saya rasa tidaklah sesuai kepada penuntut-penuntut yang akan dilahirkan daripada universiti kita sendiri yang mana pada hakikatnya tanggungjawab seseorang mahasiswa itu bukan sahaja kepada pengarah yang akan melantiknya, tetapi juga bertanggungjawab kepada shareholders yang menjadi ahli perkongsian di dalam sesebuah syarikat itu. Jadi pemilihan ini, kemanakah dan bagaimanakah patut mahasiswa yang berkelulusan tadi memutuskan, dan kepada pihak manakah ia mesti menjalankan tugasnya. Tentang pemilihan ini, saya rasa adalah satu perkara yang memberi kesan sejak ia dalam universiti. Jika universiti itu menekankan soal-soal rohaniah, menekankan soal-soal nilai diri, tentulah kita akan dapati mahasiswa yang akan berkhidmat kepada negara ini tidak akan tunduk kepada sebarang arahan yang di luar bidang profesionalnya. Jadi, itulah saya rasa sangatlah baik peraturan ini diadakan dan saya sangatlah berharap pada masa akan datang kita akan dapati bahawa mahasiswa yang dilahirkan daripada universiti dan institusi tertinggi di Malaysia ini akan sungguh-sungguh menjadi sebagai seorang rakyat bukan sahaja berguna pada dirinya sendiri, tetapi juga berguna pada negara dan rakyat seluruhnya.

7.03 mlm.

Datuk Dr C. Sinnadurai: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong pindaan Rang Undang-undang ini dan saya rasa pindaan ini telah terlambat. Nampaknya Rang Undang-undang ini akan membawa kedudukan yang baik kepada institusi-institusi pengajaran tinggi, tetapi saya ingin menarik perhatian kepada satu dua perkara.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin menarik perhatian kepada Fasal 14 (1) yang antara lainnya mengatakan: a student could be suspended for an offence committed outside, and clause 14 (3)—a student is subjected to any order imposing restrictions also could be prevented from attending the institution. Selain daripada apa yang saya sebutkan tadi, saya adalah menyokong dengan sepenuh hati Rang Undang-undang ini dan ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri Pelajaran for his high quality, courage and foresight, iaitu kebijaksanaan-nya membawa Rang Undang-undang ini pada masa ini.

7.05 mlm.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya bangun untuk mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan ini dan juga memberikan sokongan kepada peruntukan undang-undang ini.

Saya ingin menjawab sedikit tentang perkara yang telah dibangkitkan oleh Senator Haji Ibrahim bin Haji Yaacob iaitu menegaskan bahawa kita perlu mengasingkan murid-murid lelaki dan perempuan. Itu agak ideal sedikit, tetapi agak sukar kita lakukan. Perbuatan-perbuatan seperti yang disebutkan tadi tidaklah berlaku di I.T.M. dan saya percaya bahawa tidak ada penuntut-penuntut lelaki masuk ke bilik penuntut-penuntut perempuan di I.T.M. Saya ingin menegaskan perkara ini supaya tidak memburukkan nama baik penuntut kita di sana. Mungkin Ahli Yang Berhormat itu menyebutkan tentang kejadian di lain tempat, tetapi bukanlah di I.T.M. Peruntukan Rang Undang-undang ini akan membolehkan kita menjaga keadaan di I.T.M. supaya perkara-perkara yang tidak diinginkan tidak akan berlaku.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan masaalah pembangunan ke-rohanian di kalangan penuntut-penuntut di institusi pelajaran tinggi. Sebenarnya di dalam Rang Undang-undang ini ada disebut tentang masaalah itu, mungkin tidak begitu tepat seperti yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu, tetapi ada disebutkan pada muka surat 23, Bahagian II, TATA-TERTIB AM.

3. Seseorang pelajar tidak boleh—

- (a) berkelakuan, samada di dalam atau di luar kampus, secara yang boleh merosakkan atau menandatangani mudarat kepada kepentingan, kesentosaan atau nama baik Institusi, atau kepada kepentingan, kesentosaan atau namabaik mana-mana pelajar, kakitangan, pegawai, atau pekerja Institusi, atau kepada ketenteraman atau keselamatan awam, atau kepada akhlak, kesopanan atau tata tertib.

Kita memang memberi perhatian kepada akhlak dan kesopanan yang mana itu juga menjadi sebahagian daripada kerohanian dan jiwa tiap-tiap seorang daripada penuntut. Saya percaya dengan mengadakan pelajaran agama, maka sopan santun dan akhlak penuntut akan diperkukuhkan dan oleh kerana itu kita ingin mengadakan latihan agama yang lebih berkesan di institusi pelajaran tinggi termasuklah I.T.M. Saya mengaku bahawa di waktu ini bilangan pensyarah-pensyarah agama tidak begitu mencukupi untuk penuntut-penuntut yang bilangannya sudah meningkat kepada lebih daripada 6,000. Tetapi sebelum kita mengadakan pensyarah-pensyarah, kita juga ingin menentukan supaya pensyarah-pensyarah itu sedar dan faham tentang pentingnya syarahan-syarahan yang akan disampaikan oleh mereka. Berkenaan dengan perkara ini kita perlu juga faham bahawa bukan sahaja sukatan pelajaran agama itu yang penting, tetapi kesan penyampaiannya juga penting. Kalau mereka itu cuma mempelajari agama sebagai satu matapelajaran untuk memasuki peperiksaan umpamanya, kadang-kadang pelajaran yang terkandung di dalamnya tidak diserap oleh penuntut-penuntut itu. Kita tahu umpamanya banyak orang-orang Yahudi yang belajar agama Islam, tetapi mereka tidaklah berakhlak seperti orang Islam, sungguhpun pengetahuan mereka di dalam bidang itu agak tinggi. Sebab itu kita perlu menentukan supaya pelajaran agama yang disampaikan itu agak berkesan dan akan membentuk akhlak yang baik.

Senator Datuk Nik Hassan juga telah mengingatkan pihak saya dan Kementerian supaya Rang Undang-undang ini tidak dijalankan begitu ketat sehingga kita tidak dapat mengeluarkan pemimpin-pemimpin pada masa hadapan yang berkaliiber. Saya

percaya ini tidak mungkin jadi, kerana peruntukan Rang Undang-undang ini ialah untuk mencegah perbuatan yang liar seperti mengadakan demonstrasi, tunjuk perasaan dan sebagainya.

Saya percaya Ahli Yang Berhormat sendiri sebagai seorang pemimpin tidaklah payah dilatih berdemonstrasi sebelum menjadi seorang pemimpin yang terkenal dalam negara kita ini. Kita boleh menjadi pemimpin yang terkenal bukan sahaja di dalam negara ini bahkan di dunia ini tanpa mengambil bahagian di dalam demonstrasi.

Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri tidak pernah mengambil bahagian dalam demonstrasi tetapi merupakan seorang pemimpin yang handal yang boleh berhujjah dan berbahas dengan mana-mana juga pemimpin daripada seluruh dunia ini, jadi kita tidak khuatir bahawa ini akan berlaku dan kita tidak dapat mengeluarkan pemimpin.

Sebenarnya, undang-undang ini tidak menyekat penuntut-penuntut daripada mengadakan usaha-usaha melatih kepimpinan mereka secara yang baik dan kita akan memberi peluang kepada mereka melatih diri supaya mereka akan menjadi pemimpin yang bertanggungjawab, tetapi seperti yang saya katakan tadi ini tidaklah termasuk latihan tentang cara-cara mengadakan demonstrasi dan sudut pidato. Jadi, tidak payahlah kita khuatir. Kalau kita dapati pula bahawa mereka menjadi penuntut yang berkelakuan baik dan bertanggungjawab, maka mungkin undang-undang ini tidak perlu sama sekali sepertimana undang-undang ini dahulu tidak perlu diadakan sama sekali kerana penuntut-penuntut di ketika itu memang terdiri daripada penuntut yang bertanggungjawab. Ini tidaklah dengan kerana saya dahulu penuntut di ketika itu bertanggungjawab tetapi penuntut yang lain juga tidak ada perlu mengadakan undang-undang sebelum mereka bertindak secara yang tertib dan bertanggungjawab. Jadi, kalau kemudian hari kita dapati bahawa penuntut sudah pun sedar dan tidak payah dikawal lagi, mungkin dilonggarkan undang-undang ini, tetapi sebelum sampai kepada peringkat ini terpaksa kita menguatkuasakan undang-undang ini supaya berkesan.

Ahli yang lain juga telah bercakap berkenaan kerohanian yang mana saya telah menjawabnya termasuk Senator Tuan Haji

Khalid dan beliau menyebut tentang sikap-sikap mahasiswa daripada berbagai tempat. Di sini saya ingin menjelaskan iaitu saya dapati bahawa mereka yang belajar di Cairo umpamanya di dalam bidang ugama nampaknya lebih tertib lagi daripada mereka yang belajar dalam bidang-bidang yang lain, jadi memang tepatlah apa yang diperkatakan bahawa pelajaran ugama ini agak penting dalam pembentukan peribadi yang baik.

Senator Datuk Dr C. Sinnadurai telah membangkitkan Fasal 14 iaitu jika seorang pelajar sesuatu institusi itu dipertuduhkan yakni di luar daripada kampus, maka tindakan akan diambil terhadapnya di dalam institusi. Ini bunyinya agak keras sedikit, tetapi kalau kita perhatikan Fasal 14 (8) ini disebutkan bahawa Menteri boleh, pada bila-bila masa, dalam sesuatu kes tertentu, menurut budibicara mutlakannya, memberi pengecualian kepada seseorang daripada kuatkuasa peruntukan-peruntukan seksyen kecil (1), (2), (3), (4) atau (5). Jadi, ketidakadilan tidak akan berlaku melainkan saya sendiri merupakan orang yang tidak adil. Saya fikir itulah sahaja keterangan-keterangan yang perlu saya jawab, dan Senator Puan Hajjah Cik Tom Saodah telah membangkitkan perkara yang sama begitu juga Senator Tuan Haji Mohd. Amin di dalam perbahasan ini.

Sekianlah sahaja dan saya mengucapkan sebanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong Rang Undang-undang ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 26 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual I diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual II diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual III diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG EKSAIS

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.17 m/m.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang yang diberi nama Akta Eksais untuk meminda dan menyatukan Undang-undang berkenaan dengan eksais dalam Malaysia dibaca bagi kali yang kedua.

Pada masa ini ada terdapat tiga undang-undang mengenai eksais yang berkuatkuasa di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Undang-undang itu ialah:

- (i) Akta Eksais, 1961 bagi negeri-negeri Tanah Melayu;
- (ii) Ordinan Eksais Sabah; dan
- (iii) Ordinan Eksais Sarawak.

Selain daripada undang-undang yang tersebut di negeri Sabah ada terdapat satu undang-undang yang berasaskan berkenaan dengan hasil minuman arak iaitu Liquors Revenue Ordinance.

Dalam tahun 1963 undang-undang eksais bagi negeri Sabah dan negeri Sarawak telah diubahsuaikan dan dijadikan undang-undang Persekutuan di bawah Modification of Laws (Excise) Order, 1964. Order ini tidak mengubah kandungan undang-undang tersebut tetapi cuma menyesuaikan dengan tujuan menjadikan semua perkara-perkara berkenaan dengan eksais di kedua-dua buah negeri tersebut di bawah tanggungjawab Menteri Kewangan.

Pada waktu Sabah dan Sarawak memasuki Malaysia, pentadbiran dan pelaksanaan undang-undang eksais sangatlah mudah, kerana pada masa itu hanya terdapat beberapa jenis sahaja barang-barang yang tertakluk di bawah duti eksais, seperti tembakau, minuman arak, mancis dan petrolium.

Dengan pesatnya perkembangan perindustrian dan juga ekonomi negara ini, khususnya pada akhir tahun enam puluhan, banyak jenis barang-barang kilangan tempatan telah dikenakan duti eksais untuk menambah hasil dan juga menggantikan kehilangan hasil dari duti impot akibat dari perkembangan dalam perusahaan-perusahaan "import-substitution" negara ini. Pentadbiran kastam dan eksais serta perlaksanaannya telah menjadi lebih kompleks oleh sebab beberapa orders, undang-undang dan peraturan-peraturan yang telah dikeluarkan untuk melaksanakan duti-duti baru itu yang dibuat di bawah ketiga-tiga undang-undang yang berasingan seperti di atas. Untuk melicinkan penguatkuasaan dan pelaksanaan berbagai undang-undang dan peraturan-peraturan itu dengan tujuan memperbaiki serta meninggikan mutu kecekapan maka mustahaklah undang-undang tersebut disatukan menjadi satu undang-undang yang uniform bagi seluruh Malaysia sebagaimana yang telah dilakukan dengan undang-undang Kastam. Syatukan undang-undang eksais ini akan mewujudkan satu kawasan Kastam dan Eksais bagi seluruh Malaysia dan dengan yang demikian akan menghapuskan beberapa persengketaan seperti pembayaran cukai dua kali di atas berbagai jenis barang-barang yang mana berlaku di bawah peraturan Kastam dan Eksais pada masa ini.

Syatuan undang-undang eksais seperti yang dicadangkan ini tidak meminda asas atau prinsip-prinsip berkenaan dengan eksais yang sedia terjalin di dalam undang-undang sekarang. Walau bagaimanapun kesempatan telah diambil untuk membuat beberapa pindaan kepada peruntukan-peruntukan yang sedia ada dan juga memasukkan peruntukan-peruntukan yang baru untuk melicinkan pentadbiran penguatkuasaan serta pelaksanaan. Perbekalan-perbekalan yang penting dalam Rang Undang-undang baru ini adalah seperti berikut:

Fasal 6 memperuntukan Menteri berkenaan dengan kuasa untuk menetapkan kadar duti Eksais dan membuat satu Perintah Duti sahaja bagi seluruh Malaysia dan apabila sesuatu barang itu telah dibayar duti di dalam wilayah di mana ianya diperbuat atau dikilang maka barang itu bolehlah diedarkan dengan tidak payah dikenakan apa-apa duti lagi. Mengikut undang-undang eksais sekarang pengedaran barang-barang

yang dikenakan duti eksais dari Semenanjung Malaysia ke Sabah atau Sarawak atau sebaliknya adalah dianggap sebagai ekspot dan impot. Akan tetapi mengikut Rang Undang-undang Eksais baru ini pengedaran barang-barang di dalam ketiga-tiga wilayah akan dianggap sebagai pengedaran di dalam negeri sebagaimana barang-barang diedar misalnya daripada Perlis ke Johor.

Satu peruntukan eksais telah dibekalkan di bawah Bahagian XIV dalam Rang Undang-undang ini berkenaan dengan Labuan. Duti eksais pada masa ini tidak dikenakan ke Labuan. Mengikut peraturan yang dicadangkan di bawah Rang Undang-undang ini, satu perbekalan telah dibuat di mana duti eksais akan dikenakan ke atas barang-barang yang sama yang dikenakan duti impot. Oleh kerana barang-barang seperti tembakau, curut dan rokok dan petrolium yang dikenakan duti impot ke Labuan, tidak ada diperbuat di kilang di Labuan pada masa ini, maka soal pengenaan duti eksais ke atas barang-barang itu tidaklah berbangkit, walaupun peruntukan ada diperbuat supaya sebarang kehilangan hasil dari impot duti digantikan dengan duti eksais.

Berkenaan dengan pengedaran barang-barang berduti eksais daripada kawasan utama Kastam ke Labuan peraturan sekarang iaitu menganggap barang-barang tersebut sebagai ekspot dan impot akan diteruskan. Barang-barang yang diedarkan daripada Labuan ke kawasan utama Kastam juga akan dianggap sebagai impot dan akan dikenakan duti impot.

Bahagian XV Rang Undang-undang yang dicadangkan membekalkan satu peruntukan khas berkenaan dengan perjanjian perdagangan bebas di antara Sabah dan Sarawak yang dikenali sebagai Borneo Free Trade Area Agreement. Di bawah perjanjian ini barang-barang adalah bebas diedarkan di antara kedua-dua negeri akan tetapi suatu peraturan pentadbiran telah dibuat untuk memastikan sesebuah negeri itu tidak akan mengalami kekurangan perdagangan di antara kedua-dua buah negeri berkaitan dengan perbezaan kadar duti kastam dan eksais. Perjanjian perdagangan itu sedang diulangkaji untuk mengadakan satu sahaja kawasan utama Kastam bagi seluruh Malaysia dan sehingga Menteri berkenaan memberi arahan sebaliknya perjanjian perdagangan itu adalah diteruskan.

Bahagian VII menyentuh berkenaan dengan perlesenan minuman-minuman arak. Kuasa menubuhkan Lembaga Perlesenan bagi minuman-minuman arak telah diturunkan oleh Menteri Kewangan kepada Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri di Semenanjung Malaysia. Akan tetapi di Sabah dan Sarawak peraturannya ada berbeza. Kuasa mengeluarkan lesen-lesen itu di Sabah terletak pada pegawai-pegawai Kastam dan Pegawai-pegawai Daerah. Di Sarawak pula kuasa itu terletak di bawah bidang kuasa Majlis Tempatan. Apakala Rang Undang-undang eksais ini dikuatkuasakan kelak adalah dicadangkan bahawa kuasa Menteri menubuhkan Lembaga Perlesenan di bawah Rang Undang-undang ini akan diturunkan kepada Ketua-ketua Menteri Sabah dan Sarawak dan mereka bolehlah menubuhkan Lembaga-lembaga Perlesenan di tiap-tiap daerah dalam Sabah dan Sarawak.

Mengikut perbekalan yang ada di bawah Akta Eksais sekarang pihak Kastam tidak mengambil berat atas berapa banyak atau mutu barang yang boleh diperbuat daripada sejumlah barang mentah yang dipergunakan. Pihak Kastam hanya memungut duti di atas barang-barang apabila ianya siap dan dikeluarkan daripada kilang. Sungguhpun pemeriksaan dilakukan untuk menentukan bahawa jumlah duti yang sebenarnya telah dipungut dengan betul, peruntukan ini memberi peluang kepada pengilang-pengilang melarikan atau mengelakkan duti-duti eksais. Akan tetapi dengan adanya perbekalan di bawah Fasal 9, ianya akan membolehkan pihak Kastam mencegah pelarian cukai dengan lebih berkesan.

Fasal 11 (2) memberi kuasa kepada Menteri Kewangan membuat pengecualian duti tertakluk kepada syarat-syarat yang difikirkan perlu. Akan tetapi kuasa untuk mengecualikan pembayaran balik duti eksais dan juga mengarahkan bayaran balik duti eksais adalah terletak di bawah kuasa Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Perbekalan-perbekalan ini adalah bercanggah dengan perbekalan undang-undang cukai yang lain di mana kuasa untuk mengecualikan bayaran cukai terletak dengan Menteri Kewangan. Memandangkan kepada perselisihan ini adalah difikirkan perlu untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan pembayaran balik duti eksais. Kuasa ini bolehlah diperturunkan ke mana-mana pegawai jika perlu bagi kes yang melibatkan hasil yang

tidak besar. Kuasa yang diberi kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan akan dimansuhkan.

Selain daripada peruntukan-peruntukan penting yang telah saya huraikan di atas ada juga peruntukan-peruntukan yang mana tujuannya adalah semata-mata untuk memperbaiki pentadbiran penguatkuasaan dan perlaksanaannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 92 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KASTAM (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.30 mlm.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi meminda Akta Kastam, 1967" dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda seksyen 2 (1), 81 (1), 83, 84 dan 142 kepada Akta Kastam, 1967. Pindaan-pindaan ini adalah bertujuan untuk mengetatkan lagi kawalan kastam berhubung dengan pergerakan barang-barang tidak berduti menerusi sempadan-sempadan negara yang diangkut dengan cara selain dari jalan-raya, keretapi, laut dan udara.

Pada masa ini, takrif impot dan eksport di bawah Seksyen 2 (1) Akta Kastam hanya terhad kepada impot dan eksport barang-barang dengan cara darat, laut dan udara. Seksyen-seksyen 81, 82, 83, 84, 85 dan 86 dalam Akta yang sama memperuntukkan kawalan Kastam ke atas barang-barang tidak berduit yang diimpot dan diekspot secara laut, udara, keretapi dan jalanraya. Dari itu, jelaslah bahawa pada masa ini tidak ada peruntukan dalam Akta Kastam yang berhubung dengan kawalan impot dan eksport barang-barang yang tidak berduit dengan cara-cara lain seperti impot dan eksport minyak mentah melalui saluran paip.

Untuk mengadakan kawalan yang lebih kemas di atas impot dan eksport barang-barang yang tidak berduit dengan cara-cara selain daripada laut, udara, keretapi dan jalanraya, adalah dicadangkan bahawa Seksyen 2 (1), 81 (1), 83, 84 (1) dan 142 dalam Akta Kastam dipinda seperti berikut:

(a) Seksyen Kecil (1) kepada Seksyen 2 Akta Kastam dipinda dengan memasukkan tambahan takrif berikut selepas takrif eksport;

(i) export by road includes exportation in any manner or by any means by land, and includes, in particular, exportation through the land by means of a pipeline,

(ii) export by sea includes exportation in any manner or by any means by sea, and includes in particular, exportation through the sea by means of a pipeline.

(b) Pindaan yang sama termasuk impot melalui saluran-saluran paip dan cara-cara yang lain juga dibuat di dalam takrif impot di bawah Seksyen Kecil 2 (1), yang sama.

Pindaan-pindaan kepada takrif impot dan eksport bagi Seksyen 2 (1) akan meliputi semua cara pengangkutan termasuk saluran-saluran paip.

Berikutan dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan seperti diterangkan terlebih dahulu, adalah juga dicadangkan meminda Seksyen-seksyen 81 (1), 83 dan 84 (1) untuk membolehkan peraturan kastam dibuat terhadap pergerakan impot dan eksport barang-barang yang tidak berduit melalui saluran-saluran paip dan dengan cara-cara lain juga.

Selanjutnya dicadangkan meminda Seksyen 142 untuk memberi kuasa kepada Menteri Kewangan menentukan tempat untuk mengimpot dan mengekspot dengan cara-cara selain daripada jalanraya, laut, udara dan keretapi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

7.35 mlm.

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini dan saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah membawa Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, bersangkutan dengan penyeludupan ini memanglah kita tahu di dalam sedikit masa yang lalu bahawa sepertimana di sempadan-sempadan, terutama sekali di sempadan Malaysia-Thailand yang mana penyeludupan yang berlaku iaitu beras, tepung dan gula diseludup dengan basikal mengikut jalan-jalan hutan; dibawa masuk dan dibawa keluar daripada Malaysia ini pun ada maka pada satu ketika akan menjadi kerumitan bagi Malaysia di dalam soal barang-barang ini. Begitu juga semasa kekurangan minyak tanah. Minyak tanah ini juga dibawa ke negeri Siam.

Kita tahu negeri Thailand ini harga minyak tanah pada satu ketika murah, tetapi pada masa satu ketika pula telah naik, maka minyak-minyak tanah ini telah dibawa dengan basikal dibunuh di dalam tin ke Thailand. Maka di dalam soal ini sehinggalah negara kita sudah menjadi satu kesusahan atas kekurangan minyak-minyak tanah ini. Kita tidak tahu pula soal minyak disel adakah penyeludupan ini berlaku atau tidak, sebab minyak-minyak ini susah didapati pada hari ini. Bolehlah dikatakan di tempat-tempat minyak kalau kita datang daripada sebelah utara kita berhenti kadangkadangkang sampai dekat 10 tempat tidak ada minyak. Jadi kita hairan hinggalah hari ini keadaan itu berlaku, adakah benda ini diseludupkan atau bagaimana perkara itu telah berlaku kita tidak tahu, maka kita berharaplah kepada pihak yang berkenaan ini akan dapat menyasat di dalam soal ini. Kalau perkara-perkara seperti ini banyak berlaku,

maka tentulah pihak Kastam menambah kakitangan Kastam ini dan dapat menjalankan kerja-kerja itu dengan licin.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan maklumat-maklumat yang diberi, maka ini juga kita harap pihak Kastam juga akan memberi hadiah-hadiah yang lumayan kepada pihak-pihak yang memberi maklumat ini mengikut keadaan barang-barang tangkapan yang terdapat ataupun nilai daripada barang-barang tangkapan ini yang dapat meninggikan sedikit hadiah-hadiah ini. Dengan demikian itu, banyak daripada orang ramai akan bekerjasama dengan Kastam ini memberi laporan-laporan barang-barang penyeludupan ini.

Begitu juga hukuman-hukuman yang berat patut dikenakan kepada pihak-pihak penyeludupan ini. Hukuman yang ditakuti oleh penyeludupan-penyeludupan ini hukuman membuang daerah atau membuang negeri. Hukuman ini dijatuhkan kepada pihak-pihak penyeludupan ini, kerana penyeludupan ini akan mengakibatkan negara kita susah mendapati barang-barang yang diseludup itu samada masuk ataupun keluar di dalam negara kita ini. Itulah sahaja yang dapat saya memberi sedikit-sebanyak pandangan saya di dalam Bil ini dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih.

7.39 mlm.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih atas cadangan-cadangan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim tadi. Beliau telah menyentuh pertamanya di atas perkara penyeludupan yang kita tahu sedang dilakukan oleh pihak-pihak yang anti-nasional, dan pihak Kastam memanglah sentiasa mengawasi keadaan ini dan akan diketatkan lagi urusan-urusan untuk mencegah penyeludupan itu.

Kedua, pegawai-pegawai harus ditambah supaya jentera Kastam kita dilicinkan lagi. Ini satu cadangan saya akan ambil perhatian juga dan di mana-mana sesuai kita akan tambahkan pegawai-pegawai kita supaya berbagai urusan berkenaan dengan Kastam itu dijalankan lebih licin dan berkesan.

Yang ketiga, hadiah kepada pihak-pihak yang sanggup memberi maklumat kepada pihak Kastam. Itu memanglah pihak Kastam

ada satu peruntukan (vote) juga untuk membayar hadiah-hadiah yang dimaksudkan itu dan pihak Kastam pun sentiasa juga mengambil perhatian dan di mana-mana sesuai dan perlu, hadiah ini bukan sahaja diteruskan tetapi lebih lumayan.

Yang keempat, berkenaan hukuman berat ke atas orang yang melanggar undang-undang di bawah Akta Kastam, terpulanglah kepada kebijaksanaan Tuan Hakim-hakim dan Majistret-majistret kita yang memang tahu tentang masaalah ini.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Ismail Sheikh Ibrahim.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PETROLIAM (CUKAI PENDAPATAN) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.43 mlm.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang yang bernama "Suatu Akta untuk meminda Akta (Cukai Pendapatan) Petroliam 1967" dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk membuat perubahan-perubahan kepada Akta (Cukai Pendapatan) Petroliam 1967 akibat daripada munculnya Akta Kemajuan Petroliam 1974 yang mula berkuatkuasa pada

1hb April, 1975. Ianya juga bertujuan untuk memperbaiki lagi pentadbiran Am Akta ini dan peraturan-peraturan rayuan.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu ingin saya menyentuh mengenai latar-belakang peruntukan perundangan dan fiskal terhadap operasi petroliam di negara ini sebelum Akta Kemajuan Petroliam diperkenalkan. Sebelum berkuatkuasanya Akta Kemajuan Petroliam 1974, Rang Undang-undang dan kewangan bagi operasi petroliam adalah diasaskan kepada sistem "concession" sejajar dengan apa yang diikuti di Timur Tengah. Di bawah sistem ini Kerajaan telah menandatangani Perjanjian-perjanjian Petroliam dengan syarat-syarat yang luas termasuk perkara-perkara kewangan bagi perkembangan kawasan-kawasan minyak daripada peringkat menarigali kepada peringkat pengeluaran. Syarikat-syarikat minyak pula mempunyai hak ke atas minyak mentah dan gas yang dijumpai dan boleh menggunakan minyak dan gas itu sesuka hati mereka.

Dengan adanya Akta Kemajuan Petroliam 1974 dasar petroliam sekarang telah bertukar. Dengan Akta ini kesemua pemilikan petroliam termasuk hak-hak mutlak untuk menarigali dan memajukan petroliam adalah terserah kepada Petroliam Nasional Berhad, atau dengan pendeknya PETRONAS. Walau bagaimanapun, PETRONAS boleh menandatangani perjanjian-perjanjian dengan syarikat-syarikat minyak untuk menarigali dan mengeluarkan minyak bagi pihaknya. Syarikat-syarikat minyak walau bagaimanapun tidak lagi mempunyai hak ke atas petroliam yang dijumpai seperti di bawah sistem "concession" yang lama. Perjanjian-perjanjian yang PETRONAS bercadang memperkenalkan adalah akan berasaskan kepada prinsip perkongsian hasil atau yang lebih terkenal dengan "Production Sharing Principle".

Satu pertukaran penting yang berlaku di bawah sistem baru ini ialah mengenai pembayaran royalti. Di bawah sistem "concession" syarikat-syarikat minyak adalah dikehendaki membayar royalti kepada Kerajaan-kerajaan Pusat dan Negeri mengikut kadar yang ditentukan. Sistem pembayaran royalti ini sekarang ditukar dengan

sistem pembayaran wang tunai yang akan dibuat oleh PETRONAS kepada Kerajaan-kerajaan Pusat dan Negeri, sepertimana dikehendaki di bawah Akta Kemajuan Petroliam.

Hasil daripada perubahan-perubahan yang berlaku seperti saya nyatakan tadi, Akta Petroliam (Cukai Pendapatan), 1967, mestilah dipinda. Istilah-istilah "crude oil, petroleum, petroleum operation, chargeable person, dan petroleum agreements" mestilah ditakrif semula. Bagi istilah "chargeable person" ia diertikan sebagai PETRONAS dan mana-mana pihak yang menjalankan operasi petroliam, dan dengan ini PETRONAS bolehlah ditaksirkan atas pendapatan bersihnya dan begitu juga syarikat-syarikat minyak boleh ditaksirkan secara berasingan atas pendapatan bersih mereka.

Dalam penentuan pendapatan kasar, adalah disyorkan nilai harga pasaran sebenarnya digunakan dalam semua keadaan. Pada masa sekarang ini posted price adalah digunakan untuk tujuan-tujuan cukai ke atas minyak mentah yang diekspot. Sementara itu pula nilai pasaran adalah digunakan untuk minyak mentah yang ditapis oleh penapis-penapis tempatan ataupun yang digunakan selain daripada dijual. Di bawah undang-undang yang berkuatkuasa sekarang ini jika sekiranya timbul selisih faham mengenai harga pasaran ini, peruntukan telah sedia ada untuk perkara ini dirujuk kepada Jawatankuasa Ulangkaji Harga. Jawatankuasa Ulangkaji Harga ini mengandungi satu ahli yang dicalun oleh pembayar cukai, satu ahli dicalun oleh Ketua Pengarah Jabatan Hasil Dalam Negeri dan kedua-dua ahli yang dicalun ini akan bersama-sama mencalon ahli yang ketiga yang juga akan menjadi Pengerusi Jawatankuasa. Jika kedua-dua mereka itu tidak dapat persetujuan dalam pencalonan ahli yang ketiga itu pembayar cukai dan Ketua Pengarah Jabatan Hasil Dalam Negeri boleh meminta Presiden Persekutuan Pengadilan Switzerland ataupun The President of the Federal Tribunal of Switzerland untuk mencalonkan ahli yang ketiga. Di bawah pindaan ini adalah dicadangkan supaya kuasa diberi kepada Ketua Hakim Negara untuk mencalonkan ahli yang ketiga ini.

Adalah dicadangkan supaya pembayaran wang tunai yang dibuat oleh PETRONAS kepada kedua-dua Kerajaan Pusat dan Negeri

sepertimana yang saya sebutkan tadi dikira sebagai perkara perbelanjaan dalam kiraan pendapatan yang dikenakan cukai. Ini adalah satu perubahan daripada undang-undang yang berkuatkuasa sekarang ini di mana royalti yang dibayar oleh syarikat-syarikat minyak ke atas minyak mentah yang digunakan di negara ini dikreditkan daripada cukai yang patut dibayar.

Undang-undang sekarang ini memeruntukkan supaya cukai tambahan yang menggunakan harga rujukan cukai ataupun tax reference price dikenakan kepada minyak mentah yang diekspot. Harga rujukan cukai ataupun tax reference price ini didapati daripada posted price selepas ditolak beberapa elaun yang diperuntukan di bawah Akta. Di bawah pindaan ini adalah dicadangkan supaya konsep cukai tambahan yang menggunakan harga rujukan cukai dihapuskan.

Undang-undang yang berkuatkuasa sekarang ini juga membenarkan cukai-cukai impot yang dibayar oleh syarikat minyak ke atas alat-alat dan bahan-bahan yang digunakan dalam operasi petroliaam dan juga duti eksport yang dibayar oleh syarikat minyak dan lain-lain dikreditkan kepada cukai yang kena dibayar. Adalah dicadangkan bahawa kredit seperti ini dihapuskan kerana sebab-sebab hasil.

Adalah juga dicadangkan supaya seorang yang dikenakan membayar cukai atau chargeable person yang benar-benar mengeluarkan belanja dibenarkan membuat potongan-potongan ke atas perbelanjaan mencarigali yang layak di bawah Jadual 1 Akta (Cukai Pendapatan) Petroliaam. Dalam pengiraan elaun pendapatan berkanun bagi seseorang yang dikenakan cukai, elaun kapita ke atas perbelanjaan logi yang layak dan perbelanjaan pembangunan yang layak di bawah Jadual II adalah diberi kepada seseorang yang dikenakan cukai yang sebenarnya mengeluarkan perbelanjaan, tidak kira samada alat-alat yang dibawa masuk ke negeri ini diserahkan kepada PETRONAS. Apabila alat-alat itu tidak digunakan lagi tetapi sekiranya masih ada lagi nilai ke atas perbelanjaan yang layak ke atasnya, elaun yang masih ada lagi itu ataupun balancing allowance akan diberi kepada syarikat minyak yang tidak mengambil kredit ke atas nilai buangan harga itu. Walau bagaimanapun, peruntukan adalah dibuat untuk mengenakan cukai ke atas

PETRONAS ke atas hasil atau nilai pasaran harta-harta yang berkenaan mengikut mana yang lebih sebagai pendapatan kasar daripada operasi petroliaam.

Rang Undang-undang ini juga cuba memperbaiki pentadbiran am dan peraturan rayuan Akta ini. Masa yang dibenarkan bagi seseorang yang dikenakan cukai untuk menyiapkan penyata akaunnya kepada Ketua Pengarah telah dikurangkan daripada enam kepada tiga bulan selepas penghujung tahun asas, bagi satu tahun taksiran. Ketua Pengarah boleh mengumumkan dengan apa cara yang difikirkan patut mengenai butir-butir seseorang yang dikenakan cukai yang telah didapati salah ataupun telah dihukum kerana telah melakukan kesalahan di bawah Akta ini. Peruntukan juga dimasukkan dalam Rang Undang-undang ini untuk meninggikan denda-denda dan penalti bagi kesalahan-kesalahan untuk menjadikan denda-denda ini satu pencegah dan juga untuk memberi kuasa kepada Mahkamah Rendah untuk menimbangkan kesalahan-kesalahan atau dakwaan-dakwaan dan jika didapati salah mengenakan denda dengan sepenuhnya. Peruntukan juga telah dimasukkan bagi Suruhanjaya Khas Cukai Pendapatan Petroliaam untuk membuat perintah mengenai kos dan bagi Ketua Pengarah untuk merayu kepada Suruhanjaya Khas supaya dakwaan atau setengah daripadanya didengar secara terbuka kepada orang ramai.

Adalah dicadangkan bahawa pindaan-pindaan ini dikuatkuasakan pada tarikh yang sama kuatkuasanya Akta Kemajuan Petroliaam, 1974 iaitu pada 1hb April, 1975 supaya perubahan dasar fiskal berlaku pada masa yang sama dengan perubahan dalam dasar petroliaam.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 64 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.00 malam.